

"MEMBANGUN serta memantapkan sektor swasta adalah merupakan alternatif utama dalam menangani masalah pengangguran melalui pejudan pembangunan ekonomi yang berdaya tahan lagi berterusan. Inilah satu-satunya cara supaya kita dapat menyediakan lebih banyak lagi peluang pekerjaan." - Titah sempena Sambutan Perayaan Hari Ulang Tahun Ke-19 Hari Kebangsaan pada 23 Februari 2003.



"DARI Abi Bakarrah Radiallahuanhu dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda, sultan adalah payung Allah di bumi, siapa yang menghormati sultan, maka Allah akan menghormatinya dan siapa yang menghinanya, maka Allah akan menghinanya." - Hadis Rasulullah riwayat Al-Imam Al-Tabarani.

Perekonomian penting kekal kemakmuran negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika bersemayam di Patarana, Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman. (Lagi berita dan gambar-gambar sempena Hari Keputeraan dimuatkan di muka 3, 4, 5, 10, 12 dan 13).

Oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn
dan Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, baginda memandang berat terhadap keadaan perekonomian negara, kerana menurut baginda ia adalah satu faktor yang paling utama untuk mengekalkan kesejahteraan dan kemakmuran.

"Menyentuh soal kebajikan secara menyeluruh, beta adalah memandang berat terhadap keadaan perekonomian negara, sebagai sifatnya satu faktor paling utama untuk mengekalkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat kita," titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-59 di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di sini.

Baginda seterusnya bertitah bahawa dalam dunia globalisasi dan persaingannya yang amat hebat, usaha-usaha untuk mewujudkan ekonomi negara

yang lebih teguh serta mampu berdaya saing, adalah perlu ditingkatkan terus dari masa ke semasa.

"Maka ke arah ini, kerajaan beta tidak berpeluk tubuh dari melaksanakan berbagai langkah termasuk menggalakkan usahawan-usahawan tempatan serta meningkatkan tahap aktiviti perindustrian dan juga membuka luas peluang pelaburan asing di negara ini," titah baginda menyeru bagi peningkatan usaha mengukuhkan ekonomi negara.

Baginda juga bertitah menyarankan agar penghalang-penghalang kepada pengendalian perusahaan dan perniagaan, seperti proses-proses yang terlalu birokratik, sukar difahami atau kurang jelas hendaklah diatasi. Demikian juga dengan penyakit yang lebih berbahaya seperti penyakit rasuah, hendaklah dibanteras sama sekali.

"Apa yang beta mahu, semua perkara yang mudah mestilah dipercepatkan pengendaliannya, sementara perkara yang lebih kompleks pula, juga hendaklah diusahakan seberapa boleh, untuk dipermudahkan prosesnya," titah baginda lagi.

PELITA BRUNEI
hari ini menerbitkan
Edisi Tambahan 8 muka
surat sempena Hari
Keputeraan Kebawah
DYMM Ke-59 Tahun

Pimpinan lama, baru bernilai majukan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dan melahirkan harapan agar rombongan kehormatan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan beberapa lantikan baru bagi tempoh lima tahun, akan dapat membawa Negara Brunei Darussalam ke satu tahap kemajuan dan kesejahteraan yang baginda hasratkan.

Baginda bertitah demikian di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bin-

tang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-59 di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di sini.

"Lantikan-lantikan baru itu meliputi pelbagai latar belakang pengalaman dan kemahiran, bukan sahaja daripada kalangan sektor kerajaan tetapi juga daripada sektor swasta. Ini diharapkan akan menambah lagi keupayaan kerajaan beta dari sudut tenaga kepakaran," titah baginda lagi.

Menyentuh mengenai titah rombakan berkenaan, baginda juga bertitah

bahawa ianya bukanlah satu hadiah atau hukuman kepada sesiapa juga, malahan baginda menganggap pimpinan baru dan lama masing-masing mempunyai ciri istimewa yang bernilai untuk kemajuan negara dan baginda amat menghargainya.

"Apa yang kita lakukan ini, adalah amalan biasa di mana-mana, bukannya satu hadiah atau hukuman kepada siapa-siapa. Malahan secara peribadi, beta menganggap kepimpinan yang baru mahupun yang lama adalah sama-sama memiliki ciri-ciri bernilai untuk Negara Brunei Darussalam," titah baginda lagi.

Perumahan rakyat menjadi prioriti kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Penyediaan kemudahan orang ramai, terutamanya kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan merupakan yang paling teratas sekali.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan perkara tersebut ketika menyentuh mengenai kewajipan utama kerajaan untuk meningkatkan tahap pembangunan negara semasa bertitah sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-59.

an baginda ke-59.

"Sebab itu langkah supaya setiap rakyat mempunyai tempat atau rumah kediamannya sendiri adalah merupakan prioriti pembangunan negara berterusan," titah baginda menegaskan.

Menurut titah baginda, sungguhpun terdapat pelbagai cabaran bagi mencapai matlamat itu, namun baginda yakin kadar pembinaan rumah di bawah skim-skim perumahan

yang ada boleh dipertingkatkan lagi untuk memenuhi permintaan dan keperluan rakyat yang semakin ramai.

Ketika bertitah baginda juga menekankan bahawa kemudahan-kemudahan asas yang yang lain adalah tidak diabaikan, sama ada di kawasan-kawasan pedalaman mahupun kawasan-kawasan bandar yang sebenarnya sudah pun ada, cuma perlu dipertingkatkan lagi kualitinya.

KASIH SAYANG
TERSEMAI,
KELUARGA
RUKUN DAMAI

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan:
Harga keamanan dan kesejahteraan mustahak

- Muka 2
Melirik Masa Silam:
Kenangan Musim-musim Perayaan

- Muka 6
Analisis:

Bersama-sama membina dunia yang adil lagi sejahtera

- Muka 7

Melirik Masa Silam :
40 dikurniakan Bintang Kebesaran

- Muka 10

Majlis Santap Negara sempena Hari Keputeraan

- Muka 12 dan 13

Peranan BINA mengembangkan koperasi dan industri

- Muka 2 ANEKA

Negara perlukan pegawai, kakitangan yang ikhlas, jujur dan amanah

- Muka 3 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PENUBUHAN Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei (BIFC) pada tahun 2000 merupakan satu usaha ke arah merealisasikan matlamat dasar kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara. Salah satu usaha di bawah penubuhan BIFC ialah untuk mewujudkan bank Islam antarabangsa di negara ini yang mana peruntukan undang-undang telah disediakan di bawah 'International Banking Order 2000'. Penubuhan bank-bank Islam antarabangsa ini adalah selaras dengan aspirasi negara bagi menggalakkan pertumbuhan kewangan Islam dan menjadikan negara ini sebagai pusat kewangan Islam serantau dan antarabangsa. Setakat ini BIFC telah mengeluarkan hampir 3,000 lesen syarikat antarabangsa termasuk enam lesen bagi urusan niaga perbankan yang dua daripadanya adalah lesen perbankan Islam. - Sumber: Rancangan Kewangan Negara (RKN) Negara Brunei Darussalam Kelapan (2001-2005) (n: 137) & Titah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-59 pada 15 Julai 2005, di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan (2005:20).



20 JULAI 2005 BERSAMAAN 1426 جُمَادِي الْآخِر 13

HALA TUJU NEGARA YANG LEBIH DINAMIK

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda dari Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman baru-baru ini telah menggariskan beberapa strategi ke arah hala tuju negara yang lebih dinamik dan progresif semata-mata untuk terus meningkatkan pembangunan dan kemajuan bagi kesejahteraan seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Tidak syak lagi strategi yang baginda gariskan itu akan tetap membawa negara lebih cemerlang dan gemilang serta menjaga ekonomi yang lebih mantap dan mapan.

Antara strategi yang dimaksudkan itu ialah rombakan kabinet, mewujudkan ekonomi negara yang lebih teguh serta mampu bersaing, mengukuhkan monetary dan kestabilan kewangan, penggabungan dua buah bank tempatan dan menggerakkan kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa khususnya dalam Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Sememangnya negara kita di bawah pemerintahan bijaksananya raja yang kita kasihi sejak 38 tahun telah menempatkan bumi darussalam maju dalam segenap bidang. Walau bagaimanapun sebagai 'working monarch', baginda tanpa mengira penat-lelah terus menumpukan usaha gigih ke arah lebih memakmurkan negara. Strategi yang baginda gariskan dalam titah sempena Hari Keputeraan Ke-59 benar-benar mencerminkan hasrat dan visi baginda yang murni untuk mencemerlangkan negara di mata dunia antarabangsa. Kita amat beruntung mempunyai seorang raja yang sentiasa mengutamakan kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat jelata.

Rombakan Menteri-menteri Kabinet pada 24 Mei lalu, merupakan mercu tanda dalam sejarah tanah air sejak 21 tahun kita merdeka. Perlantikan generasi pemimpin baru dalam kabinet itu akan membawa Brunei ke satu tahap kemajuan dan kesejahteraan yang lebih dinamik. Ini kerana rombakan itu mengadun pengalamatan dan kemahiran kalangan sektor kerajaan dan swasta yang diharapkan mampu menambahkan lagi keupayaan kerajaan dari sudut tenaga dan kepakaran.

Perekonomian yang menjadi tulang belakang pada mengekalkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat menjadi tumpuan utama kerajaan baginda. Dalam hubungan itu, kerajaan melaksanakan pelbagai langkah proaktif termasuk menggalakkan para usahawan tempatan serta meningkatkan tahap aktiviti perindustrian, di samping membuka peluang pelaburan asing di negara ini. Kita melihat dalam dunia globalisasi dan persaingan yang amat hebat, usaha-usaha untuk mewujudkan ekonomi negara yang lebih teguh dan mampu berdaya saing perlu ditingkatkan.

Dalam sektor kewangan, kerajaan sedang mengatur beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi monetary dan kestabilan kewangan. Untuk maksud murni itu, kerajaan sedang berusaha gigih menggubal atau meminda beberapa rang undang-undang yang berkaitan antaranya termasuk Akta Insurans, Akta Bank, Akta Syarikat Kewangan dan Akta Pajak Gada. Begitu juga cadangan kerajaan menggabungkan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) dianggotai amat bijak dalam usaha untuk mengukuhkan keupayaan dan daya saing bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat antarabangsa selaras dengan trend global masa kini. Di bidang kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa, negara kita akan terus melaksanakan kesemua perjanjian yang dimeterai dalam ASEAN, APEC dan WTO.

Untuk menggapai hasrat tinggi 'menggunung' itu, integriti dan budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam amatlah diperlukan bagi memastikan jentera kerajaan berjalan dengan lancar. Ini menuntut semua warga sektor awam 'membudayakan' kerja cekap dan mantap yang antaranya termasuk bekerja penuh teliti, penuh bertanggungjawab, amanah dan jujur demi untuk kebaikan rakyat dan penduduk negara ini. Untuk itu elok rasanya kita amat-amati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan baginda tahun ini. Antara lain baginda bertitah:

"Ciri-ciri yang harus ada di dalamnya antara lain ialah berilmu, bersifat optimistik, bekerja dengan gigih dan bermuafakat, bersifat prihatin dan pemedulian, bersikap jimat cermat, mengutamakan pembelajaran dan ilmu pengetahuan, jujur dan amanah serta berintegriti."

Kita juga perlu ingat dalam merancang strategi pembangunan itu terdapat hambatan yang perlu kita hadapi antaranya ialah ancaman yang berupa jenayah dan gejala sosial. Kedua-dua unsur ini ternyata menjadi 'penghalang' dan 'membantutkan' kelancaran kemajuan yang kita rancang. Tanpa keamanan dan kesejahteraan negara tidak akan dapat menikmati kebahagiaan. Harga keamanan dan kesejahteraan itu paling 'mahal' dan kita perlu menaainya.

Jelas strategi yang dinyatakan dan banyak lagi langkah-langkah yang diambil kesemuanya akan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk. Haluan yang baginda gariskan dalam titah dari Balai Singgahsana pada 15 Julai itu akan terus membawa landskap pembangunan dan kemajuan negara. Selaku rakyat yang bernaung di bawah payung baginda pula perlu bersiap siaga dalam merealisasikan cita-cita dan hasrat murni baginda itu.

HALUAN...

HARGA KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN MUSTAHAK - titah

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Aalameen, Wabih-ee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihiee Wasahibihie Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya yang tidak terhingga, sehingga dapatlah kita berkumpul di istiadat ini, bersempena dengan ulang tahun Hari Keputeraan beta yang ke-59.

Beta dengan ikhlas terlebih dahulu ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu beta, sama ada yang datang dari jauh mahupun dekat, untuk sama-sama meraikan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan beta ini.

Demikian juga dif-dif yang lain serta semua pihak yang telah menghantar perutusan-perutusan ucap selamat mereka bersempena dengan perayaan ini.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala juga yang akan membalas ingatan baik mereka itu dengan ganjaran yang sebaik-baiknya.

KEAMANAN

Alhamdulillah, negara kita, Brunei Darussalam terus menikmati keamanan dan kesejahteraan. Tanpa keamanan dan kesejahteraan, sesebuah negara itu tidak akan dapat menikmati kebahagiaan.

Itulah dia harga keamanan dan kesejahteraan.

Sebab itu, usaha-usaha ke arah menjaga, mempertahankan dan meneruskan keamanan di negara ini adalah merupakan tanggungjawab besar kita bersama. Beta sangatlah menghargai kerjasama orang ramai kepada agensi-agensi penguatkuasaan keselamatan kerajaan beta yang ditugaskan untuk itu.

Agensi-agensi berkenaan pula hendaklah sentiasa bersedia menghadapi apa jua bentuk ancaman, termasuk ancaman jenayah serta gejala sosial yang boleh merosakkan keamanan.

Di dalam menghadapi ancaman-ancaman yang ada serta juga kemungkinan ancaman berbentuk baru, agensi-agensi kesela-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda ke-59 tahun pada hari Jumaat, 9 Jamadilakhir 1426/15 Julai 2005.

matan perlu membuat persediaan yang proaktif.

Ancaman jika ada, serta yang mungkin berlaku, perlulah dihadapi dengan langkah-langkah awal yang komprehensif. Ini termasuklah ancaman-ancaman seperti bencana alam yang tidak disangka-

kemahiran, bukan sahaja daripada kalangan sektor kerajaan tetapi juga daripada sektor swasta. Ini diharapkan akan menambak lagi keupayaan kerajaan beta dari sudut tenaga dan kepakaran.

Apa yang kita lakukan ini, adalah amalan biasa di mana-mana, bukannya

usaha untuk mewujudkan ekonomi negara yang lebih teguh serta mampu berdaya saing, adalah perlu ditingkatkan terus dari masa ke semasa.

Maka ke arah ini, kerajaan beta tidak terpeluk tubuh dari melaksanakan pelbagai langkah, termasuk menggalakkan usahawan-usahawan tempatan serta meningkatkan tahap aktiviti perindustrian dan juga membuka luas peluang pelaburan asing di negara ini.

Penghalang-penghalang kepada pengendalian perusahaan dan perniagaan seperti proses-proses yang terlalu birokratik, sukar difahami atau kurang jelas, hendaklah diatasi. Demikian juga penyakit lebih berbahaya seperti rasuah, hendaklah dibanteras sama sekali.

Apa yang beta mahu, semua perkara yang mudah mestilah dipercepatkan pengendaliannya, sementara perkara yang lebih kompleks pula juga hendaklah diusahakan secepat yang boleh untuk dipermudahkan prosesnya.

INSTITUSI KEWANGAN

Khusus mengenai sektor kewangan, kerajaan beta melalui Kementerian Kewangan sedang me-

lebih teratur, selaras dengan kehendak piawaian yang terbaik antarabangsa.

Baru-baru ini beta juga telah memperkenalkan cadangan penggabungan dua buah bank tempatan iaitu Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB). Ini adalah dianggap selaras dengan trend global masa kini, di mana beberapa buah bank dapat bergabung untuk mengukuhkan keupayaan dan daya saing, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Menyentuh mengenai Pusat Kewangan Antarabangsa (BIFC) pula, dalam usianya yang baru lima tahun, ia telah mengeluarkan hampir 3,000 lesen syarikat antarabangsa, termasuk enam lesen bagi urus niaga perbankan, di mana dua daripadanya adalah lesen perbankan Islam. Semua ini merupakan petanda baik yang boleh meyakinkan kita bahawa usaha-usaha kita selama ini sudah menampakkan hasil yang diharapkan.

PROSEDUR TAWARAN

Mulai 1 November 2004 yang lalu, kerajaan beta telah memberi kuasa kepada setiap kementerian untuk menubuhkan Lembaga Tawaran Kecil masing-masing. Setiap Lembaga Tawaran Kecil boleh mempertimbangkan mana-mana tawaran yang bernilai \$250,000.00 dan ke bawah dan seterusnya menghadapkan sokongan kepada menteri-menteri masing-masing bagi diluluskan sendiri oleh menteri-menteri berkenaan.

Langkah ini bertujuan untuk mempercepatkan lagi perkhidmatan dan prosedur tawaran serta sebut harga di seluruh jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Oleh yang demikian, beta berharap agar setiap ahli Lembaga Tawaran Kecil dan kementerian-kementerian dapat melaksanakan tugas mereka dengan teliti, penuh bertanggungjawab, amanah dan jujur, demi kepentingan negara serta rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sistem pembaikan dan peningkatan sedemikian ini adalah sangat mustahak, khususnya bagi semua peringkat Perkhidmatan Awam.

ANCAMAN jika ada, serta yang mungkin berlaku, perlulah dihadapi dengan langkah-langkah awal yang komprehensif. Ini termasuklah ancaman-ancaman seperti bencana alam yang tidak disangka-sangka, di mana contohnya telah pun turut melanda rantau kita baru-baru ini.

ROMBAKAN KABINET

Pada bulan Mei yang lalu, beta telah mengambil keputusan untuk merombak keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan membuat beberapa lantikan baru bagi tempoh lima tahun.

Beta berharap generasi pemimpin baru ini akan membawa Negara Brunei Darussalam ke suatu tahap kemajuan dan kesejahteraan yang kita hasratkan.

Lantikan-lantikan baru ini meliputi pelbagai latar belakang pengalaman dan

satu hadiah atau hukuman kepada siapa-siapa. Malahan secara peribadi, beta menganggap kepimpinan yang baru mahupun yang lama adalah sama-sama memiliki ciri-ciri bernilai untuk Negara Brunei Darussalam. Beta amatlah menghargainya.

PEREKONOMIAN

Menyentuh soal kebajikan secara menyeluruh, beta adalah memandang berat terhadap keadaan perekonomian negara, sebagai sifatnya satu faktor paling utama untuk mengekalkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat kita.

Dalam dunia globalisasi serta persaingannya yang amat hebat, usaha-

ngatur langkah untuk mengukuhkan lagi monetary dan kestabilan kewangan. Ke arah ini, beberapa rang undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Insurans, Akta Bank, Akta Syarikat Kewangan dan Akta Pajak Gada sedang digubal atau dipinda.

Dengan penggabungan atau pindaan ini, diharapkan pihak berkuasa akan lebih mudah untuk menjalankan pengawalseliaan ke atas institusi-institusi kewangan, setanding dengan amalan-amalan negara-negara maju. Ia juga bertujuan untuk memastikan kewangan di negara ini akan dapat beroperasi

Harga keamanan mustahak

Dari muka 2

Budaya kerja yang cekap lagi mantap adalah memainkan peranan paling penting bagi memastikan jentera kerajaan berjalan dengan lancar dan sempurna.

Ciri-ciri yang harus ada di dalamnya antara lain ialah beriman, bersifat optimistik, bekerja dengan gigih dan bermuafakat, bersifat prihatin dan pemeduliaan, bersikap jimat cermat, mengutamakan pembelajaran dan ilmu pengetahuan, jujur dan amanah serta berintegriti.

Usaha pada meningkatkan integriti itu bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada ketua dalam agensi, malahan juga bagi setiap kakitangan dalam organisasi.

PEMBANGUNAN

Seperkara yang menjadi kewajipan utama kerajaan ialah meningkatkan tahap pembangunan negara. Di dalam hubungan ini, penyediaan kemudahan orang ramai, terutamanya kemudahan kemudahan asas seperti perumahan adalah paling di atas sekali.

Sebab itu langkah supaya setiap rakyat mempunyai tempat atau rumah kediamannya sendiri adalah merupakan prioriti pembangunan negara yang berterusan.

Sungguhpun terdapat pelbagai cabaran bagi mencapai matlamat ini, namun beta yakin, kadar pembinaan rumah di bawah skim-skim perumahan yang ada boleh dipertingkatkan lagi untuk memenuhi permintaan dan keperluan rakyat yang semakin ramai.

Demikian juga penyediaan kemudahan-kemudahan asas yang lain adalah tidak diabaikan, sama ada di kawasan-kawasan pedalaman mahupun kawasan-kawasan bandar. Sebenarnya, semua itu sudah ada, cuma perlu dipertingkatkan lagi kualitinya.

WARGA ANTARABANGSA

Dari sudut hubungan

antarabangsa, kerajaan beta akan meneruskan peranan negara ini selaku warga antarabangsa yang berhemah tinggi serta mempunyai pendirian kuat untuk terus memegang prinsip-prinsip memelihara kepentingan negara di arena antarabangsa.

Di dalam bidang kerjasama ekonomi pula, negara kita akan melaksanakan kesemua perjanjian yang dimeterai dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa termasuk ASEAN, APEC dan juga Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

Demikian juga kita mengalu-alukan setiap langkah dan usaha untuk mengeratkan lagi persefahaman dan hubungan dua hala yang sedia ada dengan rakan-rakan, sama ada di dalam mahupun di luar rantau ini.

Dasar kita ialah 'bersama-sama membina dunia yang adil lagi sejahtera'.

SETINGGI

PENGHARGAAN

Akhirnya, di dalam kesempatan ini, beta dengan ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih beta kepada semua lapisan rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat di dalam Perkhidmatan Awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan dan juga mereka yang berkhidmat di sektor swasta yang telah menyumbangkan segala tenaga dan buah fikiran melalui khidmat bakti serta sokongan mereka terhadap kerajaan beta, demi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Demikian juga beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh ahli jawatankuasa perayaan, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun daerah, di atas usaha mereka yang gigih pada menjayakan semua rancangan-rancangan perayaan pada tahun ini. Semoga Allah juga akan mengurniakan ganjaran-Nya kepada mereka. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Monetary, kestabilan kewangan diperkukuhkan

Oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@ information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Khusus mengenai sektor kewangan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa kerajaan baginda melalui Kementerian Kewangan sedang mengatur beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi monetary dan kestabilan kewangan. Ke arah itu, menurut titah baginda lagi, beberapa rang undang-undang berkaitan termasuk

Akta Insurans, Akta Bank, Akta Syarikat Kewangan dan Akta Pajak Gadaai sedang digubal atau dipinda.

Baginda bertitah demikian di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-59. Istiadat berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul

Iman di sini.

"Dengan penggubalan atau pindaan ini, diharapkan pihak berkuasa akan lebih mudah untuk menjalankan pengawalseliaan ke atas institusi-institusi kewangan, setanding dengan amalan-amalan negara-negara maju. Ia juga bertujuan untuk memastikan yang institusi-institusi kewangan di negara ini akan dapat beroperasi lebih teratur, selaras dengan

kehendak piawaian yang terbaik antarabangsa," titah baginda.

Menyentuh mengenai titah berkenaan baginda terhadap penggabungan dua buah bank Islam tempatan iaitu Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), baginda bertitah bahawa ianya adalah dianggap selaras dengan aliran global masa kini, di samping akan dapat mengukuhkan lagi keupayaan dan daya saing, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Prinsip memegang kepentingan negara di arena antarabangsa terus diamalkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan meneruskan peranan negara selaku warga antarabangsa yang berhemah tinggi serta mempunyai pendirian kuat untuk memegang prinsip-prinsip memelihara kepentingan negara di arena antara-

bangsa.

Di dalam bidang kerjasama ekonomi pula, negara akan melaksanakan kesemua perjanjian serantau dan antarabangsa termasuk ASEAN, APEC dan juga Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

Demikianlah juga kita mengalu-alukan setiap langkah dan usaha mengeratkan lagi persefahaman dan hubungan dua hala yang sedia ada dengan rakan-rakan, sama ada di

dalam mahupun di luar rantau ini.

"Dasar kita ialah 'bersama-sama membina dunia yang adil lagi sejahtera'," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-59.

Pada kesempatan itu baginda dengan ikhlas merakamkan ucapan teri-

ma kasih kepada semua lapisan rakyat dan penduduk termasuk semua peringkat di dalam Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan dan mereka yang berkhidmat di sektor swasta yang telah menyumbangkan segala tenaga dan buah fikiran melalui khidmat bakti serta sokongan mereka terhadap kerajaan baginda, demi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Usaha tingkatkan integriti Perkhidmatan Awam tanggungjawab semua pihak

Rakamkan penghargaan, dan terima kasih

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Usaha meningkatkan integriti Perkhidmatan Awam bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada ketua dalam sesebuah agensi tetapi juga setiap kakitangan dalam organisasi tersebut.

Ke arah itu, sistem pembaikan dan peningkatan adalah sangat mustahak, khasnya bagi semua peringkat Perkhidmatan Awam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara tersebut semasa bertitah sempena ulang tahun Hari Keputeraan

baginda ke-59 tahun, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Baginda menambah titah, budaya kerja yang cekap lagi mantap adalah memainkan peranan paling penting bagi memastikan jentera kerajaan berjalan dengan lancar dan sempurna.

Baginda seterusnya bertitah, ciri-ciri yang harus ada di dalamnya antara lain ialah beriman, bersifat optimistik, bekerja dengan gigih dan bermuafakat, bersikap jimat cermat, mengutamakan pembelajaran dan ilmu pengetahuan, jujur dan amanah serta berintegriti.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih baginda kepada semua lapisan rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat di dalam Perkhidmatan Awam kerajaan, pasukan-pasukan keselamatan dan juga mereka yang berkhidmat di sektor swasta yang telah menyumbangkan segala tenaga dan buah

fikiran melalui khidmat bakti serta sokongan mereka terhadap kerajaan baginda, demi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Semasa bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena Hari Keputeraan Ke-59, baginda seterusnya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh ahli jawatankuasa perayaan, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun daerah, di atas usaha mereka yang gigih pada menjayakan semua rancangan-rancangan perayaan pada tahun ini.

Pemimpin luar utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar asing sempena ulangtahun Hari Keputeraan Ke-59 hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Fahd bin Abdul Aziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Arab Saudi; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al-Hussein, Raja Jordan; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun.

Tuan Yang Terutama Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono, Presiden Republik Indonesia; Tuan Yang Terutama Presiden S. R. Nathan, Presiden Republik Singapura; Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo, Presiden Republik Filipina; Tuan Yang Terutama Tran Duc Luong, Presiden Republik Sosialis Viet Nam; Tuan Yang Terutama Khamtay Siphandone, Presiden Demokratik Republik Rakyat Lao; Tuan Yang Terutama Dr. A. P. J. Abdul Kalam, Presiden India; Tuan Yang Terutama General Pervez Musharraf, Presiden Republik Islam Pakistan; Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Iajuddin Ahmed, Presiden Republik Rakyat Bangladesh dan Tuan Yang Terutama Victor Yushchenko, Presiden Ukraine.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia; Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura; Tuan Yang Terutama Phan Van Khai, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam; Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith, Perdana Menteri Demokratik Republik Rakyat Lao; Tuan Yang Terutama Shaukar Aziz, Perdana Menteri Republik Islam Pakistan dan Puan Yang Terutama Begum Khaleda Zia, Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh.



Liputan Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd.
Noor dan Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi (kiri).

BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar (bawah).

Para tetamu khas luar negeri diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap para tetamu khas luar negeri yang berada di negara ini bagi menghadiri sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Mengadap secara berasingan itu berlangsung di Istana Nurul Iman.

Baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri mula-mula menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Syed Walid Ismail



BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein Onn.

Al-Kurdi dari Jordan.

Setelah itu diikuti Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dan isteri; Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Hishamuddin bin Tun Hussein

Onn dan isteri; Setiausaha Luar Negeri Filipina, Yang Berhormat Alberto G. Romulo dan isteri; Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Kantathi Suphamongkhon dan isteri; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhor-

mat Datuk Musa Haji Aman dan isteri; Ketua Polis Negara Malaysia, Tan Sri Dato Seri Pahlawan Mohd. Bakri bin Haji Omar dan isteri dan Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Seri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud.



BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Setiausaha Luar Negeri Filipina, Yang Berhormat Alberto G. Romulo.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri semasa berkenan menerima mengadap isteri Menteri Luar Negeri Malaysia, Datin Seri Sharifah Azizah.



BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Yang Mulia Tengku Datin Seri Marsila binti Tengku Abdullah, isteri Menteri Pelajaran Malaysia.



BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Kantathi Suphamongkhon.



BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Ketua Polis Negara Malaysia, Tan Sri Dato Seri Pahlawan Mohd. Bakri bin Haji Omar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Musa Haji Aman (atas).

BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Seri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud (atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan menerima mengadap isteri Setiausaha Luar Negeri Filipina, Puan Rosie Lovley Romulo (kiri).



BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Puan Sri Zaleha binti Mohammad, isteri Ketua Polis Negara Malaysia (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan menerima mengadap Puan Suparvan Suphamongkhon, isteri Menteri Hal Ehwal Luar Thailand (atas).

BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Datin Hajjah Faridah Haji Tussin, isteri Ketua Menteri Sabah (kanan).



Kementerian Hal Ehwal Ugama anjur Peraduan Dikir Syarafil Anam

BERAKAS, 3 Julai. - Peraduan Dikir Syarafil Anam antara lain bertujuan sebagai salah satu usaha kementerian dalam menyebarkan, membudaya dan memasyarakatkan dikir ke dalam kehidupan harian, di samping mengekalkannya sebagai salah satu acara menyemarakkan syiar Islam di negara ini.

Awang Haji Kassim bin Metali, Pengerusi Peraduan berkata demikian di Peraduan Dikir Syarafil Anam (Dikir

**Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar
dan Siti Seri Leila Imelda Farrah
Zohre Haji Abdullah**

Brunei) yang diadakan di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiyah hari ini. Turut hadir selaku tetamu kehormat majlis pagi itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin.

Peraduan yang pertama kali dianjurkan oleh KHEU telah disertai oleh sejumlah 22 buah pasukan terdiri dari 11 pasukan lelaki dan 11 pasukan wanita di bawah KHEU termasuk Pejabat Ugama Daerah, di mana setiap pasukan dikehendaki membawa dua buah lagu dikir iaitu Dikir

Khairuman Kipi dan Badat Kipi dalam lagu-lagu baru dan lama.

Semua pasukan dikehendaki menjalani dua pusingan, iaitu pusingan pertama yang dijalankan pada 2 Julai, di mana setiap pasukan membawakan lagu baru. Pusingan kedua yang diadakan hari ini menghendaki setiap pasukan akan membawa lagu lama, setiap pasukan akan dinilai dari sudut lagu, fasahah dan suara oleh para panel hakim yang terdiri dari Imam-imam Masjid yang berkebolehan dan pakar dalam lagu-lagu dikir.

Peraduan tersebut mempertandingkan pasukan lelaki yang dijuarai oleh Pasukan Jabatan Hal Ehwal Masjid, manakala Pasukan Pejabat Ugama Temburong menyandang tempat kedua dan tempat ketiga Pasukan Pejabat Ugama Daerah Belait. Hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis. Pertandingan pagi itu juga turut diserikan dengan persembahan Dikir Badat Si Jafar yang dipersembahkan oleh ahli-ahli jawatankuasa majlis.

Manakala di sebelah petang pula mempertandingkan pasukan wanita yang dihadiri oleh Datin Hajah Rosnah binti Megat Ramly selaku tetamu kehormat majlis dan diserikan lagi dengan Persembahan Dikir Alham oleh ahli-ahli jawatankuasa peraduan. Pertandingan petang itu juga telah dijuarai oleh Pasukan Pusat Da'wah Islamiyah.

Datin Hajah Rosnah juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

14 dinaikkan pangkat

BERAKAS, 4 Julai. - Seramai 14 orang pegawai kanan dan Pegawai Balai Jabatan Perkhidmatan Bomba menerima tanda pangkat dan surat lantikan di Majlis Penyampaian Tanda Pangkat yang berlangsung di Mes Pegawai Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama di sini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Johari bin Jaludin.

Seramai tiga orang pegawai kanan dilantik ke

jawatan Pemangku Penolong Pengarah Perkhidmatan Bomba iaitu Awang Mohd. Salleh bin Nayan, Pengiran Sabli bin Pengiran Damit dan Awang Shabbendi bin Haji Abdul Halim.

Manakala tiga orang Penolong Penguasa Perkhidmatan Bomba dinaikkan pangkat ke Penguasa dan Pemangku Penguasa Perkhidmatan Bomba yang bermula hari ini (4 Julai). Mereka ialah SFS Othman bin Tuah, Hamdani bin Haji Abdul

Latif dan Osman Jalani bin Haji Ismail.

Sementara itu lapan orang Timbalan Pegawai Balai dinaikkan pangkat ke Pegawai Balai iaitu SO Haji Parsih bin Haji Batang, SO Tassim Haji Abdul Rahman, SO Haji Metassim bin Haji Ahmad, SO Haji Ismail bin Haji Jukin, SO Emran bin Awang Buntar, SO Haji Abdul Kahar Haji Takong, SO Bahar bin Karim dan SO Thong Peng Hock. Semua perantaraan bermula 16 April 2005.

**Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn**

JALIN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN KERAJAAN VENEZUELA

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Julai. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Bolivarian Republik Venezuela mulai 13 Julai 2005.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama Penjalinan Hubungan Diplomatik diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Bolivarian Republik Venezuela ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.

Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan di sini hari ini,

**Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke PBB, New York, Tuan Yang Terutama Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafur, sementara Kerajaan Bolivarian Republik Venezuela diwakili oleh Naib Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Bagi Asia, Timur Tengah dan Oceania, Bolivarian, Republik Venezuela, Tuan Yang Terutama William Izarra.



SEBUAH pasukan yang menyertai Peraduan Dikir Syarafil Anam. - Gambar oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre Haji Abdullah.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

KENANGAN MUSIM-MUSIM PERAYAAN

adalah terus mengurniakan perhatian yang menjurus kepada keutamaan kepada penyumbangan perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada rakyat dan penduduk negara yang dikendalikan oleh institusi-institusi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya. Baginda sangat-sangat menghargai ketekunan kawalan keamanan, ketenteraman dan keselamatan negara yang membolehkan rakyat dan penduduk negara ini melaksanakan kegiatan dalam suasana yang aman lagi tenteram. Dengan yang demikian itu, kemudian-kemudian yang sedia ada akan terus dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dan mempermudah perkara-perkara yang perlu terutama yang berkaitan dengan kesejahteraan berhidup itu, sebaiknya dilihat jalan-jalan yang jauh dari mempersulit kehidupan itu sendiri. Peranan kajian yang mendasar adalah alat yang mungkin boleh membantu dalam soal yang seumpama ini selain dari mutu perkhidmatan bekerja yang bermotokan untuk 'Sedia Berkhidmat', 'Bersedia Membantu Awda', 'Untuk Memudahkan Awda' dan yang seumpamanya masih tetap terpelihara dengan baiknya.

Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang sudah dikenali ramai sebaiknya terus terpelihara dan tetap dijadikan panduan atau pedoman, sebab ianya adalah juga menjadi pegangan kepada orang ramai, yang tentunya pula mengharap agar TPOR bukan pameran yang tidak lagi perlu ditonton. Demikianlah antara yang perlu dikenang dalam mengambil sempena perayaan ini.

ANTARA YANG TERKENANG

Pengisian perayaan pada setiap tahun itu memang banyak dan kepelbagaiannya adalah sangat menarik hati dan kadang-kadang terimbuhan pula kenangan lama bagi orang-orang lama tentang betapa penglibatan mereka di masa yang lalu itu sangat meninggalkan bekas dalam ingatan. Bekas-bekas itu pula banyak dengan pelbagaiannya, namun yang bekas itu akan tetap tinggal menjadi bekas juga. Itu biasa dan amat alami sifatnya. Ia juga adalah banjaran pengalaman yang sebahagiannya tinggal menjadi kenang-kenangan. Sebilangan mereka yang terlibat itu, memang ada antaranya yang ditandai oleh penghargaan

dalam pelbagai caranya. Ada antaranya penghargaan yang diabdikan antara sesama mereka, ada juga di peringkat yang lebih tinggi. Dan yang tidak ketinggalan ialah di peringkat keluarga yang lebih tahu dan tetap berbangga serta menghargai sumbangan yang pernah dicurahkan oleh warga emas mereka itu. Apa lagi kiranya semua itu terabdikan dalam gambar dan tertulis dalam surat khabar. Apa pun bentuk sumbangannya, selagi ia ada kaitan dengan perayaan ia tetap menjadi kebanggaan mereka kerana semua itu adalah sumbangan mereka dan itu sahajalah yang terdaya oleh mereka. Apa yang penting, semua itu dicurahkan dengan keikhlasan. Selain daripada itu, perasaan iski atau ghairah untuk sama-sama mengambil bahagian ketika itu adalah satu hal yang sukar dinilai. Mungkin sahaja ianya dijadikan sebagai salah satu ikhtisar untuk mencurahkan rasa taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja selain dari menguji kebolehan yang ada dalam diri. Selain daripada itu, mungkin saja yang kesempatan itu digunakan untuk disontohi oleh anak cucu mereka nanti dan mungkin juga musim-musim perayaan itu menjadi sumber kepada mereka untuk membina hidup yang lebih bererti di kemudian hari termasuk mereka yang berniaga, berusaha, bertukang, petani dengan hasilnya, nelayan dengan tangkapannya, kerani dengan tugasnya, ketua jabatan dengan tanggungjawabnya, mandu dengan jasanya, tukang kayu dengan khidmatnya, guru-guru dengan pengajarannya, para menteri dengan contoh teladannya dan umumnya yang menyumbang dengan sumbangannya, kerana masing-masing kita ini adalah dengan masing-masing cara dan upayanya - janglah sekali-kali ramal-meramal kalau tidak tahu bujur pangkalnya, kata yang lebih tua dari kita.

Maka sewaktu kita mencari buku yang hendak kita rujuk, kita terjumpa sekeping gambar yang menunjukkan salah satu penglibatan orang-orang dahulu di bidang sukan dan olahraga sekitar lebih dari 30 tahun yang lalu. Dari gambar itu memperjelas lagi bahawa orang-orang kita dengan sukan adalah sangat rapat yang tidak sahaja kalangan lelaki bahkan kalangan perempuan juga. Inilah antara isi dalam antara acara perayaan dahulu dan jenis sukan yang dikatakan untuk lelaki sahaja sebenarnya tidak terbatas di situ, malah perempuan juga tidak mahu ketinggalan. Itulah dia tarik kalat. Seingat kita, jenis sukan ini agak sudah lama juga turut mengisi acara perayaan. Sukan ini lebih teratur lagi apabila sebuah persatuan belia di Kampong Ayer diberi kepercayaan untuk menyelenggarakan. Persatuan itu (kalau tak silap) ialah Persatuan Tunas Harapan (PATUH) dan sekarang ini masih ada orang kuatnya (Pengiran Haji Jaidi) yang juga menjadi salah seorang tenaga utama dalam penyelenggaraan sukan itu untuk perayaan yang dimaksudkan dalam musim sekarang ini.

Demikianlah sedikit dari kenangan yang banyak yang tidak mudah untuk dituliskan. Dalam gambar di halaman ini menunjukkan peserta tarik kalat dari salah sebuah pasukan yang mengambil bahagian yang kita katakan berlaku sekitar lebih dari 30 tahun yang lalu. Mudah-mudahan ada kebaikannya, amin.



Semangat yang demikian itu merupakan warisan kepemimpinan raja yang turun-temurun dan di pihak rakyat ianya merupakan tanggungjawab kerajaan yang tidak berbelah bagi dan perlu ditani serta dipupuk hingga ke akhir zaman. Semua ini tergambar dari sikap rakyat dan penduduk negara ini yang menjadikan suasana perayaan sebagai wadah pencurahan rasa hati iaitu rasa hati raja yang dikasihi rakyat dan rasa hati rakyat yang mengasihi raja mereka. Semuanya tercurah dari apa yang dinikmati, rahmat dan nikmat yang dikecapi dan kepemimpinan raja yang mengutamakan kesejahteraan rakyat. Apa yang terpenting untuk semua itu ialah kerjasama semua pihak dalam memastikan hasrat yang mulia itu terus terlaksana dengan baiknya yang teras utamanya adalah jaminan dari kekalnya suasana keamanan dan ketenteraman tanpa sebarang kecacatannya. Ke arah itu, ikrar taat setia rakyat dan penduduk di seluruh negara yang disembahkan pada setiap kali perayaan itu adalah bukti penggilapan agar taat setia tidak setakat gemerlap di luar tetapi akan tetap terus kukuh dan tegap menjadi pegangan isi negara, dan dari pisuk ke pisuk rantau dan pesisirnya.

Titah Hari Keputeraan baginda ke-59 tahun ini,

BERSAMA-SAMA MEMBINA DUNIA YANG ADIL LAGI SEJAHTERA

RAJA kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda dari Singgahsana Istana Nurul Iman baru-baru ini menegaskan mengenai dasar kita iaitu 'bersama-sama membina dunia yang adil lagi sejahtera'. Pernyataan baginda itu walaupun ringkas tapi padat dan tepat pada waktunya.

Mesej baginda itu memberi isyarat kepada kita dan seluruh warga dunia, bahawa dunia yang kita diami sekarang berlaku banyak kecurangan, penindasan, tindak-tanduk berat sebelah, pemulauan, pilih bulu dan bermacam-macam lagi jenama sikap, perbuatan dan tindakan pihak-pihak tertentu yang berunsurkan ketidakadilan yang membawa padah, bukan saja kepada pihak-pihak yang menjadi sasaran, bahkan juga pihak-pihak lain termasuk mereka yang tidak berdosa.

Lewat dasar tersebut, baginda mengajak kita semua, para pemimpin malahan seluruh warga dunia supaya bangun dengan kesedaran dan keberanian memikul tanggungjawab bersama untuk membersihkan dunia ini dari ketidakadilan itu. Tindakan-tindakan buruk dan kejam

ANALISIS

serta tidak berperikemanusiaan tidak boleh dibiarkan begitu saja tanpa ada tindakan yang komprehensif dan penanganan secara global yang serius.

Tujuan ini tentunya murni, bukan untuk mencari lawan atau menyalahkan mana-mana pihak, tetapi untuk mengimbau kesedaran semua bahawa tanggungjawab dan peranan ada di tangan masing-masing untuk mencipta dunia yang adil untuk kepentingan bersama kerana buah keadilan itu ialah kesejahteraan yang diidamkan oleh semua warga dunia. Tetapi masih ramai yang hanya berimpi dan sebahagiannya pula terpaksa membayar dengan darah dan nyawa harga kesejahteraan tersebut.

Dasar yang baginda rangkai ini bukan saja

sekadar menggambarkan pendirian negara kita, malahan juga merangkumi matlamat, harapan, imbauan, seruan dan pimpinan untuk warga dunia seluruhnya. Jadi, dasar ini jelas untuk kepentingan dan kebaikan bersama. Ini turut menggambarkan betapa kita walaupun negara kecil tetapi mempunyai cita-cita besar dan murni untuk warga dunia seluruhnya. Memang kita merasakan perlu untuk menyatakan demikian, apatah lagi kita sememangnya mempunyai tanggungjawab selaku warga global. Cuma keupayaan kita terbatas, justeru itu baginda membawa warga dunia untuk bersama-sama mengusai dan mencorakkan dunia kepada yang lebih baik dan benar-benar selamat untuk didiami.

Matlamatnya adalah

untuk membina dunia yang adil lagi sejahtera; harapan yang mahu dinikmati oleh semua orang ialah dunia yang adil yang dengannya kita boleh menikmati hidup sejahtera; justeru itu, baginda mengimbau warga dunia seluruhnya untuk bersama-sama membina dunia yang adil lagi sejahtera; sekali gus baginda menyeru warga dunia supaya sedar mengenai hak mereka untuk menikmati dunia yang adil lagi sejahtera, malahan slogan yang baginda kurniakan ini juga merupakan sebahagian daripada ciri-ciri kepimpinan baginda yang mengandungi niat yang murni dan tulus.

Soalnya, perlukah kita tanya, apakah dunia ini tidak adil dan tidak sejahtera? Jawapannya sudah ada di mana-mana: Di kaca televisyen, di surat-surat khabar, di majalah-majalah, dalam buku-buku bacaan, suara-suara yang langsung keluar dari mulut

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR
timbang.bakar@information.gov.bn

mereka yang berani bersuara, dalam internet, malahan menjadi agenda penting forum-forum dan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa, tetapi dunia terus bergolak, kekacauan politik, penganiayaan, peperangan, penindasan dan seumpamanya seolah-olah sudah menjadi budaya dunia maju dan kembali memakai hukum rimba - siapa yang kuat - berkuasa seandainya. Maka puncanya sudah jelas, iaitu kerakusan dan gila kuasa, di samping tidak mahu memahami hakikat sebenarnya agama, budaya dan cara hidup orang lain.

Raja kita melihat perkara ini dengan penuh kebingungan dan keprihatinan yang mendalam. Lantas baginda mengimbau warga dunia untuk bersama-sama membina dunia yang adil dan sejahtera dengan upaya berse-

padu dan tentunya melalui tatacara yang beretika, meyakinkan dan berwibawa. Hasrat ini bertepatan dengan titah baginda mengenai hubungan antarabangsa, iaitu kerajaan baginda akan meneruskan peranan negara ini selaku warga antarabangsa yang berhemah tinggi serta mempunyai pendirian yang kuat untuk terus memegang prinsip-prinsip memelihara kepentingan negara di arena antarabangsa.

Tanpa keadilan, sejahtera akan tenggelam. Tanpa keadilan, keamanan cuma mimpi. Tiada keadilan berarti mengundangi dendam, kemarahan, pemberontakan dan sebagainya. Dendam mencetuskan penganiayaan, tindakan di luar norma-norma kemanusiaan dan tidak beretika - kerana mereka

yang ditindas dan dianiaya tiada jalan lain untuk menyatakan penderitaan dan harga diri mereka selain berbuat demikian. Kalau mereka diam bermakna akan terus menjadi mangsa dan seolah-olah tidak punya harga diri. Namun, penganiayaan itu apa pun alasannya tetap salah. Dan Negara Brunei Darussalam telah menyangkal pendiriannya tidak menyokong sebarang tindakan keganasan.

Dengan pernyataan mengenai dasar tersebut, telah menjelaskan lagi pendirian negara kita dalam memainkan peranan di arena antarabangsa dan melakar apa yang terbaik untuk warga dunia menurut perspektif kita. Dalam masa yang sama kita melahirkan keyakinan bahawa kehidupan warga dunia akan bertambah baik dan kesejahteraan dapat ditingkatkan secara menyeluruh kalau semua pihak berlaku adil.



ISTIADAT Membuka Naubat bagi Allahyarham YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali berlangsung di Lapau di ibu negara. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Istiadat Membuka Naubat

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Julai. - Istiadat Membuka Naubat di atas kembalnya ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud diadakan di Lapau di sini.

Istiadat Membuka Naubat itu dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof.

Majlis Bertahlil dan Doa Tahil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Berikutan kembalnya ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali, Naubat ditutup selama 20 hari.

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali kembali ke rahmatullah pada 16 Jun yang lalu ketika berusia 89 tahun dan diangkat menjadi Cheteria 4 pada tahun 1975.

Istiadat Membuka Naubat diteruskan dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang juga menjadi Imam Sembayang Fardu Maghrib Berjemaah.

Hadir di majlis itu Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran, Yang Dimuliakan Pehin-pehin dan para pegawai kanan kerajaan.

PENETAPAN, PERTUKARAN 14 ORANG PEGAWAI

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan penetapan dan pertukaran 14 orang pegawai kanan kerajaan.

Awang Haji Rosli bin Haji Mustafa, Pengarah Dasar dan Pentadbiran di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ditukar ke Kementerian Kewangan sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 4 Jamadilakhir 1426/11 Julai 2005; Awang Haji Othman bin Haji Abdul Ghafar, Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan di Kementerian Perhubungan ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 4 Jamadilakhir 1426/11 Julai 2005.

Awang Haji Jamaluddin bin Haji Saman, Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia di Kementerian Pertahanan ditukar ke Kement-

terian Perhubungan sebagai Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan mulai 4 Jamadilakhir 1426/11 Julai 2005.

Awang Haji Nairul Anwar bin Haji Abdul Lahai, Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perdana Menteri ditukar ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan dilantik sebagai Pemangku Pengarah Dasar dan Pentadbiran mulai 4 Jamadilakhir 1426/11 Julai 2005.

Awang Ahmad bin Haji Mohammad Yassin, Penolong Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia di Kementerian Pertahanan dilantik sebagai Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia mulai 4 Jamadilakhir 1426/11 Julai 2005.

Awang Abdul Mutalib bin Haji Mohd. Idris, Pemangku Pegawai Daerah Tutong di-

negara ini mencapai kemerdekaan tahun 1984 meliputi pelbagai aspek.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman memotong kek sempena Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-229 Amerika Syarikat bersama TYT Gene Burl Christy, Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

tapkan dalam jawatannya sebagai Pegawai Daerah Tutong mulai 23 Rabiulakhir 1426/1 Jun 2005.

Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabbudin, Pemangku Pegawai Daerah Temburong di Pejabat Daerah Temburong ditetapkan sebagai Pegawai Daerah Temburong mulai 23 Rabiulakhir 1426/1 Jun 2005 dan Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Mohd. Tanjong, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan di Jabatan Kerja Raya ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Pentadbiran dan Kewangan di Jabatan Kerja Raya mulai 23 Rabiulakhir 1426/1 Jun 2005.

Pengiran Haji Mohiddin bin Pengiran Badaruddin, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan di Kementerian Kesihatan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah

Kementerian Kesihatan mulai 4 Jamadilakhir 1426/11 Julai 2005 dan Awang Haji Mohd. Yunus bin Bolhassan, Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mulai 23 Rabiulakhir 1426/1 Jun 2005.

Awang Masri bin Haji Shari, Pemangku Penolong Pengarah Sumber Tenaga Manusia di Kementerian Kesihatan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Penolong Pengarah Sumber Tenaga Manusia di Kementerian Kesihatan mulai 16 Syaaban 1425/1 Oktober 2004 dan Awang Haji Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Perin-

dustrian dan Sumber-Sumber Utama ditukar ke Kementerian Pendidikan dalam jawatan dan tanggungjawab yang sama iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 17 Rabiulakhir 1426/26 Mei 2005. Awang Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad, Pemangku Penolong Pengarah Pentadbiran dan Teknologi Info-Komunikasi di Jabatan Perancangan dan Kemanusiaan ditukar ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan mulai 20 Jamadilawal 1426/27 Jun 2005 dan Awang Norfarizal bin Othman, Pegawai Pentadbir Tingkat 1 di Jabatan Perkhidmatan Awam ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam jawatan dan tanggungjawab yang sama iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat 1 mulai 4 Jamadilakhir 1426/11 Julai 2005.

Berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Beradat



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ketika berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Beradat Bersama Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

BERAKAS, 13 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Beradat Bersama Pemerintah Tertinggi ABDB di Mes Pegawai, Berakas Garrison di sini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Liputan Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Harun Haji Rashid dan Pengiran Rafee
Pg. Dato Paduka Haji Metassim

Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (I) Dato Paduka Haji Awang Mo-

hammad Yasmin bin Haji Omar Pemerintah ABDB, Yang Dimulihkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan pegawai-pegawai kanan ABDB.

Sejurus keberangkatan tiba, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Beradat Bersama Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

berkenan menerima junjung ziarah serta beramah mesra bersama pegawai-pegawai ABDB.

Majlis yang bertradisi ketenteraan seperti itu biasanya diadakan oleh unit-unit ABDB dua kali dalam setahun, bertujuan untuk meraikan tetamu-tetamu kehormat, di samping mengekalkan tradisi Makan Beradat Bersama.

Kali ini merupakan majlis penuh bersejarah kerana buat julung kalinya Pemerintah Tertinggi ABDB dan Jeneral ABDB berkenan berangkat selaku tetamu kehormat.

Majlis bertradisi itu turut diserikan dengan persembahan Tambur dan Serunai yang memainkan irama lagu-lagu tradisi oleh tiga pemain mengelilingi dewan makan.

Pada majlis bertradisi itu baginda juga berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama Pengarah Pasukan Pancagam dan Drum Major Serunai dan Tambur ABDB.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli



MESRA ... Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan berbual mesra bersama Timbalan Menteri Pertahanan dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan memimpin Pancagam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Selepas itu, Pemerintah Tertinggi ABDB dan Jeneral ABDB dijunjung menyaksikan Pameran Gambar '3-G Kepimpinan' berkonsepkan perkembangan tiga gene-

rasi kepimpinan diraja dalam tentera bermula dengan visual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan bergambar ramai bersama

pegawai-pegawai ABDB.

Sebelum berangkat pulang baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Sijil Keberangkatan ke Majlis Makan Malam Beradat Bersama Pemerintah Tertinggi ABDB dan sekali lagi menerima junjung ziarah pegawai-pegawai ABDB.



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah pegawai-pegawai ABDB.



MENANDATANGANI ... Baginda ketika berkenan menandatangani Sijil Keberangkatan ke Majlis Makan Malam Beradat Bersama Pemerintah Tertinggi ABDB.



PAMERAN ... Baginda ketika berkenan menyaksikan Pameran Gambar '3-G Kepimpinan'.



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia semasa berangkat ke Majlis Makan Malam Beradat Bersama Pemerintah Tertinggi ABDB (kiri).
BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai ABDB (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan memimpin Pasukan Pancaragam ABDB.



PAMERAN ... Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan menyaksikan Pameran Gambar '3-G Kepimpinan' (atas kiri).

MESRA ... Baginda berbual mesra bersama Timbalan Menteri Pertahanan dan Pemerintah ABDB (atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan memimpin Pasukan Pancaragam ABDB (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Sijil Keberangkatan ke Majlis Makan Malam Beradat Bersama Pemerintah Tertinggi ABDB (kiri).



SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-59

Berangkat ke Istiadat Perbarisan Kehormatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Istiadat Perbarisan Kehormatan sempena Hari Keputeraan Ke-59, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Berangkat sama ke istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri

Liputan Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

Bolkiah.

Bermula di Jambatan Edinburgh menuju ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, keberangkatan baginda di alu-alukan dengan kibaran bendera Negara Brunei Darussalam serta pukulan hadrah oleh lebih 12 ribu penuntut-penuntut sekolah menengah.

Juga menghadiri istiadat bersejarah itu termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Pedalaman serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan sektor swasta.

Juga hadir ialah para tetamu khas baginda dari kalangan negara-negara sahabat.

Sebaik saja keberangkatan tiba baginda di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, atur cara istiadat gilang-gemilang diidul dengan hormat diraja serta tembakan meriam 21 das.

Pemerintah perbarisan, 197 Leftenan Kolonel Haji Azlan bin Haji Mohd. Saji, kemudian menyebarkan ke hadapan majlis baginda untuk berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan yang terdiri dari Pasukan Kawalan Pertama, Tentera Batalion Ketiga, Tentera Darat Diraja Brunei; Pasukan Kawalan Kedua, Tentera Laut Diraja Brunei; Pasukan Kawalan

Ketiga, Tentera Udara Diraja Brunei dan Pasukan Kawalan Keempat, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Baginda selepas itu berangkat menaiki kenderaan khas melintasi pasukan-pasukan pertubuhan awam yang terdiri dari Jabatan-jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Laut, Penjara, Perkhidmatan Bomba, Penerbangan Awam, Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kadet Tentera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kadet Polis Diraja Brunei (PDB), Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pengakap, Persatuan Pandu Puteri dan berangkat semula ke pentas khas.

Kemudian pasukan-pasukan perbarisan bersama Pasukan Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pasukan Panji-panji ABDB dan Pasukan Panji-

panji PDB berjalan lalu melintasi pentas khas.

Kemuncak perbarisan ialah laungan tiga kali

'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' yang disembahkan oleh kesemua para peserta yang menyertai perbarisan disusuli dengan

terbang lalu oleh pesawat-pesawat helikopter Tentera Udara Diraja Brunei dengan mengeluarkan asap berwarna-warni.



PASUKAN-PASUKAN Perbarisan Kehormatan sempena Hari Keputeraan Ke-59 yang berlangsung di Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Istiadat Mengadap gilang-gemilang, penuh Adat Istiadat Diraja

Oleh Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 berlangsung penuh adat istiadat dan dalam suasana gilang-gemilang di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat ke majlis tersebut.

Di istiadat itu baginda berkenan mengurniakan titah dan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 40 orang penerima.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia



PARA penerima Bintang Kebesaran beredar dari Balai Singgahsana sejurus dikurniakan bintang.

Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar serta kerabat-kerabat diraja yang lain.

Antara tetamu luar negeri yang hadir ialah Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Tulal dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi; Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri Luar Negeri Malaysia; Yang Berhormat Dato' Seri Hisamuddin bin Tun Hussain Onn, Menteri Pelajaran Malaysia; Yang Berhormat Pehin Seri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri

Sarawak; Yang Berhormat Datuk Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah; Yang Berhormat Alberto G. Romulo, Setiausaha Luar Negeri Filipina; Tuan Yang Terutama Dr. Kantathi Suphamongkhon, Menteri Luar Negeri Thailand dan Tan Sri Muhammad Bakri bin Haji Omar, Ketua Polis Negara Malaysia.

Berangkat dan hadir ke majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Pengiran-pengiran Peranakan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Menteri-menteri Pedalaman, para perwakilan asing, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan.

40 DIKURNIAKAN BINTANG KEBESARAN

Oleh Refa'ah Ali Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 40 orang penerima sempena ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59 yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di sini.

Mendahului senarai pengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam ialah Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) dikurniakan kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman.

Disusuli dengan pengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) yang membawa gelaran Dato Paduka Seri dikurniakan kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani, Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam.

Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama (P.S.P.N.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Pahlawan dikurniakan kepada Ketua Polis Negara Malaysia, Tan Sri Mohammad Bakri bin Haji Omar.

Sementara itu, Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Setia dikurniakan kepada Awang Haji Lamit

bin Haji Ibrahim, Ketua Pentadbir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran Dato Paduka dikurniakan kepada sembilan orang penerima terdiri dari Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Zainal, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu; Awang Haji Ali bin Apang, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan; Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohammad Jaafar, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Awang Serbini bin Haji Ali, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Awang Haji Matassim bin Haji Mohd. Daud, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam; Awang Haji Saifon bin Haji Awang Besar, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; Awang Haji Ghani bin Haji Omar; Penolong Pesuruhjaya Polis dan Kolonel (U) Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin, Pencerintah Tentera Udara Diraja Brunei.

Tujuh orang dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B.). Mereka ialah Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap, Awang Haji Ibrahim bin Haji Khamis, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Metassan bin Haji Tahir, Mudim Awang Haji Suhaili

bin Haji Kalong, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh, Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim dan Dayang Hajah Hasnah binti Haji Omar.

Manakala seramai 20 orang pula dikurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.). Para penerima ialah Pengiran Haji Mohd. Yakub bin Pengiran Haji Othman, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohammad Ali, Abd. Ghani Pg. Hj. Metussin, Awang Haji Matassim bin Haji Jibah, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut, Awang Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin, Awang Hong Kok Seng, Awang Zainal Abidin bin Tinggal, Awang Haji Ishak bin Haji Mohammad Rais, Dr. Omar bin Haji Khalid, Awang Haji Zaine bin Mohammad Daud, Awang Haji Adanan bin Haji Manggong @ Ali, Awang Haji Johari bin Haji Johan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Sallia Haji Awang Mohd. Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad, Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Bujang, Orang Kaya Bandar Awang Haji Ali bin Haji Ahmad, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin, Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar, Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin dan Dayang Hajah Norsiah binti Haji Johari.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menerima Buku Tsunami dari Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz sejurus melancarkan Buku Tsunami: Satu I'tibar. Majlis berlangsung di Daruliftah, Jalan Babu Raja. - Gambar oleh Masri Osman.

Peristiwa Tsunami banyak iktibar dan pengajaran

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

ahmad.salim@information.gov.bn

JALAN TUTONG, 9 Julai. - Peristiwa Tsunami benar-benar memberikan kita banyak iktibar dan pengajaran yang amat besar mengenai kekuasaan dan kekuasaan Allah.

Tiada siapa yang menyangka akan berlaku Tsunami yang begitu dahsyat, tetapi bagi Allah Subhanahu Wataala, ia boleh saja berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Sesungguhnya peristiwa Tsunami itu, selain memberikan iktibar dan pengajaran, ianya juga banyak mengandungi hikmah dan keajaiban.

Menurut Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berkata demikian di Majlis Pelancaran Buku Tsunami: Satu I'tibar yang berlan-

gun di Daruliftah, Jalan Babu Raja di sini.

Menurut Yang Berhormat dengan penerbitan buku tersebut akan menjadi sebuah buku yang sangat berguna sebagai bahan rujukan dan rekod sejarah dalam sumbangan dan komitmen raja dan negara ini di arena serantau dan antarabangsa.

"Atas rasa keprihatinan terhadap mangsa-mangsa Tsunami itu, negara kita dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami pada 3 Januari 2005 untuk mengutip derma kewangan daripada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan, badan-badan perniagaan dan orang awam," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan selain bantuan kewangan dan keperluan harian, bantuan dari segi tenaga juga dihulurkan termasuk sukarelawan, tenaga perubatan atas inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kementerian Kesihatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persekutuan Pengakap.

Di samping itu juga, jelas Yang Berhormat, kemuncak komitmen negara ialah keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Banda Aceh, Republik Indonesia pada 1 Februari 2005.

Majlis diikuti dengan pelancaran Buku Tsunami: Satu I'tibar oleh tetamu kehormat.

Antara sinopsis buku Tsunami adalah himpunan ceramah Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang telah disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei menerusi rancangan khas Bersama Mufti mengenai Tsunami sempena kedatangan tahun baru 1426 Hijrah yang juga menyentuh mengenai Tsunami.

Selain itu buku tersebut juga dimuatkan dengan Khutbah Aidiladha 1425 Hijrah yang disampaikan sendiri oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Surau Brunei Hall, London, pada 20 Januari 2005.

Tsunami adalah mala petaka luar biasa yang disebabkan oleh gempa bumi di dasar laut perairan Sumatera Utara, Republik Indonesia, melanda beberapa buah negara di Asia Tenggara, Asia Selatan dan Afrika Utara yang mengorbankan ratusan ribu jiwa dan memusnahkan harta benda.

Tsunami adalah iktibar global pencetus kesedaran mengenai Hari Kiamat, yang mengajak kita merenung jauh mengenai kekuasaan Allah, Pencipta alam semesta. Al-Quran mengajar supaya kita memiliki budaya takut, budaya gerun terhadap azab Allah dan budaya berhati-hati atau waspada terhadap azab Allah.

Taklimat liputan media sempena Hari Keputeraan

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah
Zohre Haji Abdullah

BERAKAS, 12 Julai. - Taklimat media mengenai liputan acara-acara sambutan perayaan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-59 diadakan hari ini di Bilik Pehin Udana Khatib, Jabatan Penerangan di sini.

Sebahagian besar perwakilan daripada jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan persendirian termasuk agensi-agensi media di negara ini hadir mendengar taklimat berkenaan.

Taklimat-taklimat mengenai tatacara adab dan sopan santun ketika membuat liputan di semua acara sambutan telah disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut, sementara taklimat mengenai kawalan keselamatan bagi liputan di Istana Nurul Iman disampaikan oleh wakil Pemerintah Polis Kawalan Diraja, Istana Nurul Iman.

Antara aspek yang ditekankan ialah supaya semua media termasuk jurugambar-jurugambar dan

pemberita untuk berpakaian kemas dan mematuhi arahan-arahan yang telah ditentukan serta mengikut panduan yang telah disediakan oleh Pegawai-pegawai Perhubungan Media.

Di samping itu mereka juga hendaklah menitikberatkan peraturan lalu lintas ketika melewati kumpulan-kumpulan tempat duduk pembesar-pembesar negara khususnya ketika melintasi

di hadapan pentas yang menempatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Menurut sumber daripada Unit Media Jabatan Penerangan, seramai 211 orang telah memohon pas membuat liputan dan pas berkenaan telah pun dikeluarkan dan diberikan di majlis tersebut.

Menurut sumber yang sama juga seramai 15 orang perwakilan media dari luar negara dijangka membuat liputan acara-acara berkenaan.

Sesi taklimat seumpama itu sering diadakan sebelum sesuatu acara utama dilangsungkan.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan wakil Pemerintah Polis Kawalan Diraja, Istana Nurul Iman ketika memberikan taklimat mengenai tatacara dan sopan santun membuat liputan di semua acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-59. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Media asing buat liputan meluas Hari Keputeraan

Liputan Noor Khadijah Tengah dan
Siti Seri Leila Imelda Farrah
Zohre Haji Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Acara gilang-gemilang, Istiadat Perbarisan Kehormatan dan Istiadat Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena Hari Keputeraan Ke-59 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendapat liputan meluas oleh media-media asing yang berada di negara ini.

Seramai 20 orang wartawan asing dan perwakilan media luar hadir bagi merakamkan detik bersejarah kedua-dua istiadat yang merupakan acara tradisi yang diadakan setiap tahun di negara ini.

Istiadat Perbarisan Kehormatan dilangsungkan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara yang melibatkan penyertaan anggota pertubuhan keselamatan yang terdiri daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis

Diraja Brunei serta penyertaan pertubuhan-pertubuhan beruniform seperti Kadet Tentera, Kadet Polis, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Pandu Puteri.

Sementara itu Istiadat Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran yang berlangsung di Balai Singhasana Indera Buana, Istana Nurul Iman adalah upacara yang sering mendapat perhatian segenap rakyat dan penduduk di negara ini, di mana pada kelazimannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah, di samping mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam.

Wakil PELITA BRUNEI berkesempatan menemu ramah lima wartawan asing mengenai pendapat mereka



KEIKO Nakazono, wartawan dari Travel Agencies Organization, Jepun.

dalam kedua-dua istiadat tersebut antaranya ialah Keiko Nakazono dari Travel Trade Agencies Organization, Jepun berpendapat bahawa acara perbarisan pada pagi itu adalah sangat menarik dan adalah buat kali kedua beliau menyaksikan selepas Sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda pada tahun lepas.

Beliau juga melahirkan rasa sangat gembira kerana diberi kesempatan buat kali kedua menyaksikan acara ulang tahun tersebut dan berharap pada tahun ini akan dapat menyaksikan pelbagai



NICOLE Van Den Berg dari Afrika Selatan.

acara baru yang akan diadakan sebelum beliau pulang nanti. Sementara itu Nicole Van Den Berg berasal dari Afrika Selatan menetap selama enam tahun di Negara Brunei Darussalam memberitahu bahawa acara perbarisan yang diadakan di negara ini adalah sangat meriah dengan pertunjukan helikopter yang mengeluarkan asap berwarna-warni.

Aleksandra Pancevska, Saturnino Izquierdo dan Matthew Charles yang mewakili sebuah media dari Amerika Syarikat telah pun berada di negara ini selama



ALEKSANDRA Pancevska dari Amerika Syarikat.

hampir sebulan kerana menguruskan projek mengenai ekonomi ASEAN untuk USA. Menurut mereka persiapan yang ditunjukkan sebulan lalu amat menakutkan, tambahan lagi kemeriahan sebelum acara perbarisan diadakan sudah pun terasa.

"Saya terpegun melihat penglibatan orang ramai dalam acara perbarisan kehormatan, ini memperlihatkan ketaatsetiaan rakyat kepada rajanya dalam sama-sama meraikan hari yang bersejarah ini. Saya juga merasa bertuah kerana berkesempatan memakai pa-



SATURNINO Izquierdo dari Amerika Syarikat.

kaian kebangsaan adat rasmi acara tersebut, ianya sungguh selesa," jelas Aleksandra Pancevska.

Menurutnya lagi, jika diberikan kesempatan mereka akan datang lagi pada tahun hadapan untuk menyaksikan acara gilang-gemilang itu.

Menyentuh mengenai kehidupan di Negara Brunei Darussalam, Saturnino menyatakan bahawa keadaan negara ini aman damai dan sangat sesuai dijadikan tempat bermastautin dan dilawati,



MATTHEW Charles wakil media Amerika Syarikat.

sementara orang-orang Brunei pula sangat peramah dan baik melayani mereka dalam pelbagai aspek.

Ditanya mengenai kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, beliau menjelaskan bahawa ia adalah contoh demokrasi dan kerajaan yang sangat baik.

Di kesempatan tersebut mereka juga mengucapkan tahniah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas dedikasi dan komitmen baginda terhadap negara dan rakyatnya.



KEBAWAH Seri Hassanul Bolkiah, Sultan Negara Brunei, Seri Baginda berangkat ke baginda ke Kebangsaan dikomandani Mulia dan Raja Isteri di Dewan.

KEBAWAH Paduka Seri Persantapan gambar karni binti Talai di

MAJLIS PERSA NEGARA SEM HARI KEPUTE



BAGINDA dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap para tetamu khas luar negara yang menghadiri upacara sempena Hari Keputeraan baginda, di Balai Penghadapan sebelum Majlis Persantapan Negara (atas kiri dan kanan).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berangkat dari majlis itu (kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara sempena Hari Keputeraan Ke-59 Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Sebelum Majlis Persantapan Negara bermula, baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap para tetamu khas luar negara yang menghadiri upacara sempena Hari Keputeraan baginda, di Balai Penghadapan, Istana Nurul Iman.

Sejurus selepas itu baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri beredar ke Dewan Persantapan bagi Majlis Persantapan Negara.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.



BERANGKAT sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.

Hali

Juga ber... Yang Ter... Seri Peng... Hajah Nor... amul Mulia... ran Anak... Umi Kalbu... kerabat-kes... lain.

Antara... yang hadir... Yang Ter... Basma ki... Yang Ter... Ismail Ab... Yang Berh... Paduka D... dan Toh P... Menteri Sa... Berhormat... Abdul Ta... Menteri Lu... Berhormat... Hamid Ja... Seri Sharifa...

Turut... Pelajaran M... hormat D... Tun Husse... Mulia Tem... Marsilia; Republik F... hormat Albu... Puan Rosie... Menteri Lu... Yang Ter... Supharmo... Soparvan S...

Majlis P... juga diha... Mulia Peng... teria, Mente... Timbalan-t... Pengiran-pe... Pehin-pehin... usaha-setia... ketua-ketua...

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Zaidin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan
am dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan
santapan Negara sempena Hari Keputeraan
(kiri), sementara gambar kiri sekali, Lagu
runei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'
keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha
li Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja
pan.

Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis
ambar kanan sekali dan bawah). Sementara
berbual mesra bersama YTM Puteri Basma



TAPAN
NA
AN

an Samle Haji Jait
ait@information.gov.bn
ambar-gambar oleh
ilaiman, Harun Haji Rashid
asmaleh Haji Mohd. Ali

ialah
Paduka
Puteri
Ter-
Pengi-
Amal
serta
yang

aginda
ialah
Puteri
Tuan
Walid
Jordan;
Datuk
uddin
Ketua
Amat
Haji
Amud;
Yang
Syed
Datin

Selesai Majlis Persantapan
Negara, persembahan bunga
api yang disembahkan oleh
masyarakat Tionghoa di Negara
Brunei Darussalam berdentum
di udara mewarnai keindahan
perkarangan Istana Nurul Iman
yang turut disaksikan oleh
ribuan rakyat jelata di jalan-
jalan raya yang berdekatan.

enteri
Ber-
uddin
Yang
Seri
Luar
Ber-
dan
mulo;
Tuan
antathi
Puan
ion.
negara
Amat
Che-
abinet,
enteri,
arakan,
Setia-
dan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka
Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ketika berkenan
berangkat ke Majlis Persantapan Negara (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri
Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berbual mesra
bersama tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kiri).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi
Kalthum Al-Islam serta kerabat-kerabat diraja yang lain berangkat di Majlis Persantapan Negara.

DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin
Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul
Aziz bin Juned.

Tinjau program akademik sekolah di Daerah Belait



SERIA, 2 Julai. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan rombongan dari Kementerian Pendidikan mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait serta ke salah sebuah maktab dan beberapa buah sekolah rendah kerajaan di sini.

Menteri Pendidikan ketika melawat perpustakaan Sekolah Rendah Muhammad Alam dan menguji pencapaian murid-murid sekolah itu dalam bidang bacaan (Kiri).

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Rombongan Yang Berhormat itu disertai oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad dan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan serta pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut.

Lawatan rombongan yang diketuai oleh Menteri Pendidikan bagi meninjau pengurusan hal-ehwal pentadbiran sekolah, di samping menyaksikan lebih dekat program akademik dan perkembangan staf serta pelaksanaan Sistem Pendidikan Bersepadu yang berjalan ketika ini.

Selain itu lawatan tersebut juga bagi mengetahui pencapaian dalam peperiksaan awam Daerah Belait

dan isu-isu serta cabaran yang dibangkitkan semasa lawatan tersebut. Rombongan Menteri Pendidikan mula-mula singgah ke Jabatan Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait. Semasa di sana Menteri Pendidikan mendengar taklimat mengenai latar belakang dan sejarah penubuhan jabatan berkenaan.

Jabatan tersebut ditempatkan di bangunan blok A Sekolah Rendah Muhammad Alam dan beberapa buah bahagian dan unit di bawah Kementerian Pendidikan ditempatkan di situ termasuk Bahagian Perkhidmatan Pemakanan Sekolah dan Asrama, Unit Kenderaan dan Pengangkutan, Unit Pendidikan Khas dan Unit Pusat Sumber Kerjaya.

Peranan dan fungsi jabatan berkenaan antara lain ialah memantau dan mengawal pentadbiran sekolah rendah serta memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah rendah berjalan dengan lancar mengikut dasar dan peraturan Kementerian Pendidikan.

Selain itu ianya juga berperanan bagi menyediakan dan memberikan kemahiran serta pendidikan asas dari peringkat pra sekolah hingga darjah 6, di samping memberi dan menyelaras latihan perkembangan pegawai dan guru-guru.

Dari sana Menteri Pendidikan dan rombongan mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Muhammad Alam, ke Maktab Anthony Abell dan Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Md. Yusof di Lorong Tiga, Seria.

Pengambilan pelajar baru melalui sistem berkomputer

KUALA BELAIT, 4 Julai. - Lebih 370 pelajar berjaya terpilih mengikuti program Pra Nasional Diploma dan Nasional Diploma peringkat kebangsaan di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolikah.

Mereka yang mengikuti kursus yang ditawarkan bagi Pra Nasional Diploma antaranya pelajaran komputer, kejuruan elektronik, kejuruan enjin dan marin manakala di peringkat Nasional Diploma Kebangsaan pula kejuruan automatik, kejuruan peralatan dan pengawalan, kejuruan pembuatan dan mekanik, kejuruan perkhidmatan bangunan dan kejuruan marin.

Schubungan itu pelajar-pelajar berkenaan mengikuti minggu suai kenal dan hari terbuka selama empat hari yang diadakan di dewan maktab berkenaan yang dilancarkan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Matyassin.

Pemangku Pengetua Maktab, Awang Ibrahim bin Haji Abdul Rahman dalam ucapan alu-aluannya menerangkan bahawa sistem kemaskukan para pelajar ke institusi pendidikan teknik

dan vokasional kini telah dipertingkatkan dengan penggunaan sistem berkomputer (VTE).

Melalui sistem tersebut para calon akan dinilai mengikut keputusan mata pelajaran yang mereka peroleh dalam peringkat 'O' atau peringkat 'N' dengan sistem mata. Calon yang mempunyai mata yang tertinggi secara automatik sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga dan seterusnya akan berkemungkinan diterima masuk bagi mengikuti program yang ditawarkan.

"Melalui sistem ini kemaskukan para pelajar ke institusi pendidikan teknik dan vokasional lebih teratur, adil dan menepati kriteria pengambilan yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional," ujar beliau.

Schubungan itu beliau berharap para pelajar supaya memanfaatkan peluang dan menghargai kesempatan yang disediakan serta tidak menisai-harapan ibu bapa dan penjaga mereka untuk kemajuan diri, keluarga, bangsa dan negara.

Dalam waktu yang sama beliau menasihati mereka agar memberikan contoh yang terbaik antaranya mematuhi segala peraturan yang digariskan oleh pihak maktab serta menghindari segala isu sosial yang bertentangan dengan budaya dengan mengisi masa yang diberikan melalui pelbagai aktiviti pembelajaran serta aktiviti yang menjamin kesejahteraan rohani dan jasmani.

Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Haji Md. Yusop dalam ucapannya antara lain berkata pelajar merupakan aset negara yang paling mahal justeru itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus memberikan peluang kepada para pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan seberapa yang tinggi di dalam dan di luar negara.

Schubungan itu kegembiraan sesebuah institusi pendidikan bukan sahaja bergantung kepada kualiti pengajaran serta kelulusan tinggi para pengajarnya tetapi ianya sangat berkait rapat kepada kualiti pelajar itu sendiri. Teks ucapannya dibacakan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait.

Dari itu Dato Paduka mengespa para pelajar supaya mempunyai misi yang sama dengan maktab untuk menghasilkan tenaga kejuruteraan yang bermutu tinggi yang perlu dihayati semua pihak.

Dato Paduka menambah maktab berkenaan merupakan

salah sebuah dari tujuh buah institusi teknik dan vokasional di negara ini yang dimandatkan untuk melahirkan anak-anak tempatan yang akan memenuhi keperluan sumber tenaga manusia di sektor awam dan swasta.

Schubungan itu, Dato Paduka menyifatkan program-program yang ditawarkan di maktab berkenaan menekankan kepada kemahiran praktikal sesuai dengan bidang dan peringkat kursus itu sendiri.

"Ini bermakna para pelajar mestilah bersikap lebih terbuka dengan mengemukakan idea yang bernas, kreativiti, ingin tahu, selalu bertanya, proaktif dan sebagainya," ujar Dato Paduka.

Di samping itu kursus yang ditawarkan akan memberikan peluang yang bermakna kepada para pelajar dan negara yang sentiasa membuka ruang untuk rakyatnya menceburi bidang-bidang yang berkaitan dan yang sesuai dengan kemahiran yang mereka dimiliki.

Dari itu Dato Paduka menyeru sektor swasta agar sentiasa memberikan peluang kepada para pelajar yang mempunyai kemahiran di bidang teknikal dan vokasional untuk menimba ilmu pengetahuan, kemahiran dan menyediakan peluang pekerjaan dalam sama-sama menyahut seruan negara agar rakyatnya tidak semata-mata bergantung harap kepada sektor awam untuk berkhidmat.



MANGSA-MANGSA kebakaran menerima sumbangan dari Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Daerah Belait.

Mangsa kebakaran terima sumbangan

KUALA BELAIT, 11 Julai. - Seramai lebih 15 orang mangsa yang terlibat

dalam kebakaran di bawok kerajaan Jalan Paduka Tuan menerima bantuan daripada Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Daerah Belait.

Sumbangan berbentuk pakaian dan makanan asas harian telah disampaikan oleh Pengarah Daerah Persatuan Bulan Sabit Merah, Awang Haji Bujang bin Harun yang diadakan di kawasan pemindahan sementara mangsa di bawok Jabatan Kerja Raja, Jalan Singa Menteri di sini.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut disaksikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Kebangsaan persatuan itu, Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Abang, Pegawai Latihan dan Perkembangan Kebangsaan, Awang Jimmy Foo Shing dan beberapa pegawai

kanan persatuan berkenaan.

Juga hadir di majlis tersebut, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan Jabatan Kerja Raja, Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Mohd. Tanjong serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerja Raja dan Ketua Kampong Mukim Belait, Awang Haji Johari bin Haji Omaralli.

Mangsa-mangsa tersebut terdiri daripada tiga keluarga yang tinggal di bawok berkenaan. Kejadian yang berlaku sekitar 5.00 pagi pada hari Jumaat yang baru lalu telah meranapkan seluruh bawok tersebut dipercayai berpunca dari bahagian belakang rumah papan tambahan di Unit D dan merebak pantas hingga ke seluruh bawok tersebut.

Wujudkan kesedaran pekerja melalui kaji selidik

SERIA, 12 Julai. - Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) melancarkan Kempen Tindakan Kerjasama Kaji Selidik bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pekerja syarikat berkenaan mengenai inisiatif syarikat dalam menangani beberapa isu utama yang timbul di kalangan pekerja dalam organisasi syarikat.

Pelancaran kajian bertema 'Kami Prihatin: Mengambil Tindakan Mengatasi Masalah Pekerja' diadakan di Atrium Ibu Pejabat BSP disusuli sesi konferensi video secara langsung dengan beberapa pelantar minyak luar pantai syarikat itu.

Berikutan kempen itu pihak BSP menyatakan sudah mengenal pasti 13 tindakan ke atas isu-isu membabitkan hal-ehwal pekerja yang berasaskan kepada empat kategori iaitu kepimpinan, kecemerlangan dalam tugas dan ganjarannya, pembelajaran dan pembangunan serta keseimbangan tugas dan kehidupan.

Perkembangan kaji selidik tersebut merupakan susulan daripada kaji selidik tahun lalu sebagai satu kajian dwitahunan peringkat global BSP bagi mengkaji bentuk sentimen yang dihadapi pekerja terhadap cara syarikat itu mengendalikan.



Para pelajar baru pengambilan 2005/2006 Maktab Kejuruteraan Jefri Bolikah melafazkan Ikrar Pelajar.

Persefahaman erat Brunei - Perancis sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Jacques Chirac, Presiden Republik Perancis dan Tuan Yang Terutama Dominique de Villepin, Perdana Menteri Republik Perancis bersempena Hari Kebangsaan Republik Perancis.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas

hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Perancis. Baginda seterusnya merakamkan kepercayaan baginda bahawa kedua-dua buah negara berkeinginan untuk mencapai cita-cita dan matlamat yang sama demi kepentingan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap Tuan Yang Terutama Jacques Chirac, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Perancis akan

sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Dominique de Villepin, Perdana Menteri Republik Perancis, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Republik Perancis sempena Hari Kebangsaan Republik Perancis.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin se-

jak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Perancis. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Dominique de Villepin, Perdana Menteri Republik Perancis akan sentiasa sihat sejahtera dan rakyat Republik Perancis akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Para penerima lot tanah, anak kunci rumah

Berikrar taat setia

MUARA, 5 Julai. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah mewakili rakyat dan penduduk Daerah Brunei dan Muara serta para penerima anugerah lot-lot tanah dan anak-anak kunci rumah melafazkan ikrar dan membulatkan tekad serta semangat untuk menjadi rakyat dan penduduk yang terus-menerus mencurahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mendoakan baginda untuk terus menerajui negara ini.

Dato Paduka menyatakan demikian dalam sembah alu-aluan di Majlis Penganugerahan Lot-lot Tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba dan anak-anak kunci rumah di bawah RPN Kampung Rimba, Kampung Lambak Kanan dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Rimba dan

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

Kampung Tungku (Katok 'A') serta Perumahan Dimajukan Oleh Pemaju di bawah STKRJ Kampung Rimba, Tungku (Katok 'A') dan Kampung Madang yang berlangsung di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Menurut Dato Paduka lagi, penganugerahan itu adalah atas keprihatinan baginda yang sangat-sangat mengimpikan supaya kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini terus terpelihara dan setiap keluarga mempunyai rumah sendiri sebagai tempat berteduh dan berlingdung.

"Ini merupakan satu pendekatan yang sangat-sangat dijunjung tinggi oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Selaku mewakili penerima-penerima anugerah tersebut, Hambahamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzim men-

junjung ampun menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas limpah kurnia Kebawah Duli Tuan Patik tersebut," sembah Dato Paduka.

Pada tahun 2005 ini, jelas beliau, mencatatkan sejarah tersendiri khususnya dari segi kekerapan keberangkatan baginda ke mukim-mukim dan kampung-kampung serta jabatan-jabatan kerajaan di Daerah Brunei dan Muara yang bermula sejak awal tahun lagi.

Sehubungan dengan keberangkatan baginda kali ini ke majlis penganugerahan itu, Dato Paduka mewakili seluruh rakyat dan penduduk Mukim Berakas 'B' dan Mukim Gadong, khasnya para penerima anugerah lot tanah dan anak kunci berkenaan dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih.

20 anak damit lahir 15 Julai

TUTONG, 16 Julai. - Negara ini menyambut kelahiran 20 orang anak damit pada 15 Julai 2005, di tiga buah hospital, masing-masing 10 orang di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Hospital Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah, empat orang dan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait,

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

enam orang.

Empat orang anak damit yang dilahirkan di Hospital Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah termasuk seorang anak damit perempuan milik pasangan Nan-

cy Kryam dan suaminya, Hoo Me Yen seberat 2.6 kilogram hanya dua minit selepas tengah malam.

Kesemua anak-anak damit tersebut menerima hadiah dan sumbangan dari Pejabat Daerah Tutong dan

beberapa agensi kewangan yang beroperasi di daerah itu.

Sumbangan dan hadiah tersebut disampaikan oleh isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Mohammad.

Cuma Hospital Temburong saja tidak mencatatkan kelahiran pada 15 Julai tahun ini.

250 pegawai KPSSU hadiri taklimat pengawalan kebakaran

BERAKAS, 9 Julai. - Seramai 250 pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) menghadiri taklimat mengenai Keselamatan dan Pengawalan Kebakaran. Majlis berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU, di sini.

Taklimat tersebut bertujuan bagi meningkatkan kesedaran mengenai perlunya pengetahuan dan latihan mengenai keselamatan dan pengawalan kebakaran sesebuah bangunan dalam sama-sama menjaga keselamatan orang ramai, harta benda kerajaan di dalam dan di persekitaran bangunan berkenaan.

Selain itu ia juga untuk mempertingkatkan pengetahuan mengenai penggunaan peralatan-peralatan dan sistem-sistem keselamatan serta mengemaskinikan keadaan persekitaran bangunan agar sentiasa dalam keadaan selamat dari masa ke semasa.

Timbalan Pegawai Balai, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Norzali bin Apong dalam ceramahnya menerangkan bahawa keselamatan dan pengawalan kebakaran adalah sangat penting dan menjadi salah satu tang-

Oleh Noor Khadijah Haji Tengah

gungjawab semua peringkat pegawai dan kakitangan kementerian itu dalam usaha bersama menjaga keselamatan harta benda kerajaan secara berterusan.

Tambahnya, sebagai langkah berjaga-jaga dan persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak dapat ditentukan maka persediaan awal bagi menghadapinya adalah mustahak

diperkemaskinikan.

Menurutnya dalam hubungan ini, peralatan yang berkaitan dengan keselamatan dan pengawalan kebakaran bangunan-bangunan juga perlu mendapat pemeliharaan serta peningkatan selaras dengan keadaan persekitaran bangunan.

Taklimat tersebut dianjurkan bersama KPSSU dan Jabatan Perkhidmatan Bomba.



TIMBALAN Pegawai Balai, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Awang Norzali ketika memberikan taklimat mengenai pengawalan kebakaran kepada para pegawai KPSSU. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Pelancong kagum acara sambutan Hari Keputeraan



PELANCONG dari Jerman, Trmeruster bersama isterinya, Julia dan dua orang anak. - Gambar oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Acara Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-59 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bermula dengan perbarisan di Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dan disaksikan oleh beribu-ribu orang yang sangat berminat dari rakyat dan penduduk negara ini dan negara-negara lain.

Wakil PELITA BRUNEI membuat pendekatan

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

dengan menemui bual beberapa pelancong dari luar negara, antaranya ialah pelancong dari Jerman, Trmeruster bersama isterinya Julia beserta dua orang anaknya berkata, mereka sangat gembira menyaksikan acara yang sangat menarik dan kagum melihat semangat patriotisme perbarisan. Inilah kali pertama beliau bersama isteri dan anak-anak datang ke Negara Brunei Darussalam.

Bagi Jokard yang berasal dari Ireland pula berkata, ini adalah kali pertama dia datang ke Negara Brunei Darussalam dan beliau tertarik dengan keadaan yang sungguh menarik, keamanan dan keramahan orang ramai yang sungguh baik dan mudah berinteraksi dengan sesiapa saja. Dia juga berkata acara perbarisan itu sangat dinantikannya.

Pelancong dari Sepanyol pula berkata, Negara

Brunei Darussalam adalah negara yang semakin maju dan berkembang. Joneson berkata, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam juga mempunyai adat dan sopan santun yang tinggi.

Ana, pelancong warga Australia berkata, bahawa ini adalah pengalaman yang baru pertama kali untuk menyaksikan acara seumpama ini dan beliau sangat terpegun dengan persembahan yang dibuat ditambah lagi dengan semangat patriotisme yang tinggi.

Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Liputan

Abu Bakar Haji
Abdul Rahman

bakar.rahman@in-
formation.gov.bn

Gambar-gambar
oleh Haji Ariffin
Mohd. Noor dan
Pengiran Rafee
Pg. Dato Paduka
Haji Metassim

KIARONG, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59.

Majlis tersebut berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong di sini.

Majlis berkenaan juga diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaasiin, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Terdahulu dari itu keberangkatan baginda dan anakanda-anakanda baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Kesyukuran dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59 Kebawah DYMM berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.



KEBERANGKATAN tiba baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan anakanda-anakanda baginda ketika menerima junjung ziarah para jemaah.

Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung

ziarah para jemaah.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, sementara Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul

Hamid.

Bacaan Surah Yaasiin dan Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda beserta anakanda-anakanda baginda sekali lagi berkenan menerima junjung ziarah para jemaah.

Majlis Doa Kesyukuran merupakan salah satu acara sempena Hari Keputeraan baginda yang telah diadakan serentak di seluruh negara.

Majlis Doa Kesyukuran

sempena ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59 yang diadakan ini menandakan bermulanya acara-acara keraian bagi sambutan itu termasuklah Istiadat perbarisan kehormatan, Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam dan keberangkatan bercemar duli ke daerah-daerah dalam Majlis Ramah

Mesra Bersama Rakyat.

Bagi Daerah Brunei dan Muara pelbagai acara telah disusun termasuk persembahan-persembahan padang, jualan beraneka barangan dan makanan di gerai-gerai yang diadakan di kawasan letak kereta berdekatan Bangunan Lapangan dan di kawasan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.



PARA jemaah yang hadir di Majlis Doa Kesyukuran ketika menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan anakanda-anakanda baginda.

Berangkat rasmikan Persidangan Kebangsaan dan Pelancaran Laman Web Persatuan Siswazah Wanita



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita (PSW), Datin Paduka Dayang Hajah Intan binti Haji Mohammad Kassim dan para ahli persatuan.

Liputan Refa'ah Ali Osman
Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor

BERAKAS, 10 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan dan Pelancaran Laman Web Persatuan Siswazah Wanita (PSW) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Yang Dipertua PSW, Datin Paduka Dayang Hajah Intan binti Haji Mohammad Kassim bersama para ahli jawatankuasa persida-

ngan itu.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani, diikuti sembah alu-aluan oleh Yang Dipertua PSW.

Dalam sembah alu-aluannya, Datin Paduka Dayang Hajah Intan menyatakan bahawa kanak-kanak merupakan aset penting bagi sesebuah negara yang harus dijaga dengan baik bagi melahirkan hasil yang bermutu bagi negara.

Beliau juga menjelaskan bahawa matlamat persidangan itu ialah untuk memberikan prasarana bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan cabaran kanak-kanak supaya ahli masyarakat dapat membantu kanak-kanak dalam menangani cabaran berkenaan.

Majlis kemudian diikuti dengan titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Setiasuasa Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dalam ucapannya menyatakan bahawa kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam berumur 12 tahun ke bawah telah diberikan perubahan percuma, di mana sebanyak 95 peratus kanak-kanak telah diberikan suntikan bagi mengelakkan sebarang penyakit.

Seterusnya penyerahan Resolusi kepada Awang Haji Jemat bin Haji Ampal yang disampaikan oleh Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Urusetia Persidangan.

Di majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyampaikan cenderamata kepada para pembentang kertas kerja.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama ahli-ahli kerabat diraja berkenan menyaksikan pameran.

Tema Persidangan Kebangsaan pada tahun ini ialah 'Kanak-kanak Dalam Masyarakat Membangun 'Menghadapi Cabaran'.



BAGINDA dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menyaksikan pameran.



KENANGAN Majlis bergambar ramai bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama kerabat diraja dan Ahli-ahli Jawatankuasa PSW (atas).

BAGINDA berkenan menyampaikan cenderamata kepada seorang pembentang kertas kerja di Persidangan Kebangsaan (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan merasmikan Persidangan Kebangsaan dan Laman Web PSW (kanan).



Tinjau jabatan-jabatan Kementarian Perhubungan

KUALA BELAIT, 12 Julai. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dan rombongan dari Kementerian Perhubungan mengadakan lawatan kerja ke cawangan-cawangan jabatan di bawah Kementerian Perhubungan di sini.

Antara jabatan yang dilawati di sebelah pagi termasuk Jabatan Laut, Pelabuhan, Perkhidmatan Pos, Telekom, Penerbangan Awam (Bahagian Kajiucua) dan Pengangkutan Darat. Rombongan Menteri Perhubungan juga meninjau lebih dekat bangunan baru yang akan menempatkan tiga buah

jabatan, Jabatan Laut, Pelabuhan dan Kastam yang dijangka siap bulan September ini.

Kerja-kerja pembinaan bangunan tiga tingkat itu bermula bulan Mac tahun lepas dengan anggaran peruntukan hampir \$2 juta. Bangunan berkenaan terletak berhadapan Sungai Belait di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 dengan keluasan tanah 1,650 meter persegi.

Dalam sesi taklimat Jabatan Pelabuhan, jumlah kapal tempatan yang singgah di Sungai Belait pada tahun 2002 sebanyak 359 buah dan menurun pada tahun lalu dengan jumlahnya 318 buah kapal tempatan dan kapal antara-

**Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn**

bangsa 36 buah sahaja. Begitu juga jumlah import kargo tahun 2002 sebanyak 8,159 dan menjunam turun tahun lalu 2,849 kargo.

Lawatan rombongan yang diketuai oleh Menteri Perhubungan disertai Timbalannya, Dato Paduka Awang Haji Yusoff bin Haji Abd. Hamid dan pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan bertujuan untuk mengetahui secara lebih lanjut lagi mengenai fungsi dan tanggungjawab cawangan-cawangan jabatan yang

dilawati.

Selain itu lawatan tersebut juga bagi mengadakan sesi suai kenal dengan ketua-ketua, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan berkenaan. Rombongan Menteri Perhubungan meneruskan lawatan di sebelah petang dengan melawat ke Jabatan Perkhidmatan Pos dan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Jabatan Telekom yang ketiga-tiganya terletak di Seria dan Jabatan Perkhidmatan Pos Lumut.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dan rombongan mendengar taklimat mengenai Jabatan Pelabuhan dan bangunan baru yang akan menempatkan tiga buah jabatan di bawah Kementerian Perhubungan.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Matyassin menyerahkan bendera kebangsaan kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaikkan di Menara Cendera Kenangan (MCK).

Bendera berkibar megah sempena Hari Keputeraan

KUALA BELAIT, 1 Julai. - Semangat patriotik dan taat setia yang tidak berbeza-bagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dibuktikan dengan kibaran bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Bendera berkibar megah di bangunan-bangunan kerajaan, sektor swasta, gedung perniagaan, maktab-maktab dan sekolah-sekolah kerajaan dan bukan kerajaan serta rumah persendirian yang membuktikan kasih sayang, komitmen dan sokongan rakyat dan penduduk negara ini ke arah memelihara dan menjayakan sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan baginda.

Sempena ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59 pada tahun ini, upacara menaikkan dan mengibarkan bendera kebangsaan negara dilakukan serentak hari ini di semua daerah dan di daerah ini upacara tersebut berlangsung di Menara Cendera Kenangan (MCK).

Rombongan membawa bendera negara tiba dari Bandar Seri Begawan diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Matyassin berserta Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang menyerahkan bendera tersebut kepada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaikkan dan dikibarkan.

Upacara menaikkan bendera diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan lagu 'Kibarkan Bendera Kita' oleh pelajar-pelajar sekolah menengah. Upacara tersebut bagi mem-



ROMBONGAN membawa bendera kebangsaan tiba dari Bandar Seri Begawan yang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Belait untuk upacara menaikkan bendera.

berigakan acara perayaan yang berlangsung di daerah ini mulai hari ini hingga hujung bulan ini.

Bagi Pengiran-pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran dikehendaki mengibarkan bendera peribadi masing-masing sementara orang ramai dikehendaki mengibarkan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Setiap bendera yang dikibarkan hendaklah mengikut peraturan dan cara yang telah ditetapkan dengan memastikan bendera tersebut dalam keadaan baik, tidak pudar warnanya, tidak koyak dan menurutkannya pada 31 Julai ini.

Di upacara tersebut, Penolong Pegawai Daerah Belait juga telah menyerahkan bendera negara dan poster sempena ulang tahun Hari Keputeraan

baginda kepada Penghulu Mukim Belait, Liang, Seria, Bukit Sawat, Labi, Sukang dan Melilas.



PINTU gerbang, kain-kain rentang dan bendera kebangsaan menghiasi kawasan bandar dan Pekan Kuala Belait.

Bersiap siaga menyambut Hari Keputeraan

KUALA BELAIT, 6 Julai. - Kemeriah menyambut ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dapat dirasakan dengan pelbagai persiapan dilakukan.

Kawasan bandar dan pekan dihiasi dengan lampu-lampu cucul, pintu-pintu gerbang dan kain-kain rentang serta kibaran

bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam berdiri megah melambangkan perpaduan rakyat dan penduduk serta taat setia yang tidak berbeza-bagi ke hadapan majlis baginda.

Di Daerah Belait juga tidak terkecuali melakukan pelbagai persiapan. Gabungan dan kerjasama daripada rakyat dan penduduk daerah ini yang berbilang bangsa termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, sektor swasta, sektor perniagaan dan perusahaan, persatuan dan pertubuhan, badan-badan sukarela, penuntut dan murid sekolah bersamasama menyemarakkan hari yang penuh bersejarah itu.

Antara acara yang dinanti-nantikan oleh rakyat dan penduduk daerah ini ialah keberangkatan baginda bercemar duli ke daerah ini di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang akan diadakan di Padang Bandaran.

Tahun ini tema Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat 'Semerbak Harum Kasih' yang melibatkan kira-kira 6,000 orang terdiri daripada gabungan pegawai dan kakitangan kerajaan, sektor swasta, penduduk mukim dan kampung, persatuan dan per-

tubuhan serta penuntut dan murid sekolah. Untuk memantap dan meningkatkan mutu persembahan mereka mengadakan latihan padang hampir setiap hari.

Selain itu ahli jawatan kuasa daerah ini juga akan mengajurkan pelbagai acara perayaan. Seperti tahun-tahun lalu antara acara yang menarik perhatian orang ramai ialah Pertandingan Kucing Tempatan dan Luar Negeri, Gubahan dan Masakan, Nyanyian Hari Keputeraan, Kanak-kanak Sihat, Landskap dan Perlumbaan Bot Laju.

Di samping itu di sebelah malam persembahan pentampan dan gerai perayaan akan diadakan di Taman Jubli dan Gerai Tudung Saji selama dua minggu bermula pada 15 Julai ini dan pada petang 14 Julai pula di seluruh masjid di negara ini mengadakan Sembahyang Berjemaah, Membaca Tahilil dan Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan baginda. Bagi Daerah Belait ianya diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadah antaranya Masjid Muhammad Jamalul Alam, Masjid Pandan, Masjid Seria, Masjid Lorong Tiga, Masjid Zainab dan Masjid Liang.



EMPAT pelajar yang mewakili negara di Olympiad Biologi di Beijing bergambar ramai bersama Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid sejurus menyerahkan bendera kebangsaan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Empat pelajar wakili negara di Olympiad Biologi di Beijing

BERAKAS, 6 Julai. - Seramai empat orang pelajar sekolah menengah masing-masing dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) dan Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA), Kuala Belait akan mewakili negara ini di Olympiad Biologi Antarabangsa Ke-16 di Beijing, Republik Rakyat China pada 10 hingga 17 Julai ini.

Mereka ialah Afifah Liyana binti Haji Ismail dari STPRI, Nurzawannah

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

binti Abdul Gapor SMSA, dua dari MSPSBS iaitu Lim Chun dan Yeo Chong Hsien akan mengambil bahagian di pertandingan itu bersama tiga orang pegawai masing-masing dari Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Dayang Sarimah binti Abu Bakar, Awang Haji Azrul Melda bin Haji Abu Bakar dari

MSPSBS dan seorang Guru Pelatih Geografi, Teo Soon Hock dari SMSA.

Sebelum pemergian mereka ke Beijing, Majlis Doa Selamat dan Menyampaikan Bendera Kebangsaan telah diadakan di Kementerian Pendidikan dengan dihadiri oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid.

Pertandingan antarabangsa itu adalah yang pertama kali disertai oleh negara atas inisiatif Pendidikan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pertubuhan Sains dan Kebudayaan (UNESCO).

Ia diharapkan dapat memberi peluang kepada golongan muda khususnya para penuntut sekolah menengah untuk lebih meminati bidang biologi dan boleh menjalin hubungan yang baik di antara penuntut yang mewakili negara masing-masing.

Mengembangkan bacaan rawi kepada pelajar

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

GADONG, 4 Julai. - Sebanyak 11 buah sekolah mengambil bahagian di Peraduan Membaca Rawi Ke-12 anjuran Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Sekolah Rendah Tungku di sini.

Peraduan yang bertujuan bagi memperkembangkan dan mendedahkan serta mengetengahkan kebolehan murid-murid dalam bacaan rawi dengan baik selain membolehkan murid-murid melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.

Penyelia Kanan Daerah Bahagian Sekolah-sekolah Rendah Brunei I dan III, Kementerian Pendidikan, Awang Haji A. Said bin Haji Yussop hadir selaku tetamu kehormat di peraduan tersebut.

Menurut pihak penganjur, peraduan kali ini diniilai dari tiga sudut iaitu melalui suara atau lagu, kefasihan atau kelancaran dan tertib serta teknik persembahan.



PARA pelajar yang berjaya memasuki Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam ketika melafazkan Ikrar Pelajar. - Gambar oleh Ramli Tengah.

DIPENJARA 10 BULAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Julai. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan telah menjatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan ke atas seorang Penolong Merinyu Pemasangan dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Pulau bin Serudin setelah beliau didapati bersalah ke atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131).

Dalam pertuduhan tersebut, Awang Haji Pulau didakwa bahawa pada 21 Januari 2002 telah cuba untuk memperolehi suapan sebanyak B\$5,000.00 (lima ribu ringgit Brunei) dari seorang pemilik rumah di Kampong Tasek Meradun, yang mana B\$400.00 (empat ratus ringgit Brunei) telah pun diserahkan kepadanya.

Suapan tersebut merupakan sebagai dorongan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap kesalahan yang mana pemilik rumah tersebut telah didakwa melakukannya iaitu mengubah suai meter elektrik dan membuat pendawaian secara tidak sah.

Menggalakkan remaja mencintai Al-Quran

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BERAKAS, 5 Julai. - Bagi menggalakkan umat Islam khususnya di kalangan kanak-kanak, murid-murid dan remaja di negara ini mencintai Al-Quran melalui hafalan, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menganjurkan Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Surah-surah Pilihan.

Pertandingan sempena sambutan Nuzul Al-Quran adalah bagi menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam yang bertujuan untuk menjadikan budaya membaca Al-Quran sebagai

Pertandingan Membaca Syair Brunei

BERAKAS, 30 Jun. - Pertandingan Membaca Syair Brunei bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab senegara bagi peringkat saringan telah berlangsung hari ini.

Pertandingan kali ke-8 itu diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar yang antara lain bertujuan bagi menyebarkan dan membudayakan serta mendedahkan para belia kepada pembacaan syair Brunei dengan baik dan berkesan. Pertandingan seumpama ini juga adalah salah satu usaha bagi mengekalkan budaya tradisi negara yang di-

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

warisi turun-temurun agar tidak ditelan arus kemedanan masa kini.

Seramai 36 orang peserta mewakili pelbagai sekolah menengah dan maktab-maktab seluruh negara menyertai pertandingan kali ini yang terdiri daripada 16 orang peserta lelaki dan 20 orang peserta perempuan. Walau bagaimanapun hanya 10 peserta daripada lima orang peserta lelaki dan lima perempuan yang akan memasuki peringkat akhir

yang akan diadakan kemudian.

Di pertandingan kali ini antara syair yang turut dipertandingkan ialah Syair Perlembagaan Negara Brunei, Syair Rakis, Syair Ahmad Tajuddin, Syair Laila Cinta, Syair Nasihat, Syair Asli Rajang Hari dan Menuntut Ilmu di mana para peserta juga diadili dari sudut lagu dan irama, sebutan dan kelancaran serta penghayatan semasa menyampaikan syair.

66 pelajar diterima memasuki Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam

LAMBAK KANAN, 5 Julai. - Seramai 66 orang pelajar yang berjaya diterima memasuki Sekolah Vokasional Nakhoda Ra-

gam (SVNR) hari ini memulakan kursus bagi pengambilan ke-20 sesi Julai 2005/ Disember 2006 dengan Majlis Suai Kenal yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan di sini.

Majlis pagi itu bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua SVNR, Hajah Saipah Nur'Asyuraa binti Muhd. Marak.

Dalam ucapannya antara lain beliau berharap kepada pelajar-pelajar baru supaya memanfaatkan sebaik mungkin untuk menimba ilmu semasa berada di alam sekolah.

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Di samping itu, tamabahnya, para pelajar perlu mempunyai dan menyemai sifat rajin, bersopan santun dan taat kepada peraturan sekolah dan sentiasa berusaha dengan gigih serta bersemangat untuk mencapai tahap kecemerlangan di dalam pendidikan dan latihan.

Selepas itu diikuti dengan Ikrar Pelajar oleh semua pelajar-pelajar baru yang dipimpin oleh Ketua Majlis Pelajar SVNR, Awangku Mohd. Rabiul Aziz bin Pengiran Haji Rosman.

Sebelum menjalani kursus di sekolah tersebut, para pelajar terlebih dahulu menghadiri Program Suai Kenal selama dua hari yang bermula hari ini dan esok dengan mendedar beberapa ceramah motivasi, taklimat dan juga mengikuti acara sukan ria.

Sepanjang berada di sekolah tersebut para pelajar akan mengikuti sebanyak tiga kursus di peringkat Sijil Kejuruteraan Kebangsaan 2 (National Trade Certificate 2) iaitu bidang elektrik, elektronik dan paip dan pemasangan paip. Dua kursus di peringkat Sijil Kejuruteraan Kebangsaan 3 (National Trade Certificate 3) iaitu bidang pertukangan tangan dan tenunan dan mengecat dan dekorasi.

Setakat ini sekolah tersebut mempunyai keramaian 265 orang pelajar.



SEORANG murid memperdengarkan bacaan Al-Quran di Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran dan Surah-surah Pilihan. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Switzerland, TYT Dr. Daniel Woker. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

Menerima mengadap Duta Besar Switzerland

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima mengadap secara serentak Duta Besar Istimewa dan Mutlak Switzerland dan isteri.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama

Oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

Dr. Daniel Woker, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Switzerland yang tidak menetap dan isteri yang sedang dalam siri lawatan ke Negara Brunei Darussalam selamat enam hari bermula dari 12 hingga 17 Julai.

Tuan Yang Terutama adalah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Switzerland yang tidak menetap ke negara ini dan beribu pejabat di Republik Singapura.

Turut hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Switzerland. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Kejayaan projek kerajaan bergantung komitmen pegawai dan kakitangan KHEU

BERAKAS, 4 Julai. - Kejayaan empat projek e-keajaan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang sedang dalam pelaksanaan bergantung kepada komitmen semua pegawai dan kakitangan kementerian tersebut khususnya yang mempunyai hubungan kait tugas dengan kaedah atau sistem yang sedang dan akan dibangunkan.

Salah sebuah projek ialah mengenai penyediaan prasarana rangkaian iaitu Pembangunan Pusat Data atau 'Data Centre', pembahagian PC dan peralatan lainnya serta pemasangan rangkaian, manakala dua buah projek lain ialah pembangunan sistem dan modul-modul bagi mempercepatkan dan mempermudah lagi pengurusan dalam organisasi berkenaan selain untuk memudahkan rangkaian internet melalui Projek SisMI (Sistem Maklumat Islam) dan Projek SPZ (Sistem Pengurusan Zakat).

Oleh Noor Khadijah Tengah

Sementara itu projek Kiosk Informasi e-Islam pula adalah sebagai salah satu cara untuk menyebarkan segala perkhidmatan hal-ehwal agama Islam di negara ini.

Setiausaha Tetap KHEU, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin menekankan perkara tersebut ketika berucap selaku tetamu kehormat Majlis Penyerahan Server, Pemindahan dan Latihan Sistem Bagi Projek SPZ berlangsung di KHEU di sini.

Ketika menyentuh mengenai Projek SPZ yang akan dapat digunakan pada bulan ini, beliau berharap agar pengguna utama iaitu pegawai dan kakitangan Unit Kutipan Agihan Zakat (UKAZ) akan dapat menerima dengan baik dan secara terbuka.

Dato Paduka menegaskan, segala perubahan

yang dibuat iaitu peralihan daripada sistem konvensional kepada sistem elektronik memang pada awalnya agak sulit untuk difahami atau agak susah untuk diikuti tetapi yang penting ialah semua pengguna SPZ hendaklah bersedia untuk menerima perubahan itu dan terus berusaha dengan gigih untuk sama-sama menjayakannya, manakala sikap positif dan komited sepenuhnya terhadap sistem yang dibangunkan adalah kunci utama bagi kejayaan sistem tersebut.

"Saya mengharapkan dilema atau budaya 'malu', sikap tidak mahu untuk bergerak atau tidak tahu untuk menjalankan sistem SPZ yang telah disediakan oleh Konsortium Jurusy Perunding untuk pihak UKAZ dan PTM, jelas menunjukkan bahawa 'proses sistem deployment, user accep-

tance test (UAT) bermula 27 Jun 2005 hingga 11 Julai 2005, manakala Projek SPZ nanti akan diserahkan kepada pihak UKAZ dan PTM oleh syarikat Jurusy Perunding pada 12 Julai 2005.

Sehubungan dengan itu, beliau menyeru semua pengguna dan bakal pengguna sistem ini khususnya pihak UKAZ, supaya akan dapat meneliti dan memastikan bahawa sistem tersebut menepati kehendak dan keperluan UKAZ, selain boleh menyelesaikan permasalahan serta mempercepatkan lagi kerja di UKAZ.

Oleh itu, beliau berharap agar latihan yang telah dan akan diberikan oleh Jurusy Perunding, dapat difahami oleh pengguna UKAZ, manakala para amil pula hendaklah benar-benar faham dan bersedia untuk menggunakan sistem ini.

Penyerahan kunci server SPZ antara UKAZ di-

wakili oleh Ketua Unit tersebut, Dayang Hajah Norhani binti Haji Baha, selaku Pengarah Projek SPZ dengan Jurusy Perunding Sdn. Bhd., Awang Haji Samat bin Haji Abas dengan disaksikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman.



AHLI-AHLI panel bagi Forum Sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pengiran Haji Omar.

Menerima mengadap Duta Besar Republik Indonesia

Oleh Sahari Akim
sahari.akim@
information.gov.bn



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia, TYT Yusbar Djamil. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail turut hadir di Majlis Mengadap tersebut.

Majlis Mengadap tersebut diadakan di Istana Nurul Iman.

Produk ubat tiruan semakin meningkat

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, 30 Jun. - Isu ubat-ubatan tiruan di seluruh dunia mengikut laporan dalam tahun 1999 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan 60 peratus kes ubat-ubatan tiruan dilaporkan oleh negara-negara membangun dan 40 peratus lagi di negara-negara maju.

Isu tersebut disentuh oleh salah seorang ahli panel forum sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Isu itu dibangkitkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan, Awang Choo Cheok Hang, Pegawai Ahli Kimia Ubat bagi memerangi ubat-ubatan tiruan.

Berkongsi pengalaman katanya, adalah penting terutama di kalangan pengimport dan pemborong termasuk impak dari sumber yang sah menyimpan akaun ba-

rangan yang diimport mengendalikannya pemeriksaan dan laporan sebarang ubat-ubatan tiruan yang dikesan.

Majlis forum itu dipengerusikan oleh Dr. Haji Hamit bin Haji Musa dan lima orang ahli panel yang terdiri Awang Choo Cheok Hang, Dr. Haji Muhd. Shafiq bin Abdullah, Awang Haji Abdul Rani bin Haji Md. Yusof, Awang Haji Justin bin Awang Haji Yacob dan Dayang Naimah binti Md. Ali.

Antara yang hadir di majlis forum ini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini bin Haji Ali.

Forum dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Jururawat, Kementerian Kesihatan yang bertujuan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahayanya ubat-ubatan tiruan dan yang tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan ke atas kesihatan.



BERSABDA ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika bersabda merasmikan Program Yayasan Asia-Eropah (ASEF) Ke-12 bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) (kiri).

BERANGKAT ... Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi dan Jamuan Makan Malam ASEF Ke-12 (atas).

DPMR RASMIKAN PROGRAM YAYASAN ASEF

Oleh Jaafar Ibrahim

jaafar.ibrahim@information.gov.bn

Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid

GADONG, 9 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri telah berkenan merasmikan Pelancaran Program Yayasan Asia-Eropah (ASEF) Ke-12 yang diadakan di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini hari ini.

Program tersebut yang diadakan dari 9 hingga 22 Julai depan disertai oleh 45 para intelektual dari B Asia dan Eropah, hanya dianjurkan bersama oleh UBD buat kali pertama dan Yayasan ASEF dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di perkaran dewan berkenaan

telah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Duli Yang Teramat Mulia yang juga Pro Canselor UBD ketika berucap merasmikan program berkenaan menyabdakan bahawa program tersebut adalah atas inisiatif dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadudillah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Sidang Kemuncak ASEM Ke-4 di Copenhagen, Denmark pada tahun 2002 ke arah memperkukuhkan talian persahabatan, kerjasama dan persefahaman di antara negara-negara ASEM.



Menurut Duli Yang Teramat Mulia, Program ASEF Universiti ini akan tetap menjadi landasan penting ke arah memupuk perkembangan pemimpin-pemimpin masa depan bagi generasi muda untuk bekerjasama ke arah wawasan masa depan yang bersamaan dan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mempunyai persamaan,"

"Dengan memperkembangkan persefahaman yang lebih baik di antara

kedua rantau kita, melalui proses dialog, interaksi peribadi dan pembelajaran secara timbal balik, Program ASEF menyediakan peluang bagi generasi muda untuk bekerjasama ke arah wawasan masa depan yang bersamaan dan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mempunyai persamaan,"

sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Turut berucap ialah Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail dan Pengarah Eksekutif ASEF, Ambassador Won-il-Choo.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Naib Can-

selor UBD dan wakil ASEF.

Sebelum berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia berkenan merakamkan gambar kenangan bersama-sama peserta yang menyertai program tersebut dan seterusnya menerima junjung ziarah para peserta berkenaan.

BERBUAL MESRA ... Duli Yang Teramat Mulia berbual mesra bersama Pengarah Eksekutif ASEF, Ambassador Won-il-Choo (atas kiri).

JUNJUNG ZIARAH ... Duli Yang Teramat Mulia semasa berkenan menerima junjung ziarah para peserta yang menyertai Program ASEF University di Majlis Pelancaran Program berkenaan yang berlangsung di Dewan Canselor UBD (atas).



MENERIMA PESAMBAH ... Duli Yang Teramat Mulia menerima pesambah yang disebarkan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail (kiri).

MENGABADIKAN GAMBAR KENANGAN ... Duli Yang Teramat Mulia mengabadikan gambar kenangan bersama para peserta Program Yayasan ASEF (atas).

ARENA SUKAN



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani ketika merasmikan Sukan Mukim-mukim Daerah Brunei dan Muara. Majlis berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Kejohanan golf, ASEAN Ke-4 2005

NEGARA ini akan menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Golf Sekolah-sekolah ASEAN Ke-4 2005 dengan Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei dipilih sebagai venue kejohanan bermula pada 18 dan berakhir 21 Julai.

Perkara itu telah dimaklumkan pada 7 Julai lalu dalam Sidang Media di Jabatan Penerangan mengenai kejohanan oleh Penolong Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahruf bin Haji Murni.

Kejohanan itu disertai oleh Thailand, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam yang melibatkan 68 orang pemain dan pegawai yang tiba di negara ini pada 15 Julai.

Tahun lalu Thailand muncul juara bagi kategori lelaki ketika menjadi tuan rumah dan Republik Singapura juara bagi kategori wanita.

Kali ini pemain negara di bawah umur 18 tahun akan diperkuat oleh Kevin Lau, Amalul Ariffin Haji Abdul Rahman, Nu'man Abdul Aziz dan Khairul Khamis bagi pemain lelaki, manakala hanya dua pemain wanita iaitu Siti Salwa Ibrahim dan Nuratiqah Haji Yahya dengan Pengiran Haji Zulkifli Pengiran Haji Besar sebagai jurulatih.

Mengikut Setiausaha kejohanan, Awang Hassan Metussin, tahun ini negara

menaruh harapan kepada Kevin Lau seorang penuntut di Sekolah Sukan untuk memberi cabaran bersama Siti Salwa Ibrahim yang pernah beraksi di Sukan Arafura lalu.

Kejohanan itu salah satu projek bagi Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASSC) bermula tiga tahun lalu dan kali ini di negara ini dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Nestle (Milo) menaja sepenuhnya kejohanan tersebut dan akan memberikan hadiah tambahan sebagai galakkan kepada pemenang lelaki dan wanita.

Oleh Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

Rumah Pahlawan juara acara merentas desa

Oleh Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

RUMAH Pahlawan tahun ini menjuarai keseluruhan acara merentas desa bagi rumah-rumah Maktab Sains Paduka Seri Beganwan Sultan (MSPSBS) setelah mengalahkan Rumah Hulubalang, Panglima dan Laksamana.

Antara yang menyertai acara tahunan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah yang juga berijazah di tempat ke-15 keseluruhan bagi penuntut wanita kategori Pre-U.

Acara merentas desa sejauh empat kilometer juga disertai oleh Yang Amat Mulia Pengiran

Anak Khalillah Khalilatul Bulqiah.

Acara tersebut yang melibatkan lebih 1,200 penuntut dari tingkatan satu hingga lima dibahagikan kepada dua kategori lelaki dan wanita. Bagi lelaki mereka menamatkan larian sejauh lima kilometer, manakala penuntut wanita hanya sejauh empat kilometer.

Sebelum memulakan larian, acara senamrobik diadakan sebagai pemanasan badan yang juga disertai oleh para guru dan kakitangan maktab.

Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh

Pengetua MSPSBS, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin.



PERLAWANAN akhir bola sepak antara Pasukan Jabatan Ukur dan Jabatan Jalan Raya bagi Kejohanan Bola Sepak 11 Orang Sepasukan Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Sukan Mukim-mukim landasan memupuk kerjasama, perpaduan

Oleh Abu Bakar Hj. Abd. Rahman

bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, 3 Julai. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani berikhtam Sukan Mukim-mukim Daerah Brunei dan Muara merupakan salah satu pelantar untuk menyemai dan memupuk kerjasama, di samping sebagai wadah bagi memupuk perpaduan, permuafakatan dan semangat berkumpulan di kalangan masyarakat di mukim-mukim dan kampung-kampung di negara ini.

Sukan kemasyarakatan seperti ini, katanya, sangat bertepatan pada waktunya dan beliau berharap agar ianya akan menjadi landasan bagi Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung untuk mengambil langkah inisiatif dengan membuat perancangan jangka panjang ke arah mencapai matlamat dan tujuan sukan itu nanti.

Yang Dimuliakan menjelaskan perancangan yang dimaksudkan itu ialah dengan mengaktifkan lagi persatuan-persatuan atau kelab-kelab sukan yang ada di setiap kampung dan mukim dengan menganjurkan perlawanan atau pertandingan bagi mencungkil bakat-bakat penduduk kampung untuk mewakili mukim dan kampung masing-masing seterusnya sebagai perseidaan bagi mewakili ke sukan peringkat kebangsaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, membuat kenyataan tersebut semasa merasmikan

Sukan Mukim-mukim Daerah Brunei dan Muara di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Tambah Yang Dimuliakan melalui acara sukan itu adalah diharapkan akan dapat memantapkan lagi keharmonian hidup di kalangan lapisan masyarakat dan seterusnya akan menjurus kepada perpaduan dan kerjasama kalangan masyarakat di kampung dan mukim.

Namun apa yang lebih perlu, jelas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kegiatan seperti itu perlu disemai dan dipupuk di peringkat mukim di kalangan para belia dan anak-anak buah kampung di mukim berkenaan.

Di samping itu kegiatan sukan, tegas Yang Dimuliakan, kegiatan-kegiatan

lain yang berkebajikan juga perlu dibuat bagi menyebarkan bidang kegiatan di kampung-kampung dan mukim-mukim kerana ianya penting dalam menjaga pembangunan, kemajuan sosioekonomi penduduk kampung dan mukim.

Justeru itu para Penghulu dan Ketua Kampung dengan kerjasama Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung supaya menggunakan aktiviti sukan seperti itu dengan sepenuhnya dengan melibatkan penyertaan semua peringkat umur termasuk remaja belia.

Dengan adanya sukan seumpama itu, Yang Dimuliakan menyarankan agar ianya dijadikan sebagai salah satu daripada aktiviti utama di kampung-kampung bagi menggalakkan cara hidup sihat, di

samping menanamkan budaya sukan yang berasaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja untuk dapat melahirkan atlet-atlet negara bagi mencapai matlamat dasar sukan negara.

Ke arah usaha itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menegaskan kegiatan sukan ini akan dapat memainkan peranan yang penting dalam menyemai, memupuk, memantapkan perpaduan kerjasama, permuafakatan anak-anak buah kampung dan mukim berkenaan bagi mewujudkan keharmonian, keselamatan dan kesejahteraan hidup dalam masyarakat dalam mendukung hasrat negara.

Majlis itu diselenggarakan dengan Pembukaan Rasmi sukan tersebut ialah perlawanan akhir bola jaring yang dimenangi oleh Mukim Berakas 'B' setelah menumpaskan Mukim Gadong dengan keputusan tipis.



PARA penduduk kampung yang mewakili mukim-mukim dan kampung masing-masing di Sukan Mukim-mukim bagi Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Jabatan Ukur juara bola sepak

Oleh Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

JABATAN Ukur akhirnya menjulang piala sumbangan mantan Menteri Pembangunan untuk bergelar juara Kejohanan Bola Sepak 11 Orang Sepasukan Kementerian Pembangunan selepas menewaskan Jabatan Jalan Raya dengan jaringan 3-2.

Perlawanan yang agak sengit diadakan pada petang 8 Julai lalu di Stadium Hassanal Bolkiah Gadong dengan Jabatan Jalan Raya mendahului jaringan melalui Sallehin Abdullah menerusi sepakan penalti setelah rakan sepasukannya dikasari.

Namun keceriaan mereka

tidak kekal hingga separuh masa pertama berakhir apabila bekas pemain kebangsaan Haji Mohd. Rosnan Abdullah Samak yang bermain buat Jabatan Ukur berjaya menjejaskan gol penyamaan dan kedudukan seri berkesudahan hingga pengadil meniupkan wisel tamat separuh masa pertama.

Selang masa kedua dimulakan sekali lagi Jabatan Jalan Raya mendahului jaringan kali ini melalui sepakan Ampanus Mohd. Khairul tetapi gerakan cantik dari Haji Mohd. Rosnan berjaya merobatkan pertahanan Jabatan

Jalan Raya untuk belia menjaringkan gol kedua pribadi.

Belia yang masih lincah akhirnya sekali lagi menjaringkan gol ketiga dan kemenangan serta penciptaan hat-trick di perlawanan akhir dengan mengalahkan Jabatan Jalan Raya dengan kiraan 3-2.

Kejohanan itu dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang disertai oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian berkenaan.

Tetamu kehormat Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah menyampaikan hadiah kepada juara, naib Johan dan tempat ketiga.

JPM anjurkan Konvensyen Pendidikan, Profesionalisme

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Julai. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan menganjurkan Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme sebagai salah satu aktiviti Majlis Ilmu bercorak pendidikan bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 Tahun yang akan memberi peluang kepada para penyelidik, pendidik ibu bapa khususnya dan orang ramai amnya untuk mendapatkan ilmu, maklumat dan contoh pengalaman dalam bidang pendidikan serta kepakaran bagi anak-anak.

Pengumuman itu dibuat oleh Setiausaha Tetap JPM, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin di sidang akhbar mengenai konvensyen tersebut yang berlangsung di Jabatan Mufti Kerajaan.

Antara lain objektif utama konvensyen itu ialah sebagai Majlis Ilmu di musim perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 Tahun yang akan memberi peluang kepada para penyelidik, pendidik ibu bapa khususnya dan orang ramai amnya untuk mendapatkan ilmu, maklumat dan contoh pengalaman dalam bidang pendidikan serta kepakaran bagi anak-anak.

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

Di samping itu, konvensyen ini adalah mercu tanda intelektualisme perayaan sambutan Hari Keputeraan baginda yang mewakili keazaman kerajaan

baginda bagi membangun dan memajukan negara di atas landasan yang betul dan diredai Allah.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid yang juga selaku Pengerusi Majlis Ilmu diberi mandat bagi melaksanakan konvensyen berkenaan berkata, Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme nanti akan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas selama 11 hari bermula 27 Julai hingga 6 Ogos 2005.

Sehubungan dengan itu, Pengiran Dato Paduka juga mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk menyaksikan pameran dan perkembangan Majlis Ilmu dari masa ke semasa.

Menurutnya, sebanyak empat acara utama akan diadakan sepanjang tempoh 11 hari konvensyen antaranya Seminar Pendidikan dan Profesionalisme, Bengkel Seni Reka Bentuk Islam Untuk Industri, Bengkel Penterjemahan Profesional dan Pameran Majlis Ilmu 2005 (MajIEx 2005).

Seminar Pendidikan dan Profesionalisme akan diadakan selama empat hari mulai 27 hingga 30 Julai yang dijangka bakal menarik penyertaan lebih 1,000 perwakilan daripada pelbagai institusi, persatuan, pusat pengajian tinggi, pemimpin masyarakat dan orang ramai.

Konsep perbincangan pada seminar itu akan berpusatkan pembentangan 10 kertas kerja oleh para cendekiawan dan pakar dari dalam negara dan antarabangsa termasuk Malaysia, Republik Singapura dan Jepun akan menyentuh perkara berkaitan strategi, program serta contoh-contoh inovatif dalam bidang pendidikan dan profesionalisme.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid ketika mengumumkan mengenai Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme di sidang akhbar yang berlangsung di Jabatan Mufti Kerajaan. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

dan seminar supaya akan menghadiri sesi perbincangan dengan kesedaran yang membina, di samping mengikutinya dengan penuh minat idea baru yang dibincangkan serta mengambil contoh inovatif untuk pertimbangan bagi kemajuan institusi masing-masing.

Sementara itu, dua bengkel yang akan turut diadakan pada konvensyen itu masing-masing akan disertai oleh seramai 100 orang peserta yang dijemput, manakala jawatankuasa kerja akan menjemput peserta tambahan bagi menghadiri simposium berkenaan agar para peserta berpeluang untuk mendengar pembentangan kertas kerja di simposium itu nanti.

Pameran Majlis Ilmu 2005 pula akan memamerkan pelbagai persembahan termasuk Pavilion Brunei, Persembahan Balai Kenang-kenangan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Pameran Artifak Islam, persembahan negeri oleh negara-negara antarabangsa dan persembahan gabungan agensi kerajaan serta agensi bukan kerajaan dan swasta.

Beliau seterusnya menyeru pentadbir sekolah supaya akan mengaturkan lawatan berkumpulan ke Pameran Majlis Ilmu itu nanti.

Serentak dengan pengumuman itu, Pengiran Dato Paduka menasihati para peserta yang terpilih untuk menghadiri bengkel

dan seminar supaya akan menghadiri sesi perbincangan dengan kesedaran yang membina, di samping mengikutinya dengan penuh minat idea baru yang dibincangkan serta mengambil contoh inovatif untuk pertimbangan bagi kemajuan institusi masing-masing.

Sementara itu wakil urus setia Majlis Ilmu turut menjelaskan mengenai aktiviti-aktiviti sampingan sepanjang konvensyen tersebut termasuk penyediaan kuiz yang boleh dimenangi dan permainan untuk menarik minat orang ramai mengunjungi konvensyen berkenaan.

Kunjungan ke pameran itu adalah percuma, namun lawatan secara berkumpulan akan dibuka mulai jam 8.30 pagi, sementara bagi orang ramai bermula dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang kecuali pada hari Jumaat yang akan dibuka selama setengah hari.

Ahli korporat sumbang lebih \$43 ribu

Oleh Abu Bakar Hj. Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

TUTONG, 7 Julai. - Jabatan Daerah Tutong menerima sumbangan tajaan sejumlah lebih \$43,000.00 daripada ahli-ahli korporat, syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Tutong.

Hadir menerima sumbangan tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib yang diadakan di rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Daerah Tutong kini sedang rancang melaksanakan persiapan seperti mengadakan latihan-latihan persembahan khas kebudayaan yang menggabungkan penyertaan daripada masyarakat di daerah ini, di samping penyertaan penuntut-penuntut dan persatuan-persatuan khusus bagi persembahan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bercemer duli di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di daerah tersebut.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat bagi Daerah Tutong dijangka akan berlangsung pada 19 Julai bertempat di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Ismail dan Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) semasa menandatangani perjanjian hubungan kerjasama persahabatan terutamanya dalam bidang pentadbiran dan akademik. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

UBD - KUIM meterai kerjasama

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

tadbiran dan akademik.

Hubungan kerjasama yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak ditandatangani oleh wakil masing-masing. Bagi pihak UBD diwakili oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan KUIM diwakili oleh Rektor KUIM, Profesor Dato' Dr. Abdullah Shukor Haji Hussin yang berlangsung di UBD di sini.

Sejak beberapa tahun lalu, KUIM dan UBD telah menjadi rakan kongsi dalam pendidikan dan latihan serta melalui perjanjian ini, kedua-dua universiti bersetuju untuk bekerjasama dalam meningkatkan kualiti dan kejayaan sistem pentadbiran serta akademik.

KUIM telah ditubuhkan pada 14 Jun 2000 lalu sebagai Institusi Pendidikan Tinggi Awam Ke-12 dalam bidang pendidikan Islam yang bertujuan untuk meningkatkan pengajian Islam dalam aktiviti pendidikan terutama dalam pengajaran serta penyelidikan.

pegawai atau kakitangan yang berpengalaman dalam bidang penyelarasan dan pembangunan kualiti bagi membantu kejayaan dalam bidang akademik.

Sejak beberapa tahun lalu, KUIM dan UBD telah menjadi rakan kongsi dalam pendidikan dan latihan serta melalui perjanjian ini, kedua-dua universiti bersetuju untuk bekerjasama dalam meningkatkan kualiti dan kejayaan sistem pentadbiran serta akademik.

KUIM telah ditubuhkan pada 14 Jun 2000 lalu sebagai Institusi Pendidikan Tinggi Awam Ke-12 dalam bidang pendidikan Islam yang bertujuan untuk meningkatkan pengajian Islam dalam aktiviti pendidikan terutama dalam pengajaran serta penyelidikan.

Penganugerahan Lencana Juruterbang

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan Lencana Juruterbang Kehormat Tentera Udara Diraja Brunei kepada Commander-in-Chief Royal Thai Air Force, Air Chief Force Marshall Kongsak Vantana. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menganugerahkan Lencana Juruterbang Kehormat Tentera Udara Diraja Brunei kepada Commander-in-Chief Royal Thai Air Force, Air Chief Force Marshall Kongsak Vantana.

Upacara Penyampaian Lencana Juruterbang Kehormat tersebut telah disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei di Rimba. Sebaik tiba di Markas Tentera Udara Diraja Brunei, Air Chief Marshall Kongsak Vantana menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan.

Oleh Sukri Hidayat
Hj. Abu Bakar

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar juga menerima kunjungan hormat Commander-in-Chief Royal Thai Air Force yang juga mengadakan kunjungan yang sama kepada Pemerintah ABDB dan Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei.

Air Chief Marshall Kongsak Vantana berada di Negara Brunei Darussalam bagi tujuan lawatan rasmi selama tiga hari bermula 5 hingga 7 Julai. Turut serta dalam rombongan itu ialah isteri beliau, Puan Salilawan Vantana.

Dikurniakan Darjah Kerabat (D.K.)

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman.

Istiadat Pengurniaan Bintang Kebesaran berkenaan berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman sempena Hari Keputeraan Ke-59.



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman sempena Hari Keputeraan Ke-59.

Mempertahan keamanan tanggungjawab bersama

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mensyukuri bahawa Negara Brunei Darussalam terus menikmati keamanan dan kesejahteraan iaitu suatu nilai dan harga yang tanpanya sesebuah negara tidak akan dapat menikmati kebahagiaan.

"Sebab itu, usaha-usaha ke arah menjaga, mempertahankan dan meneruskan keamanan di negara ini adalah merupakan tanggungjawab besar kita bersama," titah baginda dalam menekankan kepentingan usaha mengekalkan keamanan.

Oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

Baginda bertitah demikian di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Ke-59 yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di sini.

Menyentuh mengenai peranan dan usaha agensi-agensi penguatkuasaan keselamatan, baginda bertitah menyeru agensi-agensi yang berkenaan untuk bersedia menghadapi apa jua bentuk ancaman, termasuk ancaman jenayah dan gejala sosial yang boleh merosakkan keamanan.

Baginda juga bertitah

menyarankan bahawa di dalam menghadapi ancaman-ancaman yang ada serta juga kemungkinan ancaman berbentuk baru, agensi-agensi keselamatan perlu membuat persediaan yang proaktif.

"Ancaman jika ada, serta mungkin berlaku, perlulah dihadapi dengan langkah-langkah awal yang komprehensif. Ini termasuklah ancaman-ancaman seperti bencana alam yang tidak disangka-sangka, di mana contohnya telah pun turut melanda rantau kita baru-baru ini," titah baginda lagi ketika menyuarakan kebimbangan mengenai isu keselamatan.

Bersama Rakyat di Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Julai. - Ribuan rakyat dan penduduk dari pelbagai lapisan masyarakat memenuhi Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah di sini sejak awal pagi lagi untuk junjung ziarah dan ramah mesra bersama raja yang mereka kasihi di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di Daerah Brunei dan Muara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di taman tersebut jam 9.30 pagi dan dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Berangkat sama ke majlis tersebut yang diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-59 ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul

Oleh Haji Timbang Bakar
timbang.bakar@information.gov.bn

Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba baginda di kawasan taman berkenaan, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan para wakil pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat berbilang kaum menyambangkan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik'. Seterusnya baginda dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung bergambar ramai bersama ahli-ahli jawatankuasa berkenaan.

Selepas itu baginda dijunjung menyaksikan Pameran dan Jualan Hasil Produk Tempatan yang ditempatkan di sebuah galeri khas di kawasan taman tersebut yang dibuka bagi kunjungan orang ramai sehingga 31 Julai bertepatan 'Produk Tempatan Pilihan Katani'. Produk yang dipamerkan adalah hasil perusahaan kecil dan sederhana yang diungkayahkan secara kerjasama di antara pengusaha dan kerajaan yang menghasilkan bahan-bahan binaan, makanan, perabot rumah, peralatan sekolah, alat tulis dan lain-lain.

Dari galeri pameran baginda dan rombongan dijunjung berangkat ke khemah-khemah yang menempatkan penduduk-penduduk mukim dan kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara untuk ramah mesra dan menerima junjung ziarah. Walaupun dalam keadaan penuh sesak rakyat yang menjunjung ziarah ditambah lagi dengan cuaca panas, namun semua itu tidak menghalang baginda untuk

terus menerima junjung ziarah dengan mesra dan penuh kasih sayang terhadap rakyat baginda.

Jalanan mesra dan akrab di antara raja dengan rakyat menimbulkan kekaguman di kalangan beberapa orang pelancong yang turut hadir di taman tersebut. "Bagi saya ini sangat luar biasa," kata William Lo warga Taiwan yang berada di negara ini dalam misi dagang. Dessy Andriani warga Republik Indonesia pula memberi komen: "Alangkah bahagiannya kalau kami punya raja yang begitu prihatin." Seorang pelancong dari Washington pula berkata: "Ini suatu kehebatan, anda harus kekalkan."

Kampung Ayer mempunyai sejarah yang tersendiri. Nostalgia keunikan dan keindahan kehidupan di Kampung Ayer telah dipersembahkan ke hadapan majlis baginda di tepi Sungai Kedayan di taman berkenaan. Antara persembahan tersebut ialah kehidupan nelayan, pedagang tradisional 'Padian' yang berarak lalu di hadapan jeti berkenaan. Manakala di dalam rumah-rumah tradisi yang dibina di hadapan jeti tersebut disebarkan dengan pelajaran mengaji, di rumah yang lain pula kedengaran muzik tradisi, manakala di luar rumah anak-anak bermain layang-layang.

Selepas menyaksikan persembahan nostalgia Kampung Ayer, baginda meneruskan menemui rakyat baginda dan penduduk dari pelbagai kaum.

Selesai bersama rakyat di taman tersebut baginda dijunjung berangkat ke Dewan Sekolah Rendah

Pusar Ulak bagi Majlis Santap Tengah Hari. Sebelum Majlis Santap, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah mewakili pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan rakyat serta penduduk Daerah Brunei dan Muara telah menyebarkan kesyukuran dan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda.

Menurut Pegawai Daerah, keberangkatan baginda bercemerlang duli dan beramah mesra adalah satu keistimewaan adat budaya negara ini dan melambangkan persefahaman serta kesepaduan hati di antara pucuk pimpinan dengan rakyat dan penduduk negara ini.



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah ribuan rakyat dan penduduk Daerah Brunei dan Muara di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang berlangsung di Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kembali ke rahmatullah

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Julai. - Seorang lagi pembesar negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha telah kembali ke rahmatullah hari ini jam 8.00 malam ketika berusia 75 tahun.

Allahyarham dilahirkan di



Kampung Sungai Kedayan, Bandar Seri Begawan pada 27 April 1930. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Pekan Brunei dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Royal College of Art, London. Memandang Allahyarham sangat berminat dalam bidang pertukangan tangan, Allahyarham telah dilantik menjadi Pengurus Pertukangan Tangan Brunei dan kemudiannya dilantik menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah melantik Allahyarham menjadi Ahli Majlis Adat Istiadat, Ahli Majlis Agama Islam, Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli Majlis Institut Pengajian Islam, Ahli Jawatankuasa Dermasiswa Pelajaran Brunei, Ahli Jawatankuasa Undang-Undang bagi Majlis Agama Islam dan lain-lain lagi.

Bagi menghargai jasa dan bakti yang telah Allahyarham curahkan kepada raja dan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan beberapa gelaran, antaranya Pehin Bendahari pada 15

April 1955; Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja pada 1 Ogos 1958; Pehin Orang Kaya Laksamana pada 11 Jun 1970; Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja pada 12 April 1975; Pehin Orang Kaya Digaong Seri Lela pada 19 April 1979 dan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digaong Seri Diraja pada 24 Ogos 1992.

Di samping itu, Allahyarham juga dikurniakan beberapa Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan, antaranya ialah DK (Dato Laila Utama) pada Musim Kedua 1972; DK (Dato Seri Utama) pada 1 Januari 1968; SPMB (Darjah Pertama) pada 1 Ogos 1968; DSSUB (Darjah Kedua) pada 15 Julai 1972; DSLJ (Darjah Kedua) pada 23 September 1967; DPMB (Darjah Kedua) pada 23 September 1965 dan MVO pada 1972; PSB (Darjah Keempat) pada 23 September 1963; POAS pada 23 September 1959; PHBS pada 23 Februari 1969; PBLI pada 24 Februari 1987; PJK pada 23 September 1961; Pingat Pengisytiharan Kemerdekaan pada 10 Mac 1997; Pingat Kerja Lama; Pingat Perjuangan pada 8 Disember 1962; Pingat Pusa pada 1969 dan Pingat Jubli Perak pada 5 Oktober 1992.

RAJA BERDAULAT, RAKYAT TAAT, NEGARA BERKAT - راج بردولة، رعيت طاعة، نكارا بركة

BILANGAN 29

RABU 20 JULAI 2005

1426 رابو 13 جمادى الأخير

PERCUMA

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN PENTING

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

DIRGAHAYU

TAJUK esei ini yang berbunyi, 'Selamat diputerakan, Paduka Seri Sultan, rakyat jelata taat setia, mendoakan kebahagiaan' adalah rangkap keenam melalui lagu yang bertajuk Dirgahayu. Lirik atau seni kata lagu yang mengandungi sembilan rangkap semuanya dicipta oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Dirgahayu dicipta pada tahun 1968. Lagu ini dikumandangkan melalui Radio dan Televisyen Brunei (RTB). Beliau mengubah lirik lagu ini dengan tujuan bagi menyemarakkan suasana Istiadat Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ditabalkan menjadi Sultan Brunei Ke-29. Istiadat itu berlangsung pada 1 Ogos 1968.

Irama atau melodi Lagu Dirgahayu disusun oleh Awang Idris bin Mohammad. Beliau ketika itu adalah seorang anggota dalam Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Menjelang Istiadat Perpuspaan itu Lagu Dirgahayu setiap hari untuk sekian kalinya dikeduarkan. Lagu ini mengimbau ke serata negara. Dirgahayu dinyanyikan secara paduan suara. Ketika itu lagu ini dinyanyikan oleh Awang Husin bin Haji Tuah dan Dayang Taibah binti Haji Abdul Rahim.

Mereka dimartabatkan sebagai penyanyi tanah air kebanggaan bangsa. Mempunyai suara serak-serak basah yang tinggi tapi menawan. Memiliki suara merdu, mendayu tapi membuih dan menyemarakkan alunan busa semangat kesetiaan terhadap negara.

Kedua-dua penyanyi itu melibatkan diri dalam bidang nyanyian. Pernah terpilih dan memenangi hingga ke peringkat akhir dalam Pertandingan Bintang Radio anjuran Radio Brunei. Pertandingan tersebut adalah satu-satunya wadah unggul untuk mencungkil bakat penyanyi di kalangan remaja Brunei ketika itu.

Sesiapa yang berjaya ke peringkat akhir Pertandingan Bintang Radio ketika itu tentunya tergolong penyanyi yang handal dan bukan calang-calang bakat yang sedia ada. Mereka jadi kebanggaan tanah air. Mempunyai peminat tersendiri dari kalangan remaja hingga orang tua.

Sesungguhnya mendoang lagu melalui radio pada ketika itu merupakan satu bentuk hiburan yang menyebabkan seseorang itu senang hati, tersentuh perasaan dan mengimbau nostalgia. Malah seni kata lagu dapat menimbulkan keinsafan, di samping dapat membakar semangat

OLEH
HAJI MOHD. SALLEH ABDUL LATIF

bagi menyemarakkan suatu upacara.

Maklumlah, ketika itu televisyen belum lagi ada. Seni kata Lagu Dirgahayu digubah sebegitu rupa. Penuh kreatif dan mempunyai makna yang mendalam untuk sama-sama mencintai raja yang dikasihinya. Ianya penuh dengan imaginasi.

Alberth Einstein, saintis terkemuka dari Eropah pernah berkata bahawa 'imagination is more important than knowledge'. Maksudnya imaginasi lebih penting dari ilmu pengetahuan. Dia mendakwa bahawa dia berfikir melalui imej, tidak melalui kata-kata. Beliau percaya dengan gerak hatinya.

Dia memperoleh idea yang hebat bukan semasa dia bekerja di bilik makmal tetapi ketika dia sedang bercukur. Ya, imaginasiya menerawang. Inilah uniknya sifat alamiah yang begitu tersendiri yang dimiliki oleh makhluk Allah yang bernama manusia atau insan. Berfikir dan menggunakan akal adalah perbezaan yang begitu nyata antara manusia dengan haiwan.

Haiwan tidak mempunyai akal. Haiwan tidak mempunyai fikiran. Maka manusia, kerana tahu berfikir dan memanfaatkan fungsi otaknyanya mampu berkreasi.

Beberapa pakar psikologi berpendapat bahawa manusia yang cukup kreatif lebih banyak menggunakan bahagian otak di sebelah kanan. Otak sebelah kanan adalah sebahagian minda yang tidak berfikir secara logik. Otak kanan menggunakan instintus atau imaginasi bagi memahami sesuatu yang tidak dapat dijelaskan melalui akal yang saintifik.

Visualisasi atau penggambaran ialah menggambarkan apa-apa perkara yang kita hajati. Orang dapat menguasai minda jenis ini mempunyai kebolehan kreatif yang luar biasa. Mereka kebanyakannya terdiri daripada golongan pemuzik, penyair, penulis kreatif. Malah pakar sains atau saintis juga memiliki daya kreatif yang tinggi. Sebilangan orang pula ada yang beranggapan orang yang kreatif ini sebagai 'manusia penuh angan-angan' tapi bukan Mat Jenin.

MENJELANG Istiadat Perpuspaan itu Lagu Dirgahayu setiap hari untuk sekian kalinya dikeduarkan. Lagu ini mengimbau ke serata negara. Dirgahayu dinyanyikan secara paduan suara. Ketika itu lagu ini dinyanyikan oleh Awang Husin bin Haji Tuah dan Dayang Taibah binti Haji Abdul Rahim.

Selamat diputerakan, Paduka Seri Sultan, rakyat jelata taat setia, mendoakan kebahagiaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

responsif terhadap perubahan pola. Seniman juga tidak dapat lari dari suasana zamannya. Ia harus punya matlamat selaras dengan orientasi sosial dan nilai-nilai masyarakatnya.

Soalnya apa karya seorang penulis itu - drama, novel, cerpen, syair, puisi, seni kata lagu atau lirik - merupakan hasil seni yang tinggi serta bernilai? Kita serahkan kepada penonton, pembaca dan pendengar untuk menjawabnya. Masing-masing punya penilaian tersendiri atau kita serahkan kepada budayawan untuk menghakimkannya.

Hari ini suatu karya seni mungkin tidak dianggap seni atau bernilai tinggi tetapi dalam waktu yang lain, seni demikian dianggap kreatif dan menampikan cita rasa baru. Di zaman dulu sesuatu karya itu dianggap bermutu tetapi hari ini lain pula anggapannya.

Hakikatnya seniman tidak hanya meluahkan fikirannya tetapi mengungkapkan perasaan dan institusinya di luar dari kuasa dan hukum fikiran yang logis. Ini imaginasi. Ini visualisasi. Kerananya sesebuah karya seni itu unik.

SEMANGAT PATRIOTIK

Sesetengah orang berpendapat bahawa karya seni itu akan dapat menimbulkan semangat patriotik. Menjana semangat cintakan tanah air, cintakan bangsa dan taatkan agama. Kebebasan seniman untuk berimaginasi mengenai tema apa saja bagi melahirkan melalui struktur dan gaya apa sahaja yang disukai merupakan suatu kemenangan. Nah, elok kita ikuti seni kata atau lirik Lagu Dirgahayu ciptaan Mohd. Zain bin Haji Serudin bagi empat rangkap yang awal.

PEMIKIR ISLAM

Sesungguhnya pemikir agung Islam seperti Ibnu Arabi, Ahli Tasawuf Islam dari Andalusia (Sepanyol) abad ke-13 telah lebih awal mengetahui mengenai rahsia penggambaran atau visualisasi dan imaginasi. Ibnu Arabi mengetahui mengenai keajaiban minda manusia.

Begitu juga Imam Al-Ghazali yang membincangkan soal psikologi mengenai doa yang mujarab dan sebagainya. Jadi kepandaian berimaginasi sebelum menghasilkan karya kreatif dan seumpamanya memang sukar dibuktikan secara empiris, kerana kenyataan yang dibuat lebih bersifat kreatif dan intelektual serta menghendaki penghayatan perasaan dalaman.

Dalam hal ini, seseorang yang merasa terbuai atau terhibur dengan sesuatu yang bersifat seni umpamanya akan menye-

babkan seseorang itu senang hati, tersentuh perasaan dan mengimbau nostalgia malah sesetengahnya menimbulkan keinsafan. Ada juga bidang karya seni itu membakar semangat untuk mencintai tanah air dan sebagainya.

Apabila orang membincangkan bidang budaya kesenian apa pun coraknya, mahu tidak mahu ia harus memikirkan siapa nanti pendengar, penonton dan pembacanya. Untuk apa ia berkarya. Untuk apa ia mencipta sesuatu bentuk seni itu. Ini terpulang kepada cita rasa pencipta dan seniman itu sendiri.

Yang pasti penciptaan itu tentunya mempunyai tujuan. Seseorang seniman mempunyai keberkesanan untuk bereksperimen terutama dalam menantikan bentuk, gaya dan idiom pengucapannya. Umumnya seniman tidak dapat mengelakkan diri daripada menjadi manusia yang

BINA PERANAN MENGEMBANGKAN KOPERASI DAN INDUSTRI

EKONOMI

OLEH SAHARI AKIM

BADAN Kemajuan Industri Brunei (BINA) berperanan mempermudah pertumbuhan industri dan koperasi baru di negara ini. Ia juga bertindak memudahkan industri dan koperasi yang wujud untuk terus berkembang maju, berdaya saing dan berupaya menghasilkan produk-produk bukan sahaja bagi pasaran dalam negeri malah untuk dieksport ke luar negara.

Selain dari itu, BINA juga mempunyai wawasan untuk menjadi agensi yang efisien, efektif dan dinamik dalam memudahkan dan memangkin pertumbuhan industri dan koperasi di negara ini.

Dalam kegiatan koperasi BINA juga memainkan peranan bagi penubuhan sesebuah koperasi selain mengawal, menyelia, memantau dan memberikan bimbingan. Sementara bagi kegiatan industri pula, BINA menyediakan tapak-tapak dan kompleks/bangunan untuk disewakan kepada peniaga tempatan dan pelabur luar negeri.

Pada tahun 70-an kegiatan koperasi di negara ini dikawal oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang ditubuhkan pada tahun 1974. Pada tahun 1986 Unit Industri, Kementerian Pembangunan ditubuhkan yang kemudiannya pada tahun 1989 diletakkan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Jabatan dan unit tersebut bercantum pada tahun 1996 menjadi Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

BINA

Struktur organisasi BINA yang berhubung kait dengan koperasi dan industri terdiri dari Bahagian Pembangunan Industri dan Bahagian Pengurusan Eset.

Bahagian Kemajuan Koperasi berperanan menggalakkan pertumbuhan ko-

operasi di kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam dan seterusnya mendaftarkan koperasi baru. Ia juga berperanan menyelia dan membimbing Ahli Lembaga Pengarah berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan koperasi.

Seksyen ini juga berperanan mengaudit akaun koperasi-koperasi yang berdaftar, melaksanakan peraturan Akta dan Peraturan-peraturan Koperasi Penggal 84, di samping memberikan kursus dan latihan kepada koperasi-koperasi.

Bahagian Pembangunan Industri pula berperanan menerima dan memproses permohonan bagi tapak dan kompleks, menjadi ahli Lembaga Melesen Daerah Brunei dan Muara dan memproses lesen-lesen rampaian secara pentadbiran bagi syarikat-syarikat yang beroperasi di tapak/kompleks perindustrian.

Ia juga membuat sokongan bagi keperluan tenaga dan buruh, memudahkan mengimport, status perintis dan Skim Kemudahan Perusahaan.

Bahagian Pengurusan Eset pula bertanggungjawab merancang dan melaksanakan penyediaan infrastruktur tapak dan kompleks baru selain melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan ke atas infrastruktur tapak dan kompleks.

KOPERASI

Koperasi secara ringkasnya bermaksud 'sebuah pertubuhan sukarela bertujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi bagi kepentingan anggotanya'.

Takrif koperasi mengikut International Co-Operative Alliance (1995) ialah sebuah pertubuhan autonomi yang dianggotai oleh orang-orang yang bersatu secara sukarela bagi memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan kebudayaan serta aspirasi yang sama menerusi usaha yang

dipunyai bersama dan dikawal secara demokrasi.

Prinsip-prinsip koperasi itu antara lain ialah keanggotaannya sukarela dan terbuka kepada semua orang yang memerlukan perkhidmatan dan bersedia menerima tanggungjawab sebagai ahli.

Koperasi juga merupakan organisasi demokratik dikawal oleh ahli-ahli yang mengambil peranan secara aktif dalam semua kegiatan. Setiap ahli koperasi mempunyai satu undi tanpa mengira jumlah saham yang dimiliki.

Penglibatan ahli dalam ekonomi ialah dengan menyumbang modal secara saksama dan mengawal pentadbiran secara demokrasi. Koperasi memerlukan kecekapan dan kesinambungan dalam perkembangan dan kemajuan dengan mengutamakan pendidikan dan latihan bagi anggota, ahli lembaga, kakitangan dan masyarakat di sekitarnya.

Koperasi yang berkembang maju berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang baik. Kerjasama yang aktif antara koperasi-koperasi membolehkan pencapaian pembangunan masyarakat yang berkualiti.

Ciri-ciri koperasi itu antaranya ialah ia bukan badan politik atau kesatuan sekerja (trade union), bukan badan kebajikan dan bukan syarikat persendirian atau swasta tetapi mengamalkan konsep tolong-menolong.

Antara faedah koperasi ialah mewujudkan peluang bagi individu yang berpendapatan kecil dan sederhana; menyertai kegiatan secara kolektif; mewujudkan peluang-peluang pekerjaan; menggalakkan berjimat cermat dan menabung; mendidik ahli dalam bidang pentadbiran dan pengurusan; mewujudkan perpaduan dan sosial di kalangan masyarakat dan meningkatkan taraf hidup rakyat serta penyertaan dalam bidang ekonomi.

Perbezaan antara koperasi dan swasta antaranya ialah koperasi merupakan kumpulan manusia sebagai pengguna dan ditubuhkan oleh pengguna dijalankan oleh ahli-ahli sendiri; dikawal oleh majoriti ahli dalam Mesyuarat Agung; keuntungan diagih-agihkan kepada ahli; ahli-ahli adalah pemilik mutlak koperasi; tidak membenarkan undi wakil dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi Penggal 84.

Swasta pula merupakan kumpulan modal oleh pelabur; ditubuhkan oleh pelabur-pelabur; dikuasai oleh pengusaha-pengusaha; lazimnya pemegang saham terbesar; keuntungan dibahagikan kepada pemegang saham; boleh diambil alih oleh pelabur luar; menggunakan undi wakil dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat.

Pentadbiran koperasi dipegang oleh ahli dan kuasa tertinggi ialah Mesyuarat Agung. Ahli Lembaga Pengarah dan Jawatan Audit Dalam dilantik dalam Mesyuarat Agung serta diberikan mandat mentadbir dan menguruskan perjalanan koperasi.

KEGIATAN KOPERASI

Ketika ini terdapat 158 buah koperasi yang beroperasi dan berdaftar di bawah kawalan BINA di seluruh negara. Dari jumlah tersebut 92 buah beroperasi di Daerah Brunei dan Muara; 21 buah di Daerah Belait; 26 buah di Daerah Tutong dan 19 buah di Daerah Temburong.

Keahlian koperasi di seluruh negara sehingga sekarang (tahun 2005) berjumlah 18,455 berbanding 11,117 pada tahun 1995. Nilai kumulatif saham pula berjumlah \$21,833,954 (sehingga April 2005) berbanding \$7,656,310 pada (tahun 1995).

Secara tradisional fokus koperasi tertumpu kepada enam sektor bagi aktiviti perniagaannya merangkumi

koperasi pengguna, serbaguna, pengangkutan laut dan darat, perikanan/perikanan/perladangan dan sekolah.

Dari 158 buah koperasi yang terdapat di negara ini, 106 buah menjalankan kegiatan 'pengguna'; 14 'sekolah'; 27 pertanian; 3 perikanan; 7 pengangkutan dan 1 koperasi induk perkhidmatan.

KEGIATAN INDUSTRI

Antara kegiatan industri di bawah kawalan BINA termasuklah penyediaan sejumlah 541 lot di kawasan seluas 522 hektar (di keempat daerah). Dari jumlah tersebut 81 lot terletak di Beribi (seluas 47 hektar); 55 lot di Lambak Kanan Barat (45 hektar); 59 lot di Lambak Kanan Timur (74 hektar); 49 lot di Salar (40 hektar); 89 lot di Serasa (83 hektar); 25 lot di Seram-bangun (40 hektar); 99 lot di Sungai Bera (50 hektar); 71 lot di Pekan Belait (38 hektar); 13 lot di Batu Apoi (5 hektar). Sementara lot-lot industri juga akan dibina di tapak seluas lebih kurang 100 hektar di Kuala Lurah.

Pelaburan tempatan di bawah kawalan BINA sehingga tahun 2004 berjumlah B\$493.41 juta manakala pelaburan asing berjumlah B\$220.78 juta.

Jumlah sektor industri yang diterokai merangkumi bahan binaan 48 syarikat; souvenir dan kraf tangan 2 syarikat; produk halal 30 syarikat; perkhidmatan 75 syarikat; percetakan 8 syarikat; kimia 14 syarikat; produk kayu 30 syarikat; mesin dan kejuruteraan 5 syarikat; elektrik 12 syarikat dan pendawaian 20 syarikat.

Tapak industri (mengikut saiz dan tempat) disewakan bagi tempoh 10 hingga 30 tahun pada kadar: Beribi I dan II \$3,687 - \$2,160; Lambak Kanan Barat \$3,687 - \$2,161; Lambak Kanan Timur \$3,687 - \$2,162; Salar \$1,580 - \$1,142; Serasa \$1,949 - \$1,142; Seram-bangun \$790 - \$468; Sungai

Bera \$1,580 - \$926; Pekan Belait \$2,107 - \$1,234 dan Batu Apoi \$226 - \$133.

Bagi Kompleks Perindustrian Beribi I, kadar sewa mengikut Blok ialah blok A pada kadar \$1,600 berukuran (30.48X6.096 meter); Blok B \$1,280 berukuran (24.4X6.096 meter); Blok C \$940 berukuran (12.3X6.96 meter) dan Blok D \$640 berukuran (12.13X6.096 meter).

Kadar sewa bagi Kompleks Perindustrian Pekan Belait pula ialah Blok 1 (atas) \$650 (23X6 meter); Blok 1 (bawah) \$680 (23X6 meter); Blok 2 (atas) \$650 (12X12); Blok 2 (bawah) \$680 (12X12); Blok 3 (atas) \$650 (23X6 meter); Blok 3 (bawah) \$680 (23X6); Blok 4 (atas) \$650 (23X6 meter) dan Blok 4 (bawah) \$680 (23X6 meter).

Sementara itu kadar sewa bagi Kompleks Perindustrian Seram-bangun ialah Blok 1 (atas) \$650 berukuran (23X6 meter); Blok 1 (bawah) \$680 (3X6 meter); Blok 2 (atas) \$650 (12X12 meter) dan Blok 2 (bawah) \$680 (12X12 meter).

PENTING

Perdagangan dan industri memainkan peranan penting dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di samping menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKN). Oleh yang demikian, bidang ini perlu dikembangkan. Dasar mempelbagaikan sumber ekonomi untuk mengembangkan sektor bukan minyak dan gas perlu terus dipergiatkan.

Teras utama kemajuan perindustrian ialah untuk meluaskan asas perindustrian melalui perusahaan kecil dan sederhana (SME). Untuk memajukan industri ini, iklim perniagaan yang kondusif dan insentif pelaburan yang menggalakkan juga perlu terus dipertingkatkan.

Sementara itu bagi mengatasi masalah terlalu ramai peniaga asing (sejara Ali Baba atau menyewa lesen orang tempatan)

menjalankan perniagaan kedai runcit, restoran, kedai jahit, kedai gunting, kontraktor pembinaan dan seumpamanya bukan sahaja di bandar-bandar malah hingga ke kampung-kampung pendalaman maka 'persyarikatan atau koperasi' dirasakan salah satu cara dapat mengatasinya.

Penubuhan koperasi untuk sesuatu perniagaan atau perusahaan umpamanya bukan sahaja akan dapat mengatasi masalah modal yang diperlukan tetapi ia juga dapat menyatupadukan masyarakat dan memberikan kemudahan kepada penduduk setempat dan sekitarnya.

Di setengah kawasan di mana terdapatnya kedai runcit koperasi, kita boleh lihat peniaga asing menghadapi persaingan yang begitu kuat malah ada yang terpaksa 'gulung tikar'. Ini adalah disebabkan ahli-ahli koperasi dan keluarga mereka akan membeli barang-barang keperluan di kedai koperasi mereka.

Antara keistimewaan kedai koperasi termasuklah memberikan kemudahan kredit atau pembelian barangan keperluan yang boleh dibayar setiap hujung bulan (selepas menerima gaji) kepada ahli-ahlinya. Faedah lain termasuklah pembahagian keuntungan tahunan dan pemberian bonus kepada ahli yang paling banyak membeli barang di kedai koperasi.

Melihat kepada ramainya para belia yang masih mencari kerja termasuk mereka yang berpendidikan tinggi maka usaha menggalakkan mereka menubuhkan syarikat atau berkecimpung di bidang perniagaan perlu diberikan penekanan yang sewajarnya.

Ralat

TAJUK Ruangank Fokus keluaran 13 Julai minggu lalu hendaklah dibaca: Membina Tamadun, Memajukan Bangsa. - *Pennyunting*

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN
(Bahagian Kawalan Penyakit,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar)

Bahagian I

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Mengumpul data penyakit yang dinotifikasikan dan pengisian ke database menggunakan komputer	2 hari
2.	Memproses pengesahan dan mendefinisikan penyakit yang dinotifikasikan selepas menerima notifikasi penyakit. Serta-merta jika wabak terjadi.	1 hari

BUKU DATO GODAM MENDAPAT SAMBUTAN

BANDAR SERI BEGAWAN. - Buku Dato Godam mengandungi senarai dan catatan susur galur keluarga anak cucu Dato Godam dan perkara yang berkaitan dengannya. Penerbitan buku ini diusahakan sebagai satu peringatan dan ristaan kepada seluruh keluarga yang berkenaan bagi merapatkan tali persaudaraan di antara sesama mereka. Di samping itu buku ini juga mencatatkan jasa-jasa datuk nenek terhadap bangsa serta negara supaya diketahui dan dijadikan ikutan kepada

anak cucu mereka yang berkenaan di kemudian hari, terutama sekali semangat taat setia mereka kepada sultan, berbangsa dan beragama yang menjadi balai kepada bangsa Brunei sebagai perangsang hidup mengikut calak Brunei yang dipusakai turun-temurun.

Buku ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan sehingga ia (buku Dato Godam) terpaksa diulang cetak selepas beberapa bulan ianya diterbitkan. Memandangkan

buku tersebut telah pun habis dijual, maka Pusat Sejarah Brunei berhasrat untuk mencetak semula Buku Dato Godam dalam bentuk edisi pembaharuan.

Sehubungan dengan itu jabatan ini sukacita memohon kerjasama dan menjemput orang ramai yang mempunyai kaitan kekeluargaan yang bernama mereka ada tercatat dalam buku tersebut, dan mendapati maklumat atau nama mereka tidak betul atau ada yang tertinggal, maka abiskita dialu-alukan untuk datang dan mem-

berikan butiran lengkap mengenai salasilah keluarga abiskita kepada Pegawai di Bahagian Penyelidikan, Pusat Sejarah Brunei. Semoga dengan adanya maklumat itu nanti akan melengkapkan lagi terbitan edisi pembaharuan Buku Dato Godam ini.

Buku Dato Godam terbitan Pusat Sejarah Brunei; tahun terbit 2004; jilidan Kulit Tebal; ISBN 99917-34-37-6; harga \$20.00; jilidan Kulit Nipis; ISBN 99917-34-36-8; Harga \$28.00.

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya, dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dari Abi Bakarah Radiallahuanhu dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda, sultan adalah payung Allah di bumi, siapa yang menghormati sultan, maka Allah akan menghormatinya dan siapa yang menghinanya, maka Allah akan menghinanya." (Riwayat Al-Imam Al-Tabarani).

Raja adalah umpama payung, tempat rakyat bernaung dan berlindung. Raja merupakan pemerintah, ketua negara yang memegang tampuk kerajaan yang akan menentukan hala tuju sesebuah negara. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana Negara Brunei Darussalam mempunyai seorang raja yang berpancangan jauh dan kuat berpegang dengan ajaran Islam serta sentiasa menerapkan ciri-ciri keislaman dalam kepimpinan baginda.

Tanggungjawab memimpin negara bukanlah suatu tugas yang mudah dan ringan, tetapi tugas yang amat berat yang tidak dapat dipikul dan dijalankan secara bersendirian. Lanya memerlukan kepada sokongan dan dukungan dari semua pihak khususnya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan. Memandangkan kepada keperluan inilah wujudnya Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dan dilantik pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan bagi membantu kerajaan dalam membangun dan memajukan negara.

Perlu diingat bahawa hasrat untuk mencapai kemajuan dan pembangunan itu memerlukan pegawai-pegawai itu memerlukan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang komited melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, bekerja dengan ikhlas, jujur dan amanah semata-mata untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala. Ketahuilah bahawa tugas dan tanggungjawab itu adalah ibadat, kerana Allah Subhanahu Wataala akan memberikan ganjaran pahala kepada

mereka yang menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan jujur dan amanah, sebaliknya sesiapa yang berlaku khianat akan dibalas dengan kehinaan dan azab seksa oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anfaal ayat 27 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah kamu sedang kamu mengetahui salahnya."


Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah pada 21 Disember 1981, antara lain titah baginda:

"Beta ingin menegaskan sekali lagi bahawa adalah menjadi hasrat beta untuk mewujudkan sistem pentadbiran kerajaan beta yang efisien, jujur dan amanah. Kerajaan yang efisien, jujur dan amanah hanya akan dapat diwujudkan dan dijamin hidupnya sekiranya segenap lapisan pegawai-pegawai dalam kerajaan beta dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan cekap, jujur dan amanah disertai dengan ikhlas semata-mata kerana Allah, untuk kebajikan Negeri Brunei dan penduduk serta isi di dalamnya."

Dari petikan titah tersebut jelas menekankan peri mustahaknya ada sifat jujur dan amanah pada setiap pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

Negara perlukan pegawai, kakitangan yang ikhlas, jujur dan amanah



lahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tunai kanlah amanah kepada orang yang mengamanahkan kepadamu dan janganlah kamu mengkhianati orang yang mengkhianatimu." (Riwayat Al-Imam Al-Tarmizi).

Oleh itu perlu diingat bahawa setiap jawatan yang dipertanggungjawabkan itu adalah merupakan amanah yang wajib dipikul dan dilaksanakan dengan sempurna, bukan dibuat sambil lewa dan diambil mudah. Biarlah perbelanjaan kerajaan membayar

gaji pegawai dan kakitangan kerajaan itu berbaloi dengan tugas yang dilakukan. Adakah kita ingat, bahawa kita bekerja ini, telah mengikat perjanjian, menerima jawatan dan bersedia melaksanakan dan akan bertanggungjawab mengikut bidang kuasa masing-masing.

Bagi mencapai dan merealisasikan hasrat kerajaan pada menjadikan pegawai-pegawai dan kakitangannya menjurus ke arah bekerja kerana Allah Subhanahu Wataala, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan telah diarah membaca ayat suci Al-Quran sebelum melakukan tugas mereka dengan harapan agar kerja

yang dilakukan mendapat petunjuk, berkat dan keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Dalam pada itu berdoa juga memainkan peranan yang amat berkesan bagi mencapai sesuatu yang di-hajati kerana Allah Subhanahu Wataala memerintahkan hamba-Nya supaya sentiasa beribadat dan berdoa kepada-Nya untuk kerbaikan dan keselamatan di dunia dan di akhirat sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 186 yang tafsirnya:

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai-Ku maka beritahu kepada mereka: Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa ham-

OLEH itu perlu diingat bahawa setiap jawatan yang dipertanggungjawabkan itu adalah merupakan amanah yang wajib dipikul dan dilaksanakan dengan sempurna, bukan dibuat sambil lewa dan diambil mudah. Biarlah perbelanjaan kerajaan membayar gaji pegawai dan kakitangan kerajaan itu berbaloi dengan tugas yang dilakukan. Adakah kita ingat, bahawa kita bekerja ini, telah mengikat perjanjian, menerima jawatan dan bersedia melaksanakan dan akan bertanggungjawab mengikut bidang kuasa masing-masing.

pir kepada mereka. Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyalah seruan-Ku dengan mematuhi perintah-Ku, dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul."

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, membaca doa di majlis-majlis baik majlis kecil ataupun besar, rasmi ataupun tidak rasmi, telah menjadi amalan. Amalan inilah yang mesti dihayati dan dilazimkan dalam kehidupan seharian kita, sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Mu'min ayat 60 yang tafsirnya:

"Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina."

Sebagai menzahirkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala dan ketaatan kepada raja

sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala, maka sama-samalah kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala semoga raja kita dilanjutkan usia, sihat walafiat dan memimpin negara dengan hidayah Allah Subhanahu Wataala, dan negara kita akan aman makmur di bawah kepimpinan baginda. Amin Ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 55 hingga 56 yang tafsirnya:

"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan dengan suara perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. Dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang kalau-kalau tidak diterima dan juga dengan perasaan terharap-harap supaya makbul. Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalan-nya."

وقت سمبهيڤ، امساك، شوروڤ دان ضحى

وقت ٢ سمبهيڤ، امساك، شوروڤ دان ضحى باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 13 جمادي الاخير، 1426 برسمان دغن 20 جولي، 2005 هيڤڠ كهاري ثلاث، 19 جمادي الاخير، 1426 برسمان دغن 26 جولي، 2005 اداله سفرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروڤ	ضحى	مسيحي
جمادي الاخير									جولي
13	12.28	3.51	6.38	7.52	4.42	4.52	6.15	6.39	20
14	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.40	21
15	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.40	22
16	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.40	23
17	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.40	24
18	12.28	3.51	6.38	7.51	4.44	4.54	6.15	6.40	25
19	12.28	3.50	6.37	7.51	4.44	4.54	6.15	6.40	26

وقت ٢ سمبهيڤ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيڠ مينيت، سمبهيڤ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

PERLU diingat bahawa hasrat untuk mencapai kemajuan dan pembangunan itu memerlukan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang komited melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, bekerja dengan ikhlas, jujur dan amanah semata-mata untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala. Ketahuilah bahawa tugas dan tanggungjawab itu adalah ibadat, kerana Allah Subhanahu Wataala akan memberikan ganjaran pahala kepada mereka yang menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan jujur dan amanah, sebaliknya sesiapa yang berlaku khianat akan dibalas dengan kehinaan dan azab seksa oleh Allah Subhanahu Wataala.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn.gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 208 Bahagian Kedua

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

GANJARAN BERSELAWAT KE ATAS NABI SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM

TERDAPAT banyak hadis yang meriwayatkan tentang besarnya ganjaran pada mendoakan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Barangsiapa mengucapkan selawat untukku satu kali, Allah Subhanahu Wataala akan memberinya rahmat sepuluh kali ganda." (Hadis riwayat Muslim).

Manakala hadis daripada Sayidina 'Ali bin Abi Thalib Radiallahuanhu yang menyifatkan orang yang enggan atau berdiam diri atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai bakhil yang maksudnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Orang yang kikir (bakhil) adalah orang yang apabila namaku disebut di sisinya, dia tidak mengucapkan selawat ke atasku." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

MENDOAKAN AHLI KELUARGA RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM, PARA SAHABAT DAN PENGIKUT BAGINDA YANG LAINNYA

Sepakat ulama juga mengatakan bahawa adalah harus atau dibolehkan menyebut ahli keluarga Rasulullah

KASIH SAYANG MELALUI DOA

Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, isteri-isteri, zuriat dan para pengikut Baginda selepas sempurna mengucapkan doa dan selawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Misal ucapan tersebut ialah:

Sunat juga mendoakan para sahabat dan tabi'in dan mereka yang selepas tabi'in daripada para ulama, ahli ibadat dan orang-orang yang melakukan amal kebaikan. Caranya ialah dengan menyebut atau mendoakan mereka dengan : 'Radiallahuanhu' dan 'Rahimahullah' selepas nama mereka, contohnya Abu Bakar Radiallahuanhu, 'Aisyah Radiallahuanhu atau Imam Asy-Syafi'e Rahimahullah.

SELAWAT KE ATAS NABI-NABI TERDAHULU

Ulama bersepakat adalah sunat berselawat ke atas Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, begitu juga ke atas kesemua Nabi-nabi yang terdahulu. Menurut ulama Syafie, selawat itu telah dikhususkan oleh ulama salaf bagi para anbiya, sebagaimana khususnya kalimat 'Azzawajulla' bagi Allah Subhanahu Wataala. Adapun selain daripada para Nabi, misalnya para sahabat contohnya Sayidina Abu Bakar, maka tiada selawat ke atas mereka itu.

MENDOAKAN IBU BAPA

Berbuat baik dan mendoakan kedua ibu bapa merupakan kewajiban bagi setiap anak. Ini kerana ibu bapa adalah orang yang terutama sekali untuk didoakan oleh anak-anak sebagai membalas jasa kedua-duanya, memelihara dan mendidik di waktu kecil. Malah penjagaan mereka terhadap anak-anak sampai dewasa, bahkan tiada penghujungnya. Terdapat kisah di dalam Al-Quran yang membukitkan bahawa para Nabi juga memohon keampunan bagi kedua-dua ibu bapa.

Diceritakan dalam Al-Quran tentang Nabi Ibrahim Alaihissalam mendoakan kedua-dua ibu bapanya yang tafsirnya:

"Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapaku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan." (Surah Ibrahim ayat 41).

Begitu juga Nabi Nuh Alaihissalam telah mendoakan kedua-dua ibu bapanya sebagaimana Allah Taala berfirman yang tafsirnya:

"Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku,

dan bagi kedua ibu bapaku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan (dalam segala zaman); dan janganlah Engkau tambahi orang-orang yang zalim melainkan kebinasaan." (Surah Nuh ayat 28).

Adapun doa yang sering dibacakan untuk mendoakan dan memohon keampunan bagi kedua ibu bapa, antaranya dari Surah Nuh ayat 28 di atas yang tafsirnya:

"Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapaku."

Manakala dalam Surah Al-Israa', ayat 24 yang tafsirnya:

"Dan doakanlah (untuk mereka dengan berkata): Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua (ibu bapaku) sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil." (Surah Al-Israa' ayat 24).

Sesungguhnya doa anak-anak kepada kedua ibu bapa adalah besar manfaatnya, lebih-lebih lagi apabila keduanya telah meninggal dunia. Dirwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Apabila seseorang meninggal dunia, terputuslah amalnya daripadanya, melainkan daripada tiga perkara: daripada sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak salih yang mendoakannya." (Hadis riwayat Muslim).

Dirwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya diangkat derajat seseorang hamba di dalam Syurga, lalu dia berkata: Dari mana (saya memperoleh derajat) ini? Maka dikatakan padanya: (Ianya) daripada doa permohonan keampunan yang dilakukan oleh anakmu." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

IBU BAPA MENDOAKAN ANAK-ANAK

Sebagaimana anak-anak dianjurkan berdoa untuk kedua-dua ibu bapa, begitu juga ibu bapa adalah dianjurkan supaya mendoakan anak-anak mereka sebagaimana Nabi Ibrahim Alaihissalam berdoa untuk anaknya yang tersebut di dalam Surah As-Shaaffat ayat 100 yang tafsirnya:

"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku

anak yang tergolong daripada orang-orang yang salih."

MENDOAKAN ULAMA DAN GURU

Mendoakan para ulama dan guru yang mengajarkan ilmu yang bermanfaat adalah termasuk dalam perkara yang dianjurkan untuk dilakukan. Menurut Imam An-Nawawi di dalam kitabnya Al-Adzkar, antara cara mendoakan ulama ialah dengan menyebut atau menulis Radiallahuanhu, Rahimahullah atau yang seumpamanya setelah menyebut atau menulis nama ulama tersebut.

Menurut As-Sayyid 'Alawi As-Sagqaf dalam kitab Majma'ah Sab'ah Kutub Mufidah, antara adab-adab terhadap guru janganlah seseorang itu meninggalkan doa untuk gurunya, baik ketika dia hadir (ada) mahupun semasa ketidadaannya, sebagaimana seseorang itu tidak meninggalkan doa untuk kedua-dua ibu bapanya dan hendaklah dia berbuat baik kepada gurunya sebagaimana dia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya.

MENDOAKAN ORANG YANG BERBUAT BAIK PADANYA

Apabila seseorang telah melakukan kebaikan dan memberi pertolongan, maka sewajarnya kita membalasnya dengan perbuatan setimpal. Jika itu tidak mampu dilakukan dan dilaksanakan, maka hendaklah kita mendoakannya dengan doa yang baik. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam juga pernah mendoakan seseorang yang berbuat baik kepada Baginda yang maksudnya: Dari Ibnu 'Abbas:

"Sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memasuki bilik air kecil, lalu aku meletakkan air wuduk untuk Baginda. Baginda bersabda: Siupakah yang meletakkan ini (air wuduk)? Maka Baginda pun diberitahu. Lalu Baginda berdoa: Ya Allah pandaikanlah dia dalam bidang agama." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Deripada Usamah bin Zaid bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang dibuat kebaikan kepadanya, maka katakanlah kepada orang yang membuat kebaikan itu: Semoga Allah membalasmu dengan kebaikan. Sesungguhnya ucapan demikian itu adalah sebaik-baik pujian (ucapan)." (Hadis riwayat Ibnu Hibban).

Adapun budaya mengucapkan terima kasih atau yang seumpamanya kepada sesiapa saja yang telah memberi pertolongan atau bantuan adalah merupakan suatu budaya atau amalan yang baik. Malah ianya mempamerkan kemuliaan dan ketinggian akhlak serta budi pekerti si pelakunya. Tetapi alangkah lebih baik sekiranya di samping ucapan terima kasih itu, ianya diiringi pula dengan doa-doa yang baik sebagaimana yang diajarkan oleh Islam. Misalnya ucapan yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri seperti dalam hadis di atas, iaitu 'Semoga Allah membalasmu dengan kebaikan'.

BERSAMBUNG

Dari muka 1

Selamat diputerakan
Padukan Seri Sultan
pada Tuhan dipohonkan
usia baginda dilanjutkan.

Putera tertua lagi gahara
Sultan Omar Ali
Saifuddin
diasuh jadi tampuk negara
menuntut ilmu tekun dan
rajin.

Dirgahayu baginda
hidup aman bahagia
selamat puja usia
kekal memerintah negara.

Kemenangan dan kepuasan seniman tidak hanya menjangkau interaksi sosial malah ke dalam diri manusia itu sendiri. Membenam ke dalam psikologi individu dan menterjemahkan kenyataan serta meluaskan respon emosi serta inteleknya melalui keindahan susunan kata-kata.

Yang penting diperhitungkan ialah martabat karya itu sendiri. Perjalanan kehidupan masih panjang namun untuk jangkaan fikiran yang jauh, seniman mampu meniupkan semangat kasihkan raja. Cintakan bangsa dan tanah air. Seniman dapat melahirkan suatu seni menurut calak negara kecil-

taannya. Dalam hal ini Lagu Dirgahayu berjaya menjana taat kesetiaan kepada raja. Mampu meningkatkan pemahaman dalam kehidupan berbangsa, bernegara dan beragama. Matlamatnya jelas.

Lagu Dirgahayu yang dicipta pada tahun 1968 ini hingga sekarang masih dikumandangkan. Ia dikeudarkan setiap tahun menjelang Hari Keputeraan baginda. Lagu ini sudah menjadi kepunyaan semua orang. Penyanyinya pun berubah-ubah. Sudah banyak penyanyi tanah air yang melagukannya melalui Radio Brunei. Mari ikuti rangkap berikutnya. Dirgahayu mempunyai sembilan rangkap semuanya.

Hassanal Bolkiah dimahkotakan jadi Pengiran Muda Mahkota
selamat menempuh perkahwinan dengan Pengiran Anak Saleha.

Selamat diputerakan Paduka Seri Sultan rakyat jelata taat setia mendoakan kebahagiaan.

Dirgahayu baginda hidup aman bahagia rakyat jelata taat setia,

Selamat diputerakan, Paduka Seri Sultan rakyat jelata taat setia, mendoakan kebahagiaan

mendoakan kebahagiaan selamat puja usia kekal memerintah negara. Rakyat semua bersuka ria menyambut hari puja usia Hassanal Bolkiah diputerakan sultan diberkati Tuhan. Selamat diputerakan Paduka Seri Sultan pada Tuhan dipohonkan usia baginda dilanjutkan.

MESRA RAKYAT

Apabila perkhidmatan televisyen diperkenalkan di Brunei pada penghujung tahun 1978 maka lagu ini pun divisualisasikan dengan memaparkan episod-episod yang meliputi raja bersama rakyat. Lagu ini pun divisualisasikan melalui RTB yang membawa tema raja mesra rakyat. Rakyat kasihkan raja.

Visualisasi yang pelbagai ini tetapi menjurus kepada raja mesra rakyat dan rakyat kasihkan raja di tayangkan setiap tahun hingga sekarang. Ianya di-

hidangkan melalui RTB terutama menjelang Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Generasi terbaru yang lahir selepas kemerdekaan negara pun ikut melakukannya. Lagu ini dicipta pada tahun 1968. Hingga setengah kita lupa terutama penyanyi baru pun ada yang lupa siapa pencipta lagu yang bersemangat patriotik ini. Lagu ini semacam sudah jadi milik bersama.

Lagu Dirgahayu semacam sudah jadi milik kita semua. Lagu ini bertahan dari satu generasi ke generasi yang lain. Ini adalah kejayaan lagu ini menjiwai kehidupan berbangsa, bernegara dan beragama di bumi Brunei Darussalam.

Setiap tahun sejak tahun 1968 menjelang Hari Keputeraan, Lagu Dirgahayu berkumandang segar di Radio Brunei. Setiap tahun sejak Televisyen Brunei diperkenalkan, men-

jelang Hari Keputeraan baginda hingga detik ini Lagu Dirgahayu dihidangkan kepada para penonton.

Penerbit televisyen berjaya mengadun episod-episod raja mesra rakyat dan rakyat kasihkan raja bagi melatartelakkan Lagu Dirgahayu. Tahniah kepada semua.

Sekadar ristaan bahawa Lagu Dirgahayu yang berkumandang melalui RTB menjelang Hari Keputeraan ini sudah menjadi milik bersama. Dilakukan oleh puluhan penyanyi tanah air yang berbakat. Dinyanyikan bukan secara paduan suara seperti awal mula ianya dicipta dan terus dinyanyikan pada tahun 1968.

Lagu ini kini dinyanyikan secara perseorangan. Dilakukan secara paduan suara. Didendangkan secara beramai iaitu koir. Penyanyi veteran, penyanyi remaja, penyanyi belia, penyanyi budak sekolah

rendah, penyanyi sekolah menengah turut menyanyikan.

Lagu Dirgahayu benar-benar mendirgahayakan masyarakat Brunei. Mendirgahayakan bumi Brunei. Untuk itu mari kita sama-sama nikmati lirik atau seni kata lagu ini sepenuhnya iaitu sembilan rangkap dari awal hingga akhir.

Sejarah indah Negeri Brunei
Hassanal Bolkiah diputerakan lima belas hari bulan Julai
sembilan belas empat puluh enam.
Selamat diputerakan Paduka Seri Sultan pada Tuhan dipohonkan usia baginda dilanjutkan.
Putera tertua lagi gahara Sultan Omar Ali Saifuddin diasuh jadi tampuk negara menuntut ilmu tekun

dan rajin.
Dirgahayu baginda hidup aman bahagia selamat puja usia kekal memerintah negara.
Hassanal Bolkiah dimahkotakan jadi Pengiran Muda Mahkota
selamat menempuh perkahwinan dengan Pengiran Anak Saleha.
Selamat diputerakan Padukan Seri Sultan rakyat jelata taat setia mendoakan kebahagiaan.
Dirgahayu baginda hidup aman bahagia selamat puja usia kekal memerintah negara.
Rakyat semua bersuka ria menyambut hari puja usia Hassanal Bolkiah diputerakan sultan diberkati Tuhan.
Selamat diputerakan Paduka Seri Sultan pada Tuhan dipohonkan usia baginda dilanjutkan.

ASEAN-KESATUAN EROPAH

SELEPAS terhenti selama tiga tahun lebih, kerjasama bersama ASEAN-EC telah diadakan pada 24 hingga 27 Mei 1999. Dialog politik juga telah dihidupkan semula dengan memulakan Mesyuarat Pegawai Tinggi ASEAN-EU yang diadakan di Lisbon, Portugal pada 26 Jun tahun 2000. Mesyuarat Ke-13 Menteri-menteri ASEAN-EU telah menyambungkan semula dialog politik dalam semangat keterbukaan dan penilaian semula kerjasama ekonomi yang meliputi Rancangan Kerja EU yang telah diluluskan di Mesyuarat Kerjasama Bersama (JCC) pada tahun 1999. Dalam hubungan ini, Kemboja dan Republik Demokratik Rakyat Lao kedua-duanya telah diterima menjadi ahli pada bulan Julai 2000 kepada Perjanjian Kerjasama ASEAN-EC yang ditandatangani pada tahun 1980 yang mana lebih memperluaskan lagi kerjasama antara negara-negara anggota ASEAN dan EU. Rancangan berkenaan menyeru bagi aktiviti kerjasama yang padu antara perumudahan perdagangan, piawaian dan mengikut peraturan, hak milik intelek, kastam, khidmat penukaran ganti, pelaburan dan persekitaran, tenaga, perkembangan manusia, sains dan teknologi dan kerjasama perdagangan.

Perluasan kerjasama hubungan ASEAN-EU menggambarkan kerjasama yang semakin dewasa dan kepentingan dialog bagi kedua-dua pihak. Saling mengiktiraf peranan penting dalam ASEAN dan EU mengukuhkan lagi perdamaian, kemakmuran dan kestabilan rantau masing-masing. Kedua-dua pihak juga telah bersetuju untuk berkongsi perspektif dan maklumat dalam isu politik dan keselamatan. ASEAN dan EU telah menyeru bagi satu dialog yang lebih meluas untuk mempermudah perdagangan dan menggalakkan pelaburan dan kerjasama perdagangan dan perindustrian, dan untuk mengurangkan halangan yang menghalang aktiviti ekonomi berkenaan.

ASEAN-INDIA

Sejak hubungan dialog bermula pada tahun 1993, perkembangan kerjasama antara ASEAN dan India telah berkembang mengenai sains dan teknologi, teknologi maklumat dan perkembangan sumber tenaga manusia yang mana telah diperkukuhkan dengan penubuhan Kumpulan Kerja ASEAN-India pada bulan Februari 1998.

Kumpulan Kerja ASEAN-India mengenai sains dan teknologi memperkukuh kerjasama dalam bahasan lanjutan, seperti Magnet Bumi yang jarang ditemui dan kejuruteraan permukaan, bioteknologi haiwan dan tumbuhan dan teknologi ruang angkasa. Kerjasama dalam bidang teknologi elektronik dan maklumat akan diselenggarakan oleh Kumpulan Kerja Kecil.

Di Mesyuarat Ke-4 Kumpulan Kerja ASEAN-India yang diadakan pada 12 - 13 Mac 2001 di Jakarta, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk memperkukuh dan memperluaskan kerjasama yang sedia ada dalam bidang-bidang sains dan teknologi, teknologi maklumat, pengangkutan dan prasarana, pelaburan dan perdagangan, bioteknologi, pembangunan sumber tenaga manusia, pelancongan dan hubungan manusia dengan manusia.

ASEAN-JEPUN

Dalam tempoh satu tahun sehingga akhir bulan Oktober tahun 2000, ASEAN dan Jepun telah melaksanakan beberapa siri mesyuarat yang bertajuk 'Ke Arah Visi 2020: Persidangan Konsultasi ASEAN-Jepun Mengenai Peralaksanaan Pelan Tindakan Ha Noi' untuk menggalakkan pemahaman yang mendalam

HUBUNGAN LUAR ASEAN: PENGEMASKINIAN HUBUNGAN DIALOG

mengenai pembangunan di rantau ini dan juga rantau lain, mewujudkan satu modaliti yang dinamik dan baru bagi hubungan ASEAN-Jepun, dan persediaan bagi kerjasama ASEAN-Jepun pada abad ke-21. Mesyuarat konsultasi telah melahirkan 45 cadangan yang konkrit yang mana perlaksanaannya dijangka akan mempermudah peralaksanaan Pelan Tindakan Ha Noi dan Visi 2020, termasuk sumbangan Jepun kepada proses berkenaan.

Berikutan krisis matawang ASEAN, Jepun telah menghantar satu misi untuk memperkukuh semula ekonomi Asia, yang mana bertujuan untuk mengkaji keperluan negara-negara Asia ketika ia telah menunjukkan tanda-tanda ke arah baik pulih. Ia telah mewujudkan sokongan yang konkrit mengenai peranan akan dimainkan oleh Jepun iaitu kepada orang, barangan, kewangan dan maklumat dalam abad ke-21 dalam keadaan pengalaman krisis matawang.

Di Sidang Komun-

cak Tidak Rasmi ASEAN + 3 di Manila pada bulan November 1999, Jepun telah membentangkan Pelan Obuchi, yang meliputi bidang yang meluas mengenai perkembangan aktiviti kerjasama dalam perkembangan sumber tenaga manusia, teknologi maklumat, kerjasama mengenai Pelan Tindakan Ha Noi dan pembinaan keupayaan bagi negara anggota ASEAN yang baru dan juga Sekretariat ASEAN. Komponen Pelan Obuchi adalah dilaksanakan secara berperingkat.

Ketika Pasca Persidangan ASEAN-Jepun pada bulan Julai 2000 yang lalu, Tabung Pertukaran Asean-Jepun (ASEAN-Japan Exchange Fund - JAGEF) telah ditubuhkan untuk mempermudah kerjasama ekonomi Jepun dengan ASEAN, menggalakkan pertukaran teknologi dan kemasukan pelaburan dari Jepun ke dalam negara-negara ASEAN dan menggalakkan perdagangan dan pertukaran pegawai antara Jepun dan ASEAN.

ASEAN-REPUBLIK KOREA

ASEAN dan Republik Korea memulakan mesyuarat pertama mereka di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Penilaian (JPRC) yang pertama pada bulan April 1999 untuk memperbaiki penggunaan Tabung Khas Kerjasama ASEAN-ROK (SCF). Cadangan Prosedur Penglulusan Projek dan langkah-langkah lain telah diluluskan untuk memastikan pelaksanaan projek tepat pada masanya dan penggunaan berkesan tabung SCF berkenaan. Pada masa yang sama Kumpulan Orang Eminent ASEAN-ROK telah menghadapkan laporan mereka mengenai hala tuju masa depan kerjasama ASEAN-ROK.

Di Mesyuarat Ke-2 JPRC, pada bulan May 2000, ASEAN dan Korea Selatan telah bersetuju mengenai kepentingan memenuhi kerjasama pembangunan dengan ketumpuan ASEAN, termasuk mempermudah pengintegrasian negara anggota ASEAN yang baru ke dalam Skim Kerjasama Ekonomi ASEAN. Dalam hal ini, Korea Selatan

telah menyuarakan bahawa ia akan menimbang dengan positif mengenai bagaimana ia akan mempermudah pengintegrasian ekonomi ASEAN.

ASEAN-NEW ZEALAND

Sejak penubuhan Dialog ASEAN-New Zealand, beberapa buah rancangan kerjasama dan aktiviti telah dilaksanakan, khususnya dalam rangka kerja Bantuan Pergerakan Seberang Laut New Zealand untuk menggalakkan kerjasama sosial, saintifik dan teknologikal dengan ASEAN.

Mesyuarat Ke-7 Rancangan Kerjasama ASEAN-New Zealand telah diadakan pada bulan Februari 2000. Di mesyuarat berkenaan, ASEAN dan New Zealand telah bersetuju bagi satu hala tuju baru mestilah ditubuhkan, menjurus kepada pembaikpulihan ekonomi ASEAN dan juga pengintegrasian, kesan sosial krisis kewangan, sains dan teknologi dan juga alam sekitar serta perkembangan sumber tenaga manusia.

Bersambung

TAAT SETIA KEPADA RAJA

Oleh Refa'ah Ali Osman

PERKHIDMATAN Awam (PA) merupakan jentera penggerak yang bukan sahaja program-program pembangunan negara, bahkan juga segala dasar dan peraturan kerajaan. Jika ianya lemah atau tidak berkesan, maka ianya akan membawa kepada kemunduran dan boleh menyebabkan hilangnya keamanan dan ketenteraman jika tidak ada kebijaksanaan untuk menanganinya.

Apabila nikmat keamanan dan ketenteraman itu hilang bererti kehidupan rakyat dan juga penduduk negara berkenaan sudah menjurus kepada kemusnahan dan juga kehancuran.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya prestasi PA sentiasa berada di tahap yang cemerlang dan mempunyai imej yang baik dan bersih. PA yang amanah, cekap, berdisiplin dan beretika adalah amat diperlukan bagi membolehkan kerajaan mencapai matlamat-matlamat pembangunan negara dengan lebih berkesan lagi.

Untuk memastikan matlamat pembangunan negara dapat dicapai dengan berkesan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semua pegawai dan kakitangan PA dikehendaki memiliki dan mengamalkan sikap positif dan etika kerja yang cemerlang supaya jentera kerajaan dapat dijalankan dengan cekap, berkesan dan penuh tanggungjawab.

PERANAN PENTADBIR DAN PENGURUS PA

Pentadbir dan Pengurus dalam PA di Negara Brunei Darussalam, sama ada mereka dari golongan perkhidmatan pentadbiran, perkhidmatan profesional atau perkhidmatan teknikal, mempunyai peranan yang penting antaranya ialah:

- Memberikan perkhidmatan kepada raja, kerajaan dan rakyat dengan penuh kesetiaan dan keikhlasan. Perkhidmatan itu dilakukan dengan membuat perancangan, pengurusan dan pelaksanaan dasar-dasar dan program-program melalui ilmu, pemikiran dan kepakaran yang tinggi dan mendalam.
- Bertanggungjawab mentadbir dan mengurus negara dan masyarakat melalui institusi PA kerana ianya adalah satu institusi penting negara dan sosial.
- Bertanggungjawab membentuk satu masyarakat yang bersetu padu, berdisiplin, berhemah tinggi dan adil yang berbandukan kepada ajaran agama Islam serta menjaga keamanan, perundangan, menggalakkan kreativiti, inovasi, penyelidikan dan pembangunan tamadun.
- Menjalankan hak-hak dan kuasa-kuasanya dengan penuh tanggungjawab serta berlaku adil kepada rakyat yang menerima khidmatnya.

NILAI DAN ETIKA KERJA

Nilai-nilai dan etika PA sangat penting untuk difahami oleh setiap pemimpin, pengurus, pegawai dan kakitangan PA kerana ia menentukan arah dan memberikan makna kepada pemikiran, tindakan dan tingkah laku anggota PA bagi memenuhi tanggungjawab dan amanah mereka sebagai pekerja. Sementara itu ia memberi penyatuan dan penyaluran di antara pegawai-pegawai dan kakitangan PA sebagai institusi utama yang



membuat sumbangan kepada pembangunan tamadun masyarakat.

TAAT SETIA

Taat setia kepada raja, negara dan kerajaan merupakan salah satu daripada nilai-nilai terpenting yang perlu diamalkan dan dihayati oleh setiap pegawai dan kakitangan kerajaan dalam PA. Nilai ini adalah amat perlu dihayati dan dihayati demi mempertahankan kedaulatan raja, negara, bangsa dan agama. Bagi memastikan nilai ini dipatuhi dalam PA, setiap pegawai dan kakitangan hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan, tingkah-laku serta ikrar yang termaktub dalam beberapa peraturan dan akta yang berkenaan seperti yang terdapat dalam Perlembagaan, surat-surat keliling, perintah-perintah am dan lain-lain.

BERSIH, JUJUR DAN AMANAH

Seorang pegawai atau kakitangan dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan bersih, jujur dan amanah. Kebersihan yang dimaksudkan di sini ialah dari semua aspek sama ada kebersihan rohani dan jasmani. Kebersihan rohani bermakna sentiasa berfikir dan berniat bersih dalam apa jua tugas yang dilakukan. Dari segi jasmani, seseorang pegawai itu hendaklah berpakaian bersih, kemas dan rapi terutama semasa menjalankan tugas. Begitu juga dengan kejujuran, setiap pegawai dan kakitangan dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan jujur.

Sementara itu, setiap pegawai dan kakitangan yang telah dilantik mestilah mengamalkan sifat amanah dalam menjalankan tugasnya. Ini sesuai dengan tanggungjawab utama yang dipikulnya dalam membangun dan memajukan negara. Melalui sikap ini, rakyat dan pelanggan-pelanggan kerajaan akan mendapat hasil atau layanan yang baik daripada perkhidmatan yang sempurna.

Firman Allah Subhanahu Wataala tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukuman di atas manusia, Allah Subhanahu Wataala menyuruh kamu menghukum dengan adiknya." (Surah An-Nisaa': 58). PA merupakan sebuah institusi yang terpenting dalam pentadbiran negara. Di dalam menghadapi cabaran-cabaran, perubahan persekitaran, kehendak-kehendak rakyat dan negara, di abad ke-21 ini, PA memerlukan pemimpin, pengurus, pegawai dan pekerja yang berkualiti dan berkaliber yang memiliki dan menghayati nilai-nilai murni, sikap positif dan etika kerja yang cemerlang di samping ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi dan mendalam di dalam pelbagai bidang. Semua ini adalah penting di dalam usaha kerajaan untuk mencapai kejayaan matlamat-matlamat dan rancangan-rancangan pembangunan negara dan ummah di Negara Brunei Darussalam dengan lebih berkesan dan teratur di samping dapat mewujudkan PA yang berkualiti dan cemerlang.

S i B u d i m a n

PARAYAAN ANI TANDA SYUKUR KITANI
DAN MAMBASARKAN RAJA KITANI.....
PAKAIAN KAMU ANI INDA BAMAJALIS, INDA
MALAMBANGKAN IDENTITI ORANG KITANI BRUNEI,
ORANG MALAYU.... LAGIPUN ORANG ISLAM.



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Kemudahan, gelanggang yang mencukupi boleh tarik pelancong

INDUSTRI pelancongan adalah salah satu industri besar yang juga dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan adanya industri pelancongan maka para pelancong dari luar negara akan menyumbangkan wang ringgit mereka ke dalam ekonomi negara, begitu juga pelancong tempatan yang mana wang ringgit mereka tidak keluar dari negara kita sendiri.

Melihat betapa pentingnya industri pelancongan di negara ini, maka pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berusaha untuk menjadikan negara kita Brunei Darussalam sebagai sebuah negara pelancongan yang terbaik di Asia Tenggara. Oleh itu pihak kerajaan telah mengeluarkan berjuta-juta ringgit dan menyediakan pelbagai prasarana serta kemudahan untuk para pelancong tempatan dan luar negara.

Dengan itu pihak kerajaan mahupun pihak swasta telah berusaha untuk mempromosikan industri pelancongan di negara ini melalui pelbagai acara seperti Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Hari Kebangsaan, acara sukan dan sebagainya. Seperti yang kita ketahui, acara sukan merupakan acara yang paling digemari bukan sahaja di negara ini bahkan juga negara luar. Oleh itu acara sukan boleh dikatakan salah satu acara untuk mempromosikan industri pelancongan dan menarik para pelancong dari luar dan dalam negara selain acara kebudayaan dan sebagainya.

Banyak acara sukan yang boleh dilakukan di negara ini seperti juga di negara-negara lain yang mana kita mempunyai kemudahan dan gelanggang yang mencukupi untuk membuat aktiviti sukan di negara ini. Seperti yang kita ketahui negara kita telah pernah menganjurkan beberapa acara sukan yang bertaraf antarabangsa seperti Kejohanan Golf Terbuka Brunei 2005, Le Tour De Brunei 2005 yang telah berlangsung baru-baru ini dan juga negara kita pernah menganjurkan Sukan SEA 1999, Brunei Grand Prix Badminton dan sebagainya serta akan datang Kejohanan Maraton Brunei 2005. Ini menunjukkan bahawa negara kita mampu menganjurkan beberapa acara sukan yang bertaraf dunia.

Dengan kemampuan negara kita dalam menganjurkan beberapa acara sukan yang bertaraf antarabangsa sedikit sebanyak dapat memperkenalkan negara kita ke arena antarabangsa melalui acara sukan. Di samping itu ianya juga dapat menarik para pelancong dalam dan luar negara untuk mengunjungi negara kita yang permai ini. Dengan adanya acara sukan yang dibuat di negara ini maka peranan pihak media massa juga tidak ketinggalan untuk membantu negara menyiarkan maklumat serta acara yang berlangsung di negara ini. Di samping itu pihak media massa luar negara juga dapat datang ke negara kita untuk membuat liputan sekali gus dapat menarik rakyat dan penduduk di negara mereka untuk datang ke Negara Brunei Darussalam.

Kesimpulannya, acara sukan bolehlah dikatakan salah satu acara yang dapat mempromosikan industri pelancongan di negara ini. Ini dapat dilihat bahawa kemampuan negara kita menganjurkan beberapa acara sukan yang bertaraf antarabangsa dapat menarik ramai para pelancong luar negara untuk mengunjungi negara kita bagi melihat acara sukan secara lebih dekat sekali gus bersiar-siar dan melawat tempat-tempat yang menarik yang terdapat di negara kita.

Di samping itu penduduk tempatan haruslah menunjukkan minat mereka terhadap acara sukan yang dianjurkan di negara ini dengan mengunjungi acara sukan yang dilangsungkan. Jika penduduk tempatan tidak memenuhi gelanggang sukan yang sedang berlangsung ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa acara sukan yang dianjurkan tidak diminati oleh penduduk tempatan di mata para pelancong dan para peserta luar negara yang mengikuti acara sukan yang dianjurkan di negara kita Brunei Darussalam.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Menambah Rezeki Di Sambutan Perayaan Hari Keputeraan'. Tarikh tutup 27 Julai 2005.

2. 'Berhibur Secara Sopan Sempena Perayaan'. Tarikh tutup 3 Ogos 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunei.bn

**MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah
kami kemukakan iaitu 'Mempromosikan
Industri Pelancongan Melalui Acara
Sukan'. Mereka akan menerima hadiah
sebanyak \$40.00. Pendapat yang
berjaya itu adalah seperti berikut:**

Acara sukan berpotensi besar tarik pelancong ke negara ini

INDUSTRI pelancongan merupakan salah satu sektor penting yang memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara. Pelancongan telah meningkatkan sumbangannya kepada pendapatan tukaran asing dan pertumbuhan sektor lain kerana apabila industri pelancongan berkembang, ia turut memberi kesan yang baik kepada sektor yang berkaitan. Untuk mencapai potensi sepenuhnya dalam industri pelancongan, kerajaan telah mengambil langkah untuk mempromosikan pelancongan dan mempertingkatkan inisiatif bagi pembangunan produk pelancongan. Memandangkan perkara itu pelbagai inisiatif kreatif untuk merancang dan memaksimumkan potensi industri pelancongan di negara ini contohnya menerusi acara sukan.

Mempromosikan industri pelancongan melalui acara sukan mempunyai potensi yang besar untuk menarik pelancong ke negara ini. Oleh itu, para pengusaha industri sukan dan pengembaraan hendaklah terus menganjurkan acara sukan dan menggalakkan sukan baru untuk diadakan. Tambahan pula, pada masa kini sukan riadah telah menjadi lebih mudah disebabkan oleh kemudahan dalam penyediaan produk-produk pelancongan yang luas serta perkhidmatan perjalanan yang lebih mudah.

Pembabitin agresif dalam pengurusan sukan riadah

juga boleh membangkitkan potensi pembangunan dalam aspek sosial dan ekonomi yang amat besar kesannya. Sebagaimana yang kita sedia maklum, aktif dalam sukan sudah sekian lama menjadi sumber keseronokan dan pengisian aktiviti bagi masyarakat di seluruh dunia. Individu kini lebih berminat untuk menyertai sukan disebabkan oleh imej dan cabarnya. Sesetengahnya pula meluangkan lebih tertarik untuk melancong bagi mempelajari selok-belok sesuatu acara sukan. Contohnya saja penyulam skuba dan pelumba basikal, mereka mungkin sanggup melancong ke seluruh dunia untuk mencari tempat yang terbaik bagi aktiviti itu.

Secara umum, pertumbuhan industri pelancongan berasaskan sukan ini dapat meningkatkan integrasi nasional dan perpaduan kaum. Di samping itu juga, pengurusan sukan ini mampu menarik ramai pelancong ke negara ini. Sukan SEA yang berlangsung di negara ini pada tahun 1999 yang lalu telah menampakkan perpaduan yang begitu ketara. Acara kebudayaan yang dipersembahkan kepada pelancong sama ada di dalam negeri atau luar negara sentiasa menggabungkan semua jenis budaya kaum di negara ini.

Acara sukan patut dijadikan sebagai produk pelancongan kerana ia dilihat

Mempromosi industri pelancongan melalui acara sukan

SUKAN adalah di antara acara yang paling digemari dan diminati oleh orang ramai. Hatta melalui acara sukan juga telah menjadi salah satu acara bagi kebanyakan negara di dunia ini untuk mempromosikan industri pelancongan, seterusnya menajana kemandirian ekonomi negara masing-masing. Namun persoalan utama yang ingin digarap di sini ialah sejauh manakah negara kita, Negara Brunei Darussalam mampu mempromosikan industri pelancongan melalui acara sukan, sama ada di peringkat serantau mahupun di peringkat antarabangsa?

Seperti yang diketahui umum bahawasanya negara kita telah pun melaksanakan pelbagai acara sukan yang menjurus ke arah mempromosikan industri pelancongan sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Misalnya sahaja pada tahun 1999, negara kita telah diberi kepercayaan sepenuhnya untuk menjadi tuan rumah bagi menganjurkan acara Sukan SEA yang disertai oleh negara-negara ASEAN dan ini sudah setentunya menjadi

landasan penting bagi negara kita untuk mempromosikan industri pelancongan ke peringkat Asia Tenggara.

Begitu juga pada tahun 2005, negara kita telah buat julung kalinya menganjurkan Le Tour De Brunei (LTDB) 2005 yang terbuka kepada para pelumba basikal dari seluruh negara-negara ASEAN. Dalam acara ini telah melibatkan penjelajahan dan laluan yang agak mencabar iaitu merangkumi beberapa daerah di Negara Brunei Darussalam. Walaupun perlumbaan ini menguji stamina dan kesabaran seseorang, namun ia tetap menghadirkan keseronokan bagi mereka yang buat pertama kali menjejak kaki ke negara ini kerana berpeluang menyaksikan keindahan Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah destinasi pelancongan yang menarik.

Walhal, pada tahun ini (2005) juga negara kita telah membuka lembaran baru dengan mengukuhkan pelbagai acara sukan yang lebih menumpukan ke arah mempromosikan industri pelancongan ke peringkat antarabangsa. Sebagai bukti, pada

23 hingga 26 Jun yang lalu negara kita telah buat julung kalinya menganjurkan Kejohanan Golf Profesional - Terbuka Brunei 2005 (Brunei Open 2005) yang dikelolakan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Bahagian Kemajuan Pelancongan dengan Asia Tour dan Empire Hotel and Country Club. Di mana acara ini telah berjaya menarik kira-kira 140 pemain golf terbaik Asia.

Malah, Pengarah Bahagian Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed juga ada menyatakan keyakinan beliau tentang kejohanan ini akan mampu memberi faedah dalam memajukan sukan berkenaan di negara ini, di samping membantu mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan bagi permainan golf. Pernyataan beliau ternyata benar apabila juara keseluruhan kejohanan tersebut iaitu Terry Pilkadaris dari Australia ada menyatakan mengenai kejohanan ini.

"Bagi saya Kejohanan Golf Terbuka Brunei 2005 merupakan kejohanan yang terbaik dalam mana-mana kejohanan yang pernah disertai walaupun tidak banyak penonton atau peminat yang hadir bagi memberi sokongan, namun memadai dengan kebaikan 'course' dan keindahan tempat kejohanan."

Bukan itu sahaja, pada tahun ini juga buat pertama kalinya negara kita akan menganjurkan satu lagi acara besar yang melibatkan para peserta dari seluruh dunia iaitu Ist. Brunei Marathon 2005 yang dijangka akan berlangsung pada 11 Disember 2005. Acara ini turut menyediakan hadiah wang tunai yang agak lumayan berjumlah \$500 ribu untuk dinikmati. Melalui acara sukan yang bakal dianjurkan ini sudah pasti negara kita akan berjaya mempromosikan industri pelancongan dengan lebih meluas lagi seterusnya memperkenalkan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi sukan maraton yang berprestij di mata dunia.

Sememangnya tidak dapat dinafikan akan kepentingan acara sukan dalam mempromosikan industri pelancongan terhadap negara. Ini kerana ia mampu menajana kemandirian dan meningkatkan ekonomi negara ke tahap yang lebih baik lagi. Malah juga mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk membangkitkan ekonomi negara yang telah sekian lama bergantung terhadap pengeluaran hasil minyak dan gas.

Mohammad Arif bin Dr. Haji Serbini,
No. 7 Simpang 867,
Kampong Serdang,
BD 2117,
Jalan Kota Batu.
No. k/p : 00-313556

Suhaibul bin Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660, Kampong Lumapas 'B',
BJ 3524.
No. k/p : 00-296033

Hajah Raffizah binti Haji Abdullah,
No. 139 'N', Kampong Peramu, BP 1126.
No. k/p: 00-298007

IKLAN-IKLAN JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

1. **PEGAWAI KHIDMAT NASIHAT**
[BILANGAN KOD: 002 07 005]
[DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA]
BAGI TANGGA GAJI: C1-2 EB3 (\$1,280 - \$2,270)

KELAYAKAN:

- MEMPUNYAI pengetahuan tentang keramian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei, perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- Kelayakan Akademik/Pengalaman:
 - Mempunyai Sijil Diploma Pengajian Islam atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
 - Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei atau lulus dengan kepujian 2 mata pelajaran Sijil Am (STPUB) Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Tinggi termasuk mata pelajaran Pengetahuan agama Islam dan mempunyai Sijil Darjah VI sekolah Ugama, serta mempunyai pengalaman yang luas dalam kerja yang berkaitan tidak kurang selama 5 tahun. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang bersesuaian adalah satu kelebihan. ATAU
 - Mempunyai Sijil Latihan Maktub Perguruan Agama daripada mana-mana Pusat Latihan Perguruan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta mempunyai pengalaman mengajar selama 7 tahun. ATAU
 - Sedang dan telah berkhidmat dalam jawatan-jawatan tertentu dalam Bahagian IV di Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak kurang selama tujuh (7) tahun dan mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap baik bagi tempoh 3 tahun. Calon-calon yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang yang bersesuaian adalah satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Memberi kursus pasangan-pasangan yang hendak bernikah.
- Menasihati pasangan suami isteri yang memerlukan Khidmat Nasihat Rumahtangga.
- Lain-lain berhubung dengan Hal Ehwal Rumahtangga.

2. **PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA**
[BILANGAN KOD: 001 07 005]
[DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA]
TANGGA GAJI: D.3 EB.4-5 (\$900.00 - \$1,625.00)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam menurut Mazhab Shafie Ahli Sunnah Wal-Jemaah.

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN: JUA/4/2005
TAWARAN 'THE DESIGN, CONSTRUCTION, DELIVERY AND COMMISSIONING OF HYDROGRAPHIC SYSTEM AND SURVEY BOAT FOR SURVEY DEPARTMENT.'

BILANGAN TAWARAN: JUA 07/2005
TAWARAN 'MEMBEKAL 1 BUAH VAN 15 SEATER'

BILANGAN TAWARAN: JUA 08/2005
TAWARAN 'MENGANTIKAN 3 BUAH KERETA PACUAN 4X4'

- TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut bagi Bilangan Tawaran: JUA/4/2005 boleh diperolehi di Bahagian Geodetik (Tingkat 2) sementara borang tawaran serta keterangan lanjut bagi Bilangan Tawaran: JUA 07/2005 dan JUA 08/2005 boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran (Tingkat 4), Jabatan Ukur, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam dengan membayar Yuran Tawaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan) bagi Bilangan Tawaran JUA/4/2005 dan \$100.00 (tidak dikembalikan) bagi Bilangan Tawaran: JUA 07/2005 dan JUA 08/2005 pada waktu hari bekerja:
 - Hari Isnin - Khamis: 8.30 pagi - 11.00 pagi
 - 2.00 petang - 3.00 petang
 - Hari Sabtu: 8.30 pagi - 10.00 pagi
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda Syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk-tajuk tawaran seperti berikut:

BILANGAN TAWARAN: JUA/4/2005
TAWARAN 'THE DESIGN, CONSTRUCTION, DELIVERY AND COMMISSIONING OF HYDROGRAPHIC SYSTEM AND SURVEY BOAT FOR SURVEY DEPARTMENT'

BILANGAN TAWARAN: JUA 07/2005
TAWARAN 'MEMBEKAL 1 BUAH VAN 15 SEATER'

BILANGAN TAWARAN: JUA 08/2005
TAWARAN 'MENGANTIKAN 3 BUAH KERETA PACUAN 4X4'
- Tawaran hendaklah diadap tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 23 Ogos 2005 bagi Bilangan Tawaran JUA/4/2005 dan hari Selasa, 16 Ogos 2005 bagi Bilangan Tawaran JUA 07/2005 dan JUA 08/2005 kepada alamat berikut:

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.
- Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan:
 - Sijil Pendaftaran Perniagaan
 - Lesen Rampaian
 - Kad Pengenal/No. passport
 - Daftar Pemilik Syarikat
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

KELAYAKAN:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Kelayakan Akademik dan Pengalaman:
 - Mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Agama (STPU) atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
 - Telah berkhidmat di Jabatan Pusat Dakwah Islamiah atau mana-mana Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji D.1 selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. ATAU
 - Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tangga gaji D1 selama tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu melaksanakan arahan-arahan yang berhubung dengan perkhidmatan sokongan.
- Membantu kerja-kerja pendakwaan, keagamaan dan keraian.
- Membantu melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan pencegahan (kepada yang berkenaan) mengikut arahan.
- Membantu melaksanakan kerja-kerja mengaksis maklumat keagamaan kedalam laman web Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Nota:

- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai Laporan Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

AM:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN:

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan dan salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhannya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada: Urusetia Lembaga Kakitangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat 3, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP IKLAN: 11 Ogos, 2005

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERIJAWATAN KOSONG SEBAGAI KADET
PENOLONG PENGUSA POLIS

PASUKAN Polis Diraja Brunei ingin mempelawa rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berkhidmat dengan Pasukan ini bagi memenuhi jawatan sebagai KADET PENOLONG PENGUSA POLIS.

TANGGA GAJI: PD 13 \$ 2,570.00; \$ 2,630.00; \$ 2,690.00, \$ 2,855.00 + Elaun-elaun yang tertentu.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam salah satu bidang berikut atau mana-mana kelulusan yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - LLB Law; (2) BA in Public Policy & Administration; (3) BA in Business Administration Studies; (4) BA/BSc in Accounting; (5) BSc in Marine Engineering; (6) BSc in Information Technology; (7) BA/BSc in Static; (8) BSc in Electronic Engineering; (9) BSc in Electrical and Electronic Engineering; (10) BSc in Electronic and Communications Engineering
- Memiliki kelulusan yang lebih tinggi dalam salah satu bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan; Berumur di antara 20 tahun hingga 28 tahun;
- Ukuran tinggi / berat badan
 - Pemohon lelaki - 5 kaki 6 inci/ 60 kg
 - Pemohon wanita - 5 kaki 4 inci / 50 kg
- Hendaklah lulus ujian fizikal dan pemeriksaan kesihatan
- Tidak buta warna.

KURSUS/LATIHAN

Pemohon-pemohon yang berjaya akan menjalani latihan asas selama sembilan (9) bulan di Pusat Latihan Polis atau di seberang laut.

TEMPOH PERCUBAAN

Pemohon-pemohon yang berjaya dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama tiga (3) tahun sebelum ditetapkan menjadi Penolong penguasa Polis.

PROSEDUR MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- Borang-borang permohonan boleh didapati dari Pusat Latihan Polis atau Ibu Pejabat Polis, Gadong pada waktu-waktu pejabat.
- Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan kepada Ketua Latihan, Ibu Pejabat Polis, Gadong tidak lewat 15 Ogos 2005.
- Pemohon yang berkhidmat dengan Jabatan Kerajaan hendaklah memohon melalui Ketua Jabatan masing-masing;
- Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat sila hubungi: Ketua Latihan, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong BE1710, Negara Brunei Darussalam. Tel: 2459500 sambungan 179/536.

YAYASAN SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH

YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Yayasan) mempelawa pemohon-pemohon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah-

PENYELIA ASRAMA

TANGGA GAJI: G6 (\$1,515.00 - \$2,370.00)

KELAYAKAN ASAS:

- Mempunyai Sijil Perguruan atau Pendidikan.
- Mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman sebagai penyelia asrama atau dalam bidang pentadbiran pejabat/sekolah.
- Pernah atau sedang menjalankan tugas-tugas yang ada hubungkait dengan pengendalian Rancangan Permakanan Sekolah / Asrama.

CARA MEMOHON

Pemohon-pemohon yang berkecayaan bolehlah menghadapkan surat permohonan dengan menyertakan butir-butir diri yang lengkap (CV), salinan sijil-sijil kelulusan, alamat lengkap dan nombor telefon yang senang dihubungi beserta dengan gambar baru berukuran paspot (tidak dikembalikan) kepada:

Pengarah Urusan
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1511
Negara Brunei Darussalam

Tarikh tutup penerimaan: 1 Ogos 2005

ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANANPENGAMBILAN KERJAYA SEBAGAI PEGAWAI DALAM
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN:

- PEMOHON mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Terdiri dari salah satu dari 7 puak jati Melayu Brunei iaitu:
 - 1) Brunei; 2) Tutong; 3) Kedayan; 4) Belait; 5) Dusun; 6) Murut; 7) Bisaya.
- Berumur di antara 18 hingga 25 tahun (pada tarikh latihan bermula).
- Ketinggian tidak kurang dari 160cm (5 kaki 3 inci);
- Berat Badan tidak kurang dari 57.6 Kg (123.5 paun).
- Body Mass Index (BMI) 18 hingga 25.
- Bujang.
- Lulus ujian bertulis tentera, Pemeriksaan perubatan, serta tapisan keselamatan yang dikendalikan oleh pihak ABDB.

2. KELAYAKAN PELAJARAN:

- Mestilah mendapat kelulusan 5 kepujian GCE peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya (mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik adalah diutamakan).

3. SYARAT KEMASUKAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN ABDB:

- Belia yang ingin menceburkan diri dalam kerjaya Tentera mestilah memenuhi syarat yang dinyatakan di bawah ini:-

KATEGORI 'A'

- Hendaklah dilahirkan di Negara Brunei Darussalam
- Biasanya diterima sebagai seorang dari salah satu puak jati Melayu iaitu Brunei, Tutong, Dusun, Belait, Kedayan, Murut dan Bisaya.
- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

KATEGORI 'B'

- Hendaklah seorang Melayu yang bukan terdiri dari salah satu puak jati Melayu yang disenaraikan di Kategori 'A'.
- Dilahirkan di Negara Brunei Darussalam.
- Menganuti agama Islam.
- Menurut adat resam Brunei.
- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mana-mana kuatkuasa undang-undang bertulis berkenaan taraf kerak-yatan.

4. TEMPAT PENDAFTARAN DAN WAKTU:

Tempat: Pejabat Pengambilan ABDB, Jabatanarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510.

Hari: Pengambilan bermula hari Isnin 4 Julai 2005 dan berakhir hari Khamis, 31 September 2005.

Jam: 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 4.00 petang.

5. TEMPAT PERTANYAAN: Talian: 2386112/648



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

PEMBEKAL atau wakil penjual kenderaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk menghantar tawaran, kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Hal Ehwul Ugama Brunei. Tidak lewat pada hari **SELASA** bersamaan dengan **26 Julai 2005**, jam 2.00 petang.

TAJUK TAWARAN	BILANGAN TAWARAN	YURAN DOKUMEN
1. MEMBEKAL SATU (1) UNIT, PACUAN EMPAT (4) RODA, LIMA (5) PINTU, STATION WAGON UNTUK SEMBILAN (9) TEMPAT DUDUK.	KHEU/LTK/PT/01/2005	\$ 20.00
2. MEMBEKAL SATU (1) UNIT, BAS TIGA PULUH (30) TEMPAT DUDUK.	KHEU/LTK/PT/02/2005	\$ 20.00
3. MEMBEKAL SATU (1) UNIT, TIGA TON PICK UP TRUCK.	KHEU/LTK/PT/03/2005	\$ 20.00
4. MEMBEKAL SATU (1) UNIT, BAS LIMA BELAS (15) TEMPAT DUDUK.	KHEU/LTK/PT/04/2005	\$ 20.00



JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran: JPB/12/2005

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran \$100.00 (Ringgit: Satu Ratus sahaja) secara tunai bagi setiap Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).
3. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG3122, Negara Brunei Darussalam.
4. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG3122, Negara Brunei Darussalam.
5. Setiap borang tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenal, Pendaftaran Perniagaan, Resit Bayaran Dokumen Tawaran, Borang Pengakuan (Declaration) dan Borang Senarai Pemilik Syarikat.
6. Tawaran-tawaran yang dihadapkan mestilah disertakan dengan contoh-contoh kain seperti yang dikehendaki di dalam borang tawaran.
7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk seperti mana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwul Dalam Negeri, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam.
8. Tarikh tutup bagi tawaran-tawaran tersebut ialah pada hari **Selasa, 26 Julai 2005** jam 2.00 petang.
9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
JPB/12/2005	MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI	\$100.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikemba-)	Hari Selasa, 26 Julai 2005 (tidak lewat dari jam 2.00 petang)

WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN

ISNIN - KHAMIS	8.00 PAGI - 11.30 PAGI 1.30 PETANG - 2.30 PETANG
SABTU	8.00 PAGI - 10.00 PAGI

Syarat-Syarat tawaran :-

1. Tawaran hanyalah DIPELAWA kepada pembekal atau wakil penjual kenderaan yang berdaftar dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam sahaja.
2. Tawaran yang diterima LEWAT dari tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dilayan.
3. Tawaran ini TIDAK DIPELAWA kepada mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat-syarikat yang ada HUBUNGKAIT dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam seperti:-
1. Brunei Shell Petroleum.
2. Brunei LNG
3. Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan seumpamanya.
4. Bagi pembekal atau wakil penjual kenderaan yang ingin menyertai tawaran ini, hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran 16 dan 17 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat, Jabatan Peguam Negara, Brunei Darussalam, Salinan Permit serta lain-lain Sijil yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam yang masih sah laku.
5. Pembekal atau wakil penjual kenderaan yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikehendaki menyediakan dokumen atau keterangan yang berhubung kenderaan yang akan ditawarkan.
6. Pembekal atau wakil penjual kenderaan yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikehendaki menjelaskan wang yuran dokumen sebanyak \$ 20.00 tunai setiap dokumen (Brunei Ringgit Dua Puluh) terlebih dahulu, di tingkat bawah, unit pembayaran bahagian kewangan Kementerian Hal Ehwul Ugama Brunei.
7. Dan untuk mendapatkan Dokumen Tawaran, pembekal atau wakil penjual kenderaan bolehlah mengambilnya di tingkat satu bahagian kewangan dengan menunjukkan keterangan pembayaran yang sah kepada pegawai yang bertugas di bangunan yang sama.
8. Setiap wang yuran dokumen yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan sama ada pembekal atau wakil penjual kenderaan tersebut berjaya atau tidak berjaya.
9. Pembekal atau wakil penjual kenderaan yang didapati tidak menjelaskan wang yuran dokumen, maka ia tidak dikira untuk mengikuti tawaran yang dikeluarkan oleh Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Hal Ehwul Ugama Brunei.



BAHAGIAN PROMOSI DAN PERKEMBANGAN KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran : PSP/KPSU/SH/039/2005

TAWARAN UNTUK MEMBEKAL BUKU-BUKU STANDARDS DAN PENGURUSAN KUALITI

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen tawaran boleh diperolehi melalui Pusat Mutu dan Akreditasi Produk Tempatan, Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Km 33 Kg Sinaut, Jalan Tutong, Tutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam.
3. Setiap syarikat yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar Wang Yuran Dokumen Tawaran sejumlah \$10.00 (Ringgit : sepuluh ringgit sahaja) secara tunai (tidak dikembalikan). Waktu menerima wang pembayaran yuran dokumen tawaran ini adalah seperti berikut : Hari Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang. Bertempat di Bahagian Pengurusan Kewangan, Pusat Sumber dan Piawai, Km 33 Kg Sinaut, Jalan Tutong, Tutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup bertulis: "UNTUK MEMBEKAL BUKU-BUKU STANDARDS DAN PENGURUSAN KUALITI" PSP/KPSU/SH/039/2005. Tarikh tutup : 26 Julai 2005, Hari Selasa, jam 2.00 petang dan ditujukan kepada: Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Peti surat Sebut Harga, Tingkat 5, Kementerian Perindustrian dan Sumber Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran : PSP/KPSU/SH/009/2005
PSP/KPSU/SH/010/2005
PSP/KPSU/SH/011/2005

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi tajuk-tajuk berikut :
1. Bilangan Tawaran : PSP/KPSU/SH/009/2005
MEMBINA TEMPAT LETAK KERETA SERTA MEMBAIK-PULIH YANG SEDIA ADA
2. Bilangan Tawaran : PSP/KPSU/SH/010/2005
MEMGUBAHSUAI DAN MEMPERBAIKI BILIK KULIAH, BILIK MEDIA, RUANG LEGAR DAN TANDAS
3. Bilangan Tawaran : PSP/KPSU/SH/011/2005
MEROBOK BEKAS KANDANG TERNAKAN LEMBU LAMA SERTA MEMBINA SEBUAH RUMAH BURUNG PUYUH, PUSAT SUMBER DAN PIWAIAN
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi melalui Pusat Sumber dan Piawai, Km 33 Jalan Tutong, Kampong Sinaut, Tutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam.
3. Cagaran Tawaran sebanyak \$100.00 wang tunai bagi setiap tawaran di atas adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
4. Bayaran sebanyak \$10.00 akan dikenakan bagi setiap dokumen tawaran dan ini tidak akan dikembalikan.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tawaran, Tingkat 5, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat dari hari Khamis, 21 Julai 2005, jam 2.00 petang.
6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
8. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



JUALAN LELONG JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BAGI 186 BUAH ERM 81 BUAH RMU, 82 BUAH DIST. FEEDER PILLAR DAN 1, 101 BUAH METAL JOINT BOX SECARA LELONG TERBUKA

ADALAH dimaklumkan bahawa jualan lelong yang tersebut di atas akan diadakan pada tarikh masa dan tempat seperti di bawah:-

Pada : 20 Ogos 2005.
Tempat : Pusat Pemeliharaan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Batu Bersurat Gadong.
Jam : 9.00 pagi

Jualan Lelong mengandungi syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan diarahkan memindahkan perkakas tersebut dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh jualan lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya juga hendaklah membayar wang cagaran (Deposit) sebanyak 30% daripada harga yang ditawarkan semasa jualan lelong dan menjelaskan selebihnya (Baki Tawaran) satu (1) minggu kemudian.
3. Pembeli-pembeli yang berkeinginan melihat perkakas tersebut adalah dengan ini dijemput ke kawasan Stor 66kv Pasir Putih, Daerah Tutong pada 25 Julai 2005 hingga 19 Ogos 2005 dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.
4. Perkakas yang telah dibeli jika tidak dipindah dari kawasan tersebut dalam tempoh yang telah dinyatakan di atas maka ia tidak akan dibenarkan diambil dan akan dilelong semula dan wang cagaran (Deposit) sebanyak 30% tidak akan dikembalikan.
5. Maklumat lanjut mengenai dengan pemberitahuan jualan lelong tersebut bolehlah berhubung dengan pegawai di Bahagian Penghantaran dan Pembahagian Jabatan Perkhidmatan Elektrik di talian 2382090 sambungan 206.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JPA/ADM/2005/01

TAWARAN BAGI MEMBEKAL PERKHIDMATAN AIRPORT OWNERS AND OPERATORS LIABILITY INSURANCE

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi 'AIRPORT OWNERS AND OPERATORS LIABILITY INSURANCE'
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau Logo pembekal/pemborong ditulis dengan:

TAWARAN BAGI MEMBEKAL PERKHIDMATAN AIRPORT OWNERS AND OPERATORS LIABILITY INSURANCE

Bilangan Tawaran : JPA/ADM/2005/01

- Tarikh Tutup : 2 Ogos 2005
Kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910 Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 2 Ogos 2005**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
 4. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Kewangan, Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam dengan bayaran Yuran sebanyak B\$ 50.00 (tidak dikembalikan).
 5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Telekom Penerbangan, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam. No telefon: 2330142 sambungan 1010 No. faks 233666/2331706.
 6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Bilangan Tawaran: HMSF/MAINT/05/2005

THE TERM AND MAINTENANCE CONTRACT FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT HANGAR 2 AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT AND HANGAR 1 (HELIPORT) AT ISTANA DARUL HANA.

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada penender-penender yang berkemahiran dan berdaftar.
2. Dokumen Tawaran yang berharga \$ 250.00 (tidak dikembalikan) bolehlah diperolehi daripada Pejabat Timbalan Pengarah, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Bandar Seri Begawan BB2713, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari **Isnin, 25 Julai 2005**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
5. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN: JDBM/T/07/2005

"TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 'SPEED BOAT' MEMUATKAN 12 ORANG PENUMPANG, 1 CREW DAN 1 PEMANDU LENGKAP DENGAN ENGINE 200HP DAN TRAILER KE UNIT BENGKEL, JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI".

BAYARAN Dokumen : \$50.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan). Tarikh Tutup dan waktu tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 26 Julai 2005.

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang aa hubungkait dengan kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) bagi setiap dokumen yang dikehendaki ialah sebanyak \$50.00. Waktu-waktu penerimaan wang Bayaran Dokumen dan Pentadbiran pada hari Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 hingga 11.45 pagi dari 1.45 hingga 3.00 petang manakala hari Sabtu dari jam 8.00 hingga 10.00 pagi.
4. Borang tawaran boleh diperolehi di Tingkat Satu, Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Daerah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
5. Setiap Borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan resit Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
6. Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai di Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Tapak Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
7. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan (Seksyen 16 & 17) semasa melakukan pembayaran.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis bilangan dan tajuk tawaran dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bangunan Sekretariat 'B', Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam BS8610.
9. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 26 Julai 2005.
10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan dan ditolak.

**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN STOR NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BILANGAN TAWARAN: TMSN/8/10.2005

"THE SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND MAINTENANCE SERVICES OF VEHICLE FOR INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORES DEPARTMENT, MINISTRY OF FINANCE"

1. PEMBELI hendaklah membuat pembayaran bagi harga Dokumen dan Tawaran yang berjumlah \$200.00 dan seterusnya mendapatkan Dokumen Tawaran dalam bentuk 'Compact Disc' melalui dari Unit Hasil, Bahagian Kewangan, Tingkat I, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE1110, Negara Brunei Darussalam, pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **BILANGAN TAWARAN: TMSN/8/10.2005 "THE SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND MAINTENANCE SERVICES OF VEHICLE FOR INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORES DEPARTMENT, MINISTRY OF FINANCE"** tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada PENERUSI LEMBAGA TAWARAN, NEGARA, TINGKAT 1, KEMENTERIAN KEWANGAN, COMMONWEALTH DRIVE, BANDAR SERI BEGAWAN BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 22 Ogos 2005.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PERATURAN PENGIKLANAN DALAM
EDISI IKLAN PELITA BRUNEI**

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan Pelita Brunei, Bahagian Akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Rang iklan hendaklah dimasukkan dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala peraturannya mengenaanya boleh dihantar dalam "hard copy".
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki.
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi deskripsi iklan yang dibukukan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, iaitu jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walaubagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari Sabtu sebelum jam 10.00 pagi bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
7. Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari Khamis 11.30 pagi iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan datang.
8. Hanya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.
9. Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.

MAKLUMAN

**LEBIH BANYAK IKLAN DI RUANGAN ANEKA
MUKA SURAT 7,8,9 DAN 10**



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

BILANGAN TAWARAN: POS/02/14.11 Pt.1 1/2005

- 1) MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM POSMEN.
- 2) MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM KERANI KAUNTER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS.

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat Tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **\$30.00 (tidak dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang ringgit Brunei.
3. Dokumen dan Borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati dari Unit Perkhidmatan & Tawaran, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.
5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar hendaklah di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan **BILANGAN TAWARAN: POS/02/14.11 Pt.1 1/2005, 1) MEMBEKALKAN PAKAIAN SE-RAGAM POSMEN, 2) MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM KERANI KAUNTER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS**. Dialamatkan kepada **Peti Sebut Harga, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam**.
6. Tawaran-tawaran yang dihadapkan mestilah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga. Pembekal mestilah menyertakan Lesen Rampaian bagi Kedai Jahit. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17, dan Contoh-contoh kain.
7. Syarikat yang membuat tawaran hendaklah mempunyai Kedai Jahit dengan menyatakan alamatnya.
8. Syarikat yang berjaya dikehendaki melakukan Urusan Penyukatan di semua daerah di Negara ini.
9. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Khamis, 25 Ogos 2005** jam 2.00 petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang telah ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

MAKLUMAN KEPADA PELAUT

PELAUT-PELAUT khasnya pengguna-pengguna Sungai Belait adalah dimaklumkan bahawa satu acara Festival Air sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke 59, akan diadakan pada **7 Ogos 2005** bermula jam 8.00 pagi. Sehubungan dengan itu, kawasan berhadapan Dermaga Pelabuhan-pelabuhan Kuala Belait hingga ke Ulu Sampan Kain, Kuala Belait akan ditutup pada hari tersebut mulai 5.00 pagi hingga 6.00 petang.

Kapal-kapal diminta untuk tidak memasuki kawasan berkenaan pada tarikh dan masa yang dinyatakan.

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan:
<http://www.brunet.bn/news/pelita/20julai/ikerja.htm>

Iklan-iklan tawaran:
<http://www.brunet.bn/news/pelita/20julai/iiklan.htm>



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

BILANGAN TAWARAN: JPI/13/2005

"TAWARAN BAGI THE INVESTIGATIVE WATER QUALITY STUDY AT AQUACULTURE SITES IN BRUNEI DARUSSALAM"

**BILANGAN TAWARAN: JPI/14/2005
"TAWARAN BAGI MARINE INSURANCE"**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil KPSU, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Hari Selasa, 16 Ogos 2005.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran Tawaran sebanyak BS25.00 bagi Bilangan Tawaran JPI/14/2005 sementara yuran sebanyak \$50.00 bagi bilangan Tawaran JPI/13/2005 adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



JABATAN KASTAM DAN EKSAS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

Bilangan Tawaran : KASTAM/3/2005

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 8 Ogos 2005 bagi membekalkan pakaian seragam pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam seperti mana keterangan-keterangan berikut:-

- A. PEGAWAI KANAN LELAKI**
Bush Jaket pendek tangan dan seluar panjang (Jenis kain TORAY SEMI RAMIS)
Warna Navy Blue - 66 pasang
- B. PEGAWAI BIASA LELAKI**
Baju pendek tangan dan seluar panjang (Jenis kain TORAY SEMI RAMIS)
Warna Navy Blue - 412 pasang
- C. KAKITANGAN LELAKI (STAFF BANTU)**
Baju pendek tangan dan seluar panjang (Jenis kain HI-SOFY)
Warna Dark Blue - 56 pasang
- D. PEGAWAI KANAN PEREMPUAN**
Bush Jaket panjang tangan dan seluar panjang (Jenis kain TORAY SEMI RAMIS)
Warna Navy Blue - 2 pasang
- E. PEGAWAI BIASA PEREMPUAN**
Bush Jaket panjang tangan dan seluar panjang (Jenis kain TORAY SEMI RAMIS)
Warna Navy Blue - 118 pasang
- F. PEGAWAI KANAN LELAKI (AIRPORT PASSENGER)**
Baju Blazer (Overcoat) - 4 pasang
Baju M.I.B. (Jenis Kain Cotton) - 8 pasang
Seluar panjang (Jenis kain TORAY SEMI RAMIS)
Warna Navy Blue - 8 pasang
- G. PEGAWAI BIASA LELAKI (AIRPORT PASSENGER)**
Baju Blazer (Overcoat) - 22 pasang
Baju M.I.B. (Jenis kain Cotton) - 44 pasang
Seluar panjang (Jenis kain TORAY SEMI RAMIS)
Warna Navy Blue - 44 pasang
- H. PEGAWAI KANAN PEREMPUAN (AIRPORT PASSENGER)**
Baju Blazer (Overcoat) - 1 pasang
Baju Blouse (Jenis kain Cotton) - 2 pasang
Seluar panjang (Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
- I. PEGAWAI BIASA PEREMPUAN (AIRPORT PASSENGER)**
Baju Blazer (Overcoat) - 4 pasang
Baju Blouse (Jenis kain Cotton) - 8 pasang
Seluar panjang (Jenis kain TORAY SEMI RAMIS)
Warna Navy Blue - 8 pasang
- J. KAKITANGAN PEREMPUAN (STAFF BANTU)**
Bush Jaket panjang tangan dan seluar panjang - 20 pasang
(Jenis kain HI-SOFY) Warna Dark Blue.
- K. PEMBERSIH PEREMPUAN**
Baju Kemeja panjang tangan warna putih - 8 pasang
Kain warna-warna Dark Blue (Jenis kain HI-SOFY)
2. Tawaran-tawaran ini adalah termasuk membekalkan kain dan upah menjahit sekali.
3. Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Names Act Section 16 dan 17 atau List of Members) - to accompany annual return (List of person holding shares) hendaklah disertakan.
4. Hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran yang dihadapkan.
5. Hendaklah menyatakan Senarai Nama Pemilik Syarikat.

6. Contoh-contoh kain untuk seluar dan baju hendaklah disertakan.
7. Penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Penolong Penguasa Kastam, Bahagian Logistik, Tingkat 2, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam.
8. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
9. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat hendaklah ditulis dengan terang:-



TAWARAN PEMBEKALAN KERTAS KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN (12 BULAN) (BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/5/2005, GP/TPK/6/2005, DAN GP/TPK/7/2005)

TAWARAN adalah dipelawa bagi pembekalan kertas ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam bagi tempoh satu tahun (12 bulan). Tawaran hendaklah dihadapkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth 2, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Selasa, 16 Ogos 2005. Butir-butir penentuan kertas adalah seperti berikut ini :

BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/5/2005

ITEM	KETERANGAN (ORIGIN/BERAT BAHAN/UKURAN)	HARGA
1	EUROPEAN/ASIAN Woodfree Paper Berat bahan : 80 gsm Ukuran : i. 640 x 900 mm ii. 320 x 450 mm	@ 1 Ream (500 keping)

BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/6/2005

ITEM	KETERANGAN (ORIGIN/BERAT BAHAN/UKURAN)	HARGA
1	EUROPEAN/ASIAN Woodfree Paper Berat bahan : 100 gsm Ukuran : 640 x 900 mm	@ 1 Ream (500 keping)

BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/7/2005

ITEM	KETERANGAN (ORIGIN/BERAT BAHAN/UKURAN)	HARGA
1	EUROPEAN/ASIAN Coloured Woodfree Paper Berat bahan : 80 gsm Ukuran : 640 x 900 mm Warna : Blue/Green/Yellow/Pink	@ 1 Ream (500 keping)

- i. Harga tawaran hendaklah menurut kiraan penghantaran sehingga ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- ii. Tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
- iii. Semua tawaran hendaklah disertakan dengan contoh kertas menurut butir-butir penentuan serta keterangan yang diperlukan seperti mana yang ditetapkan dalam borang tawaran yang disediakan. Kegagalan mengisi/memberi keterangan yang diperlukan akan menyebabkan penolakan tawaran daripada pertimbangan.
- iv. Jika ada tawaran lain yang dibuat selain daripada yang ditetapkan, segala butir penentuan (specification) mengenai kertas tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas termasuk contoh-contoh serta keterangan-keterangan yang diperlukan.
- v. Dokumen dan Borang Tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 dengan

BILANGAN TAWARAN: KASTAM/3/2005 TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM, PEGAWAI DAN KAKITANGAN, JABATAN KASTAM DAN EKSAS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tanpa membubuh sebarang nama pengirim.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

membayar Yuran Tawaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada hari bekerja :-
Hari Isnin - Khamis 8.00 pagi - 11.00 pagi
1.30 petang - 3.00 petang
Hari Sabtu 8.00 pagi - 10.00 pagi sahaja

- vi. Harga-harga tawaran hendaklah dihantar terus kepada Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth 2, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Sementara contoh-contoh kertas bolehlah dihantar kepada Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Semua contoh hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Selasa, 16 Ogos 2005.

- vii. Semua kertas hendaklah dibungkus dari kilang pembuat (Ex-Mill Ream/Packets Wrapping) dan dihantar terus ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

- viii. Harga-harga tawaran (Price Validity) hendaklah sah bagi tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh pemberitahuan tanpa mempunyai syarat-syarat lain terutama tempoh harga (Price Validity). Sebarang cukai jika ada, atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran adalah atas perbelanjaan pembekal sendiri seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Keliling Perbendaharaan Bil. 12/1987. Tempoh keputusan tawaran tidak dapat ditentukan.

- ix. Semua pembekalan hendaklah disertakan dengan Sijil Pengeluar Asal (Certificate of Origin).

- x. Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda si Pengirim dan hendaklah dialamatkan kepada :

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL, JABATAN PERDANA MENTERI TINGKAT 1, BANGUNAN SEKRETARIAT, JALAN ELIZABETH 2, BANDAR SERI BEGAWAN BS8610, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dengan menanda di sampul itu:-

PEMBEKALAN KERTAS 2005 JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (BILANGAN TAWARAN : GP/TPK/5/2005, GP/TPK/6/2005 DAN GP/TPK/7/2005)

- xi. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki dan bersetuju membuat pembekalan dengan harga yang ditawarkan dengan jumlah kertas yang akan ditentukan dari masa ke masa dan membekalkannya dalam tempoh 60-75 hari dari tarikh pemberitahuan.
- xii. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak menolak atau membatalkan tawaran yang diberikan atau mengenakan denda bagi setiap jenis kertas yang dihantar lambat dari tarikh yang ditetapkan. Sebarang kegagalan mengenai perjanjian dan peraturan yang telah ditetapkan akan dilaporkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan selazimnya.

- xiii. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan berhak mengurangkan jumlah yang diperlukan.



DI DALAM MAHKAMAH WARIS TUTONG

NO. KB/LA 4/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajah Siti Jaliha binti Haji Munchong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Basri bin Haji Lahid yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 30 Julai 2005 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 2 Julai 2005.

NO. KB/LA 5/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Lamun bin Kadai kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Nabakat bin Guau yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 30 Julai 2005 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 2 Julai 2005.

NO. KB/LA 19/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Suraini binti Laman kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Jamal bin Amul/Amul yang telah meninggal

dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 30 Julai 2005 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 2 Julai 2005.

NO. KB/LA 18/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Roslan bin Haji Abidin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Latifah binti Yusof yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 30 Julai 2005 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 2 Julai 2005.

NO. KB/LA 20/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mohammad Haszman bin Abdullah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haslina binti Haji Umar yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 30 Julai 2005 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 2 Julai 2005.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhasrat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Tutong sebelum tarikh yang tersebut di atas.



JABATAN ALAM SEKITAR TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JASTRE/BPP/T17/2005:

DIBUKAKAN kepada Pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam Kelas I dan II di bawah kategori 1, 5b dan 5c sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada 6 Ogos 2005 (Sabtu). Tarikh tutup pada 9 Ogos 2005 (Selasa) hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Kaunter Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam).

Bilangan Tawaran : JASTRE/BPP/T17/2005 : MAINTENANCE OF ONE (1) COMPUTER (AS CENTRAL UNIT) AND FOUR (4) UNITS TEAM AIR MONITORING EQUIPMENT MODEL: 1400 AT THE DEPARTMENT OF ENVIRONMENT, PARKS AND RECREATION, MINISTRY OF DEVELOPMENT.

No. projek : JASTRE/BPP/T17.

Jumlah Yuran Tawaran : B\$ 25.00.



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong seperti berikut di JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, Negara Brunei Darussalam.

- PENOLONG PENYELIDIK**
BILANGAN KOD (068 19 294)
BAHAGIAN : IV
TANGGA GAJI : D1-2-3 EB 4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam; adat istiadat Negara; adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit dalam 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam Bahagian V dalam tanggagaji E.1 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
- Berminat dalam kerja-kerja dan berkecenderungan untuk membuat laporan dan kerja-kerja penyelidikan secara sendiri dan berminat menulis rencana dalam bidang etnografi, kebudayaan, sastera, sejarah, kaji purba atau ilmu kejadikan.
- Boleh bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Inggeris; berkebolehan membaca tulisan jawi adalah satu kelebihan.
- Bagi pemohon yang sedang berkhidmat hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah mendapat keutamaan.

SYARAT-SYARAT LAIN:

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke masa.

KURSUS / LATIHAN

Setiap kursus / latihan yang ditetapkan dari masa ke masa.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian di tempat dia ditugaskan.
- Melaksanakan tugas penyelidikan dan kerja-kerja lapangan.
- Menyediakan laporan hasil penyelidikan dan menulis rencana.
- Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan di luar daerah apabila diperlukan.
- Bersedia menerima apa jua tugas dan arahan Ketua Bahagian apabila dikehendaki.

TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

Bagi pemohon yang baru berkhidmat/dinaikkan pangkat ke jawatan ini adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.

- PENOLONG GURU TUKANG TENUN**
BILANGAN KOD (068 13 253)
BAHAGIAN: IV
TANGGA GAJI: D3-4 EB 5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam; adat istiadat Negara; adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC Sijil Kebangsaan [NC] dalam bidang yang bersesuaian. ATAU
ii) Mempunyai Sijil Pertukangan dari Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dengan kepujian serta pengalaman dalam bidang yang berkaitan atau dalam tangga gaji D1 dalam bidang yang bersesuaian sekurang-kurangnya 3 tahun. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
- Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Berkebolehan membaca tulisan jawi adalah merupakan satu kelebihan.
- Bagi pemohonan yang sedang berkhidmat hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah mendapat keutamaan.

SYARAT-SYARAT LAIN:

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke masa.

KURSUS / LATIHAN

Setiap kursus / latihan yang ditetapkan dari masa ke masa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Bertanggungjawab kepada Penyelia / Pengajar.
- Bertanggungjawab membantu Guru Tukang Tenun dalam mengajar juruan tenunan di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.
- Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan di luar daerah apabila diperlukan.
- Bersedia menerima apa jua tugas dan arahan Ketua Pusat dan Ketua Jabatan apabila dikehendaki.

TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

Bagi pemohon yang baru berkhidmat/dinaikkan pangkat adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama tiga tahun.

- PEMUNGUT**
BILANGAN KOD (068 19 164)
BAHAGIAN : V
TANGGA GAJI : E2-3 EB4 (\$590.00 - \$875.00 SEBULAN)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam; adat istiadat Negara; adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB]. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kerja-kerja yang berkaitan dalam tanggagaji F1 sekurang-kurangnya 5 tahun. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Bagi pemohon yang sedang berkhidmat hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah mendapat keutamaan.

SYARAT-SYARAT LAIN:

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke masa.

KURSUS / LATIHAN:

Setiap kursus / latihan yang ditetapkan dari masa ke masa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada pegawai di tempat dia ditugaskan.

- Melaksanakan tugas-tugas yang disenaraikan oleh Ketua Bahagian di tempat dia ditugaskan.
- Mengumpul bahan yang diarahkan oleh pegawai atasannya.
- Mencatat segala maklumat bahan yang dipungut.
- Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan di luar daerah apabila diperlukan.
- Bersedia menerima apa jua tugas dan arahan pegawai atasannya apabila dikehendaki.

TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN:

Bagi pemohon yang baru berkhidmat / dinaikkan pangkat ke jawatan ini adalah dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 1 tahun.

PERINGATAN:

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari, hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut satu Laporan Sulit dan satu Salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap dan diakui sah. Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam permohonan mereka.

Borang permohonan hendaklah diisikan dalam satu salinan Borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat dan sijil-sijil ke Jabatan Muzium-Muzium, Tingkat 7, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency BS8110, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup permohonan : 15 OGOS 2005



JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NOTIS LELONG

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu bahawa Jualan Lelong yang tersebut di bawah akan di adakan pada 27 Ogos 2005.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat berikut :-

- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat 7 hari dari tarikh perolehan tersebut.
- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
- Barang yang telah dibeli, tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh (7 hari) dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan dilelong semula.

NOTIS

KETERANGAN BENDA	TEMPAT LELONG	TARIKH DAN MASA
HARTA BENDA KERAJAAN	DI POS KAWALAN IMIGRESEN PELABUHAN MUARA DI KAWASAN LETAK KERETA	27 Ogos 2005 (Sabtu) jam 9.30 Pagi



JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN: 3/IMMB/7/2005

TAWARAN PERKHIDMATAN PHOTOCOPY MACHINE JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- PEMOHON-PEMOHON adalah dipelawa untuk menghantar tawaran-tawaran mereka bagi menjalankan perkhidmatan "Photocopy Machine" dan perkhidmatan lain yang dibenarkan di Bangunan Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat dari hari Selasa 16 Ogos 2005 jam 2.30 petang.
- Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
- Semua tawaran hendaklah dikirimkan dengan sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Tawaran Perkhidmatan Photocopy Machine dan lain-lain perkhidmatan yang dibenarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam tanpa menunjukkan identiti pemohon.
- Wang taruhan / deposit hendaklah dibayar ke Bahagian Kewangan di Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit).
- Pemohon yang berjaya akan menjalankan perkhidmatan "Photocopy Machine" berkenaan dan lain-lain perkhidmatan yang dibenarkan dalam tempoh 2 tahun mulai dari tarikh perjanjian/syarat-syarat perkhidmatan "Photocopy Machine" dipersetujui.
- Penerangan lanjut atau syarat-syarat tawaran mengenai perkara ini boleh diperolehi daripada Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, di Bahagian Pentadbiran Kewangan Tingkat III, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

SKIM PERKHIDMATAN

- JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI KAKITANGAN**
GAJI : \$90.00 SEHARI
- JABATAN/KEMENTERIAN : JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, JABATAN PERDANA MENTERI**
- SYARAT KELAYAKAN**
 - MESTILAH terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam, adat istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
 - Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) bidang Pengurusan atau Pentadbiran Awam atau Pentadbiran Perdagangan atau Sumber Manusia/Personel atau Pembangunan Organisasi atau kelulusan lain yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.
 - Mempunyai pengetahuan dan pengalaman bekerja dalam bidang pentadbiran, pengurusan kakitangan, komputer atau penyelidikan merupakan satu kelebihan.
 - Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- SYARAT-SYARAT LAIN :**
 - Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
 - Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh Peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
- TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**
 - Bertanggungjawab/melapor kepada Ketua Bahagian/Ketua

Unit

- Membantu Ketua Bahagian/Ketua Unit dalam melaksanakan dasar-dasar dan peraturan berkaitan dengan hal ehwal kakitangan dalam perkhidmatan awam.
 - Mengkaji, mengumpul dan menyediakan bahan-bahan maklumat yang berkaitan dengan peranan bahagian masing-masing.
 - Menyelia dan memberi bimbingan kepada kakitangan bawahan di dalam memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dijalankan dengan cekap dan berkesan.
 - Menjalankan apa jua tugas/arahan yang diberikan oleh Ketua Bahagian/Ketua Unit/Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/Pegawai-Pegawai Kanan yang berkenaan dari masa ke semasa.
- TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN :**
 - Pemohon-pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan untuk disokong dan ditetapkan ke jawatan bergaji bulanan jika mempunyai kesesuaian dan prestasi yang baik.
 - Penolong Pegawai Kakitangan yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
 - Penolong Pegawai Kakitangan yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.
 - Adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perkara ini yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
 - KURSUS / LATIHAN :**

Penolong Pegawai Kakitangan adalah dikehendaki mengikuti :

 - Kursus-kursus berikut:
 - Peraturan-peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan
 - Peraturan-peraturan Kewangan
 - Setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari masa ke semasa.
 - Pemohon yang tidak memenuhi syarat kelayakan iklan tidak akan dipertimbangkan.
 - Pemohon mestilah menghadapkan dua salinan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat akan dan sijil-sijil kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tingkat 4, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam, BB3510.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 OGOS 2005.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat-syarikat Swasta yang ada hubungkait dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Yuran Tawaran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen adalah seperti berikut:
- * Matlamat sekolah jelas dan kakitangan mempunyai tanggungjawab bersama.

- * Pelajar mempunyai hasrat untuk meningkatkan pencapaian akademik melalui kemudahan pengajaran yang ada.

- * Mementingkan penggunaan masa pengajaran dan pembelajaran yang semaksima mungkin.

- * Guru-guru menyimpan harapan yang tinggi supaya semua pelajar mempunyai kemahiran asas yang mencukupi.

- * Guru juga mestilah mempunyai gaya kepimpinan dalam pengajaran.

ASPEK-ASPEK DALAM PENGURUSAN SEKOLAH YANG BERKESAN

Dari segi pentadbiran

Sudah menjadi kelaziman bagi kita bahawa

kuasa pentadbiran sekolah adalah terletak di bahu pengetua yang menjalankan tugas yang penting untuk kemajuan sekolah. Secara dasarnya tugas pengetua dalam pentadbiran sekolah adalah penting kerana dialah yang menerajui dan memimpin sekolah berkenaan. Mereka seharusnya mengamalkan ciri-ciri kepimpinan demokratik dan bersifat terbuka. Terdapatnya pengagihan kerja yang diberikan oleh pengetua kepada semua kakitangannya.

Selain itu pengetua hendaklah pandai mengimbangi segala keputusan yang dilakukan. Sekolah dapat membelanjakan peruntukan terhadap program pendidikan dengan berkesan. Terdapat perancangan dan penyelarasan di antara pelaksanaan kurikulum sekolah selaras dengan dasar, sistem dan falsafah pendidikan negara, menyelia pelaksanaan kokurikulum, memberi gaya kepimpinan yang profesional kepada

orang bawahannya dan juga mempunyai tanggungjawab dalam mempererat kerjasama antara pihak sekolah dan masyarakat.

Keadaan fizikal sekolah

Kedudukan sekolah juga diambil kira. Adanya kemudahan asas yang lengkap seperti bekalan air yang mencukupi, tiada gangguan elektrik dan terdapatnya kemudahan yang boleh memenuhi selera semua pelajar dan kakitangan seperti padang bola, keselesaan dari segi ruang bilik darjah, tidak terlalu bising, tiada banjir berlaku di kawasan sekolah dan sebagainya.

Kawasan sekolah sentiasa bersih dan semua kakitangan dan pelajarnya mengutamakan kebersihan. Selain itu terdapat pula perhiasan-perhiasan seperti pokok-pokok bunga untuk mencantikkan lagi kawasan sekolah. Kesemua ini amat perlu bagi merangsang para pelajar agar berminat untuk pergi ke

sekolah. Secara ringkasnya keadaan fizikal persekitaran sekolah turut mempengaruhi proses pembelajaran para pelajar sekolah tersebut.

Dari segi sosial

Saling hormat-menghormati di antara kakitangan dengan pelajar dan sikap individu memahami hak masing-masing. Seharusnya juga terdapat unsur-unsur keadilan kepada semua pihak. Sebuah sekolah hendaklah memiliki satu set peraturan yang jelas dan tepat. Peraturan-peraturan itu hendaklah realistik dan mudah dipatuhi serta tidak menegakan.

Menurut Ee Ah Meng (1990), disiplin merupakan peraturan yang dipersetujui oleh sesuatu kelompok masyarakat bagi mewujudkan tingkah laku yang baik demi kesempurnaan kehidupan masyarakat itu sendiri. Tegasnya di sini adalah perlu untuk sesebuah sekolah itu dalam menyediakan kemudahan aktiviti persatuan dan permainan untuk semua murid dan kakitangan sekolah yang dapat memupuk perkembangan sosialisasi yang sihat.

Dalam menjalankan disiplin sesebuah sekolah adalah penting untuk mewujudkan suasana yang sihat dan harmoni agar dapat menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran agar berlaku dengan lebih berkesan lagi.

Budaya ilmu

Perkara yang perlu ditekankan ialah adanya kemudahan perpustakaan sekolah yang seterusnya menggalakkan semua pelajar dan kakitangan memanfaatkannya. Pengetua perlu menetapkan rancangan para guru, kurikulum yang seimbang dan menjalankan kegiatan-kegiatan kokurikulum yang setara. Adanya unsur-unsur kajian dan penyelidikan di kalangan kakitangan untuk meningkatkan budaya ilmu seperti menggalakkan pelajar menyertai peraduan mengarang, aktiviti syarahan, perbincangan dan sebagainya.

SELAIN itu pengetua hendaklah pandai mengimbangi segala keputusan yang dilakukan. Sekolah dapat membelanjakan peruntukan terhadap program pendidikan dengan berkesan. Terdapat perancangan dan penyelarasan di antara pelaksanaan kurikulum sekolah selaras dengan dasar, sistem dan falsafah pendidikan negara, menyelia pelaksanaan kokurikulum, memberi gaya kepimpinan yang profesional kepada orang bawahannya dan juga mempunyai tanggungjawab dalam mempererat kerjasama antara pihak sekolah dan masyarakat.

CERPEN

OLEH MUHSIN

C URAHAN air mata terus mengalir di pipi Faridah. Sebagai seorang wanita itulah senjatanya. Senjata terakhir untuk melepaskan rasa hati yang sekian lama terpendam dan menikam perasaan.

Sebenarnya Faridah tidak pernah menangis selama ini. Ketika anaknya yang bongso meninggal ketika baru berusia sebulan, dia tidak menangis. Dia tahu itu adalah takdir. Sesungguhnya Tuhan lebih menyayangi anaknya itu lebih dari dirinya sendiri.

Namun demikian, ketabahnya teruji jua. Anaknya yang sulung, setelah 25 tahun dibesarkan telah menghancurkan hatinya. Anak yang amat disayangnya itu telah menikami perasaannya kini. Anak itu terasa seperti menikam-nikam luluh hatinya. Entah mengapa anaknya yang pertama di antara enam orang anak-anaknya itu memberatkan penanggungan hidupnya sekarang.

"Sudahlah mama, janganlah menangis lagi. Amal susah hati dan sedih melihat mama selalu menangis," kata-kata itu cuba memujuk kecewaan Faridah.

Faridah tahu anaknya yang kedua itu amat bersimpati terhadapnya. Dia ingin menenangkan perasaannya. Tetapi amat sukar bagi Faridah kerana bila-bila saja dia terkenangkan anak sulungnya, air matanya terus saja mengalir di pipinya. Air mata itu tidak terasa pula mengalir keluar seperti mata air yang mengalir dari sebuah tasik.

"Saya percaya kakak akan pulang, mama. Mungkin saja suaminya itu sibuk menguruskan perniagaannya. Mama bersabarlah. Kalau mama ikutkan hati, penyakit mama tentu akan bertambah berat. Kami semua bimbang dan sayangkan mama..." kata-kata itu lembut seperti mengurut-urut hati Faridah.

"Amal..." mata Faridah yang pudar dan bergetaran air mata menjeram wajah anaknya.

NAMUN demikian, ketabahnya teruji jua. Anaknya yang sulung, setelah 25 tahun dibesarkan telah menghancurkan hatinya. Anak yang amat disayangnya itu telah menikami perasaannya kini. Anak itu terasa seperti menikam-nikam luluh hatinya. Entah mengapa anaknya yang pertama di antara enam orang anak-anaknya itu memberatkan penanggungan hidupnya sekarang.

kesalahan yang mama lakukan..."

Tetapi orang tua yang sedang sakit dan terbaring itu tersenyum. Dia tahu anaknya tahu apa yang dikatakannya itu.

Faridah cuba mengingati kembali kisah silam. Ketika itu anak-anaknya sama-sama di bangku sekolah, sehinggalah mereka sama-sama melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi.

Sejak kecil lagi perwatakan antara kedua-duanya amat berlainan. Seorang segar bugar, periang, manja dan menarik. Seorang lagi lemah, pendiam, sensitif dan agak buruk. Antara kedua perwatakan inilah secara tidak sedar Faridah membahagikan kasih yang tidak seimbang.

Sejak kecil lagi Amal dibebani dengan kerja-kerja rumah tangga sebanyak-banyaknya. Sedangkan kakaknya, Azwani diberi kesempatan sebanyak-banyaknya memenuhi kehendak dan kemahuaannya.

Faridah masih lagi ingat bagaimana susah payah Amal menguruskan kerja-kerja rumah tangga di samping belajar. Setiap pagi dialah yang memasak menyediakan hidangan di dapur. Kakak dan adik-adiknya yang lain senang-senang saja bangun pagi, menghadap hidangan dan terus pergi sekolah.

Demikian juga ketika pulang dari sekolah, selepas makan tengah hari, Amallah yang akan mencuci pinggan mangkuk dan membersihkan dapur. Lebih dari itu mengemas rumah dan membersihkan halaman rumah dialah juga yang melakukannya.

Di samping rutin hariannya itu, Amal tidak pula mengabaikan pelajarannya. Dia seorang anak yang tekun belajar tanpa membuang masa berpelesenan, bersukan atau menonton wayang gambar seperti mana yang dilakukan oleh kakaknya, Azwani.

Ternyata sekali apa yang dilakukan Amalina seolah-olah orang gaji di rumah itu.

"Tidak baik kakak membiarkan si Amalina saja yang bekerja, sedangkan si Azwani bersenang-lenang di rumah. Lainlah adik-adiknya tu kerana mereka lelaki," tegur Habsah pada kakaknya, Faridah pada suatu hari.

"Apa yang boleh aku buat lagi, Habsah? Mereka tu dah begitu. Bukan aku yang memaksa," Faridah membela diri.

"Aku kasihan melihat Amalina tu... Kakak cubalah nasihati si Azwani tu. Biar dia tahu uruskan rumah tangga sama-sama adiknya tu.



KEINSAFAN

Dia tu kan perempuan. Esok lusa kalau dah kahwin, entah-entah masak nasi pun tak pandai..." tegas Habsah.

"Zaman sekarang ni bukan macam zaman kita dulu, Sah... Bila mereka dah bekerja tentulah mereka pakai orang gaji. Bukan mereka nak masak..." tegas Faridah.

"Eh... Eh! Kakak orang perempuan walau macam mana senang sekalipun, dia patut tahu memasak dan menguruskan hal rumah tangga. Takkan pula sepanjang masa nak harapkan orang gaji. Sekali-sekala tentu suaminya nak juga merasa masakan isterinya."

"Suami sekarang tak cerewet macam suami zaman dulu. Zaman dah berubah, Sah... Mereka lebih suka makan di kedai, di restoran-restoran makan segera..." tegas Faridah lagi penuh keyakinan.

"Entahlah kakak oi... Tapi biar macam mana moden pun hidup orang-orang kita, sekali-sekala mereka suka makan hidangan isteri sendiri," Habsah cuba menegakkan pendapatnya. Dalam hatinya tersimpan perasaan geram dengan kenyataan dan kepercayaan kakaknya.

Sebagai wanita yang sama-sama memahami kehendak suami, teguran yang dibuat oleh adiknya

MULUT Faridah terkunci untuk berhujah dengan anaknya itu. Dia kalah dan dia mula sedar kekalahannya itu adalah berpunca daripada didikannya sendiri. Memang Faridah senang melihat anak gadisnya, Azwani seorang yang pintar dan menarik perhatian rakan-rakan sekolahnya. Sedangkan anaknya Amalina asyik memerap di rumah memencilkan diri, kurang perhatian.

secara jujur dan ikhlas itu, terasa jua ada kebenaran bagi Faridah, walaupun dia tidak mengiakkannya secara lisan. Oleh kerana itu, Faridah cuba membendung Azwani agar sama-sama mencintai hal-ehwal rumah tangga. Namun, buluh yang tidak dilentur pada masa rebungnya, tentulah amat sukar untuk dibentuk!

Memikirkan kebenaran kata-kata Habsah, Faridah pernah cuba menasihati anak sulungnya itu. Tetapi Azwani mendengus saja apabila mendengar nasihat ibunya itu, "Ah! Bukan kan kita dah ada amah. Biarlah dia seorang saja yang memasak dan menjaga rumah tangga kita ni, mama," ujar Azwani dengan kasar.

"Kau tak patut anggap adik kau tu amah di rumah kita ni, Wani. Dia tu macam mana buruk pun adik kau juga!" tegur

Faridah kecewa sambil menggeleng-gelengkan kepala.

"Wani banyak urusan di luar mama. Nak bersukan, belajar, masuk pasukan beruniform di sekolah dan macam-macam... Mana Wani ada masa untuk bekerja di rumah. Apa mama suka Wani tercetek di dapur tu jadi amah?" herdik Azwani.

Mulut Faridah terkunci untuk berhujah dengan anaknya itu. Dia kalah dan dia mula sedar kekalahannya itu adalah berpunca daripada didikannya sendiri. Memang Faridah senang melihat anak gadisnya, Azwani seorang yang pintar dan menarik perhatian rakan-rakan sekolahnya. Sedangkan anaknya Amalina asyik memerap di rumah memencilkan diri, kurang perhatian.

Masa terus berlalu. Akhirnya kedua-dua anak

perempuan Faridah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Betapa bangganya seorang ibu melihat kejayaan anak-anaknya. Faridah berpuas hati ketika itu kerana dia dapat membuktikan kepada adiknya Habsah bahawa asuhan terhadap anak-anaknya membuahkan kejayaan.

Tetapi jauh di benaknya, Faridah masih ingat bagaimana ketidakadilannya melayani kedua-dua anak perempuannya itu. Dia masih ingat layanan yang lebih diberikan kepada Azwani meskipun Amalina lebih dahulu memohon sesuatu daripadanya.

"Wang kita hanya ada sebanyak ini saja, Faridah. Berikanlah kepada Amal dulu. Bukankan Amal nak beli buku-buku pelajaran, sedangkan Wani tu nak beli

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

15 JULAI

15 Julai
tarikh yang ditunggu-tunggu
amat bermakna bagi setiap rakyat jelata
di bumi bertuah
Negara Brunei Darussalam.

15 Julai
Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

Baginda Sultan Brunei ke-29
dikasihi lagi dihormati
disegani sekalian rakyat jelata
kini genaplah usia baginda 59 tahun.

Baginda seorang raja
prihatin lagi bijaksana
digaliti lagi disegani
setiap lapisan masyarakat.

Semua rakyat jelata
bersyukur dan berdoa ke hadirat Allah
semoga usia baginda
dilanjutkan dan kekal karal
memerintah Negara Brunei Darussalam
yang tercinta ini.

SENYUMANMU

Senyumanmu
membuatkan aku terpegun
senyumanmu manis
senyumanmu penyerti hidup.

Bila engkau tersenyum
cahaya terpancar indah di wajahmu
bagaikan cahaya di pagi hari
menyinari alam maya.

Senyumanmu
penuh pengertian
sejuta makna
membuatkan aku bahagia.

Senyumlah sayang
agar cahaya kebahagiaan terpancar
buat selamanya.

Julia S.

JENDELA MAYA
(30 tahun RTB - 9 Julai 2005)

Kita bicara melalui bingkai kaca
sebuah jendela melakar layar marcapada
kau sampaikan berita cerita duka gembira
kita terpaku sementara
warna dan gerak di depan mata
merungkai bingkai cahaya.

Kau rentangkan luka tawa buana
yang benar di depan lensa
kau hiburkan duka lara jiwa
gerak dan bunyi bermacam rupa
kau sedarkan jiwa yang alpa
seru kalimah ke jalan takwa.

Sebuah jendela
di sudut kamar
di dalam sedar
dan kembali berbicara
tentang dunia mungkar.

Tika meniti masa menjengah usia
tidak seperti kita kabur pancaindera
kacamu tetap terpanah cahaya
malam dan siang berganti
dan kita menanti
kebenaran hakiki.

Usah kau rayu tentang kemalapan dusta
kerana bingkaimu masih serupa
tetaplah kau bermain utap senjata
gelanggang ini bukan medan upaya
dengan warna keliru menala
di matamu adalah kita.

Mari kita tempur
seteru di balik bayang
bersinarlah kau tanpa gentar
memberiga kebenaran songsang
jika masa kita menentu ukur
tiada langkah ke belakang.

Memo di bucu sukma
melekat
bingkai maya
memori tiga dasawarsa
berkilat
dalam cahaya.

Z. A. Brunei

PENANTIAN SENJA

Tiada lagi cahaya di ufuk dunia
hanya hitam pekat berarak di matamu
yang ada berbaki di langsir senja
janganlah ditangisi kenangan lama
lumrah dunia, apabila kabut ditelan zaman
di awal usia dangsanakmu baipun
kau kipak cucumu belusir anak
lututmu tersipak batu yang lumat
semua itu pelaburan memantapkan hidup
untuk menibar dewasa yang kekok.

Tak payah lagi kau ubat sakit tua
bawa berdoa di pintu dan beramal di senja
sepi yang lara
semua kerabatmu sudah berteman dan
berpasangan
trend kini mengimbau melagau kesibukan
di kota
kampungan halaman tidak bererti lagi
kalau hanya bumi sekangkang kera.

Sudahlah, jangan lagi duduk di tepi tangga
anak-anak cucumu tidak lagi berjumpa
mengaga
mereka taksab dalam mimpi kaya
masa kini sering terjadi yang haram dihalalkan
yang halal ditimbang neraca.

Nenek, usahlah kau menanti lagi
berhentilah berkhayal
tumpukan perhatian untuk menghadapi
kiamat kecil
dunia ini hanya untuk mencorak hidup
dengan warna putih dan hitam. Carilah
pengabdian diri
untuk mencari Dia.

Di subuh angin sepoi bahasa lalu berbicara

embun juga bermadah dan berkongsi dalam
hati pedih yang luka
mengajak berkarya dan berzikir
memperbanyakkan zikrullah
demi keselesaan di dinding liang lahad untuk
menghadap Allah.

Haji Mat Noor Matussin

RENUNGAN SEJENAK

Secubit kata
secubit rasa
kenali diri belum teruja
terasa sejuk menggigil
lambut semacam mutiara.

Kupandang ke langit
redup suasana
mungkin hujan mendatangi
entah ribut entah cerah.

Lambut mutiara menyinari
pantulan bercahaya
memancar lantai yang tak basah
meremung sejenak bekalan
hari esok kan berlaku lagi
Subhanallah...
selamatkan kami ...

AMaz

KEBEBASAN NAN SALIH

Dari daerah bening sepi
kubawa bersama kepercayaan
menimpa jejak-jejak semalam
menghayati ruang dan waktu.

Dalam detik dalam hari meniti sendiri
kegembiraan menguak pohonan luka
gelombang arus hidup menampar-nampar
bagai kilat senja memecah sinar.

Kehidupan ini kebebasan nan salih
perginya tanpa nama tanpa harga
padanya adalah perjuangan yang tiada
penghujungnya.

Alwi S. M.

Dari muka 12

pada isterinya dengan
penuh kekesalan.

"Abang, bukankah si
Azwani tu yang kita harapkan
tinggal bersama kita
nanti. Lagipun dia tu cantik,
ada rupa, tentulah bila
dia kahwin nanti dengan
orang yang berada atau
berpangkat tinggi. Ah... Si
Amalina tu, apa nak kita
harapkan bang?"

"Ooo... jadi kerana
Azwani tu cantik, menarik,
pasti akan kahwin dengan
orang yang berpangkat,
sebab itulah kau lebih
sayangkan dia. Amalina tu
buruk tak boleh kahwin
dengan orang yang baik-
baik, itu yang kau fikir
ya?" ujar Ibrahim lagi
dengan nada marah.

"Abang, dunia sekarang
orang lebih suka yang cantik-
cantik. Tengoklah nanti!"
tegas Faridah angkuh.

"Baiklah kita sama-
sama saksikan nanti, kalau
umur kita panjang!"
potong Ibrahim dengan

penuh keazaman. Dia
beredar meninggalkan isteri-
nya yang suka bersikap
berat sebelah.

Dan masa terus berlalu.
Akhirnya telah terbukti apa
yang Faridah dan Ibrahim
perdebatkan suatu ketika
dahulu, walaupun Ibrahim
telah tiada kini. Faridah
merasa cukup malu dan
menyesal. Faridah men-
gaku segala pendapatnya
selama ini adalah salah.
Azwani telah tersalah pilih
melalui jalan hidupnya.

Faridah sedar Azwani
begitu bebas bergaul se-
masa di pusat pengajian
tinggi dulu. Dia banyak
bergaul dengan anak-anak
muda dari golongan
hartawan yang berada dan
mempunyai kedudukan.
Sehingga itulah seorang
ahli perniagaan telah men-
jerut hatinya. Dia hanyut
keasyikan di lautan cinta
yang penuh kepalsuan,
sedangkan pelajaran entah
ke mana.

Faridah dapat mera-

sakan mukanya seperti
dipaliti arang oleh anak
kesayangannya sendiri,
anak yang selama ini dipu-
jinya setinggi gunung.
Azwani terpaksa berhenti
belajar dari pusat pengajian
tinggi itu kerana tidak lulus
peperiksaan akhir yang
telah diambilnya beberapa
kali.

Kini Azwani hidup
bersama-sama ahli perniaga-
an itu yang sering pula
mengabaikan dirinya.
Suaminya begitu sibuk
menguruskan perniagaan
dan sering pula mening-
galkan Azwani sendirian di
rumah. Dan paling mema-
lukan Faridah, Azwani
adalah isteri yang kedua!
Terasa keangkuhannya
selamanya ini menghu-
kumnya dengan sejuta
penyesalan.

Apabila teringatkan
Azwani, hati Faridah akan
remuk. Dia akan menangis
sepuas-puasnya men-
genangkan nasib malang
yang ditanggung oleh anak

kesayangannya, Azwani
binti Ibrahim. Dan kerana
selalu bersedih dia jatuh
sakit.

Ya, Faridah mula jatuh
sakit sejak mengetahui
keadaan hidup Azwani.
Faridah disahkan doktor
sakit jantung. Dan Azwani
pula tidak pulang-pulang
sejak berkahwin dengan
ahli perniagaan yang senti-
asa sibuk dengan urusan-
urusannya.

"Mama, Azwani amat
malu untuk pulang mene-
mui mama. Azwani malu
pada diri Azwani sendiri,"
demikian antara isi kan-
dungan surat apabila bebe-
rapa kali Faridah menulis
surat memintanya pulang
ke kampung.

Selepas itulah Faridah
terlantar di rumah sakit dan
merindui anak kesaya-
ngannya. Sudah tiga
pucuk telegram dikirimkan
pada Azwani, namun anak
kebanggaannya itu tidak
juga pulang-pulang.

Tetapi sebaliknya yang
pulang merawati dirinya

saban hari adalah anak
kebenciannya dahulu.
Anak yang tidak langsung
diharap-harapkan dapat
memberi kemewahan hi-
dupnya. Anak yang selalu
dipandang buruk dan
lemah yang dulunya men-
jadi amah di rumahnya!

Tuhan telah menun-
jukkan keadilan-Nya.
Sememangnya rasa penye-
salan itu mengikat dan
menjerut hati Faridah
sekarang. Air mata terus
mengalir menemani penye-
salannya hari itu dan me-
nempelak keangkuhannya
suatu ketika dahulu.

"Sudahlah mama,
perkara yang lepas tu tak
usahlah dikenang-kenang
lagi. Amal tidak langsung
berasa hampa atas apa yang
mama lakukan dulu. Seba-
liknya Amal berasa bertuah
kerana diberi kepercayaan
memikul tanggungjawab
terhadap rumah dan kelu-
arga kita," suaranya begitu
ikhlas mengalir keluar dari
hati seorang anak yang
benar-benar bertanggung-
jawab lagi berbakti ter-

hadap ibunya.

Bibir Faridah yang
pucat dan kekeringan itu
mengorak senyum.
Senyuman ketenangan,
"Kaulah sebenar-benarnya
anak emak, Amalina....
Mama silap selama ini..."
kata-kata keinsafan itu
akhirnya keluar amat perla-
han diiringi air mata.

Tiba-tiba di muka
kamar wad tersebut muncul
seorang wanita mendukung
seorang anak berusia kira-
kira setahun.

"Mama, kakak dah
pulang!" seru Amalina
kegirangan.

Azwani bersama anak
dan suaminya merapati
katil ibunya. "Mama!..."
perkataan yang keluar dari
bibirnya setelah hampir
setahun tidak bersua.
Sebelah tangannya mem-
egang tangan ibunya erat-
erat.

"Kau... Kau pulang
juga Azwani!" suara yang
amat perlahan itu menusuk
hati Azwani. Juraian-juraian
air mata pun terus men-
galir lagi...

raket badminton saja.
Bukankah antara pelajaran
dan sukan tu lebih baik kita
mengutamakan pelajaran?"
Ibrahim menyampaikan
pendapatnya pada masa
kedua-dua anaknya me-
merlukan pengiriman wang
daripada mereka.

"Berikanlah wang tu
kepada Wani dulu. Dia tu
kan nak menyertai per-
tandingan badminton. Ka-
lau tak diberikan macam
mana dia nak main. Kata-
nya raketnya dulu dah
rosak," Fatimah masih
mempertahankan kehendak
anak kesayangannya,
Azwani.

"Macam mana pula
dengan Amalina? Bukankah
dia yang minta wang tu
lebih dulu. Dan hampir
sebulan dia kiriman surat
tu, kau biarkan saja. Tapi
bila Azwani kiriman surat
cepat-cepat pula kau
bertindak!" marah Ibrahim

REMAJA

LANDSKAP REMAJA

BILA kita memperkatakan mengenai landskap remaja, ia amat jelas memberikan suatu gambaran yang begitu kemas. Struktur yang ingin dipamerkan ialah generasi yang terpinpin dan terasah dengan pembinaan asas serta kesempurnaan yang menjadi modal dalam pembaharuan dan kemajuan negara. Landskap misalnya merupakan susunan dan keindahan daya kreativiti yang menghiasi sesuatu perkara. Hal ini menjadi bahan-bahan dan asas penting pada mewujudkan suatu daya tarikan yang dapat dijadikan sebagai kekuatan. Kekuatan yang ingin ditonjolkan ialah daya tarikannya sama ada dari segi idea, olahan dan perlaksanaan asas yang dibina itu.

Kerana itu pembinaan landskap remaja merupakan asas pembinaan struktur yang lengkap dan menarik. Sebagai aset penting generasi remaja perlu belajar dan menyedai diri ke arah pembinaan struktur kehidupan yang akan dapat dijadikan sebagai 'capital human resource investment' yang

berguna. Kita perlu memahami apakah visi yang diinginkan oleh pemimpin dan raja yang kita kasih. Bila kita sudah memahami dan mempelajari keperluan yang ingin diwujudkan, dari sinilah bermulanya pembentukan landskap generasi remaja itu. Landskap itu perlu meliputi kehidupan generasi yang berilmu, berdaya saing, berkemahiran dan berpengalaman luas di pelbagai bidang. Apabila faktor sedemikian ini ada maka susunan landskap kehidupan itu akan pasti lebih terarah dan kemas kini ditambah lagi dengan adanya kemampuan mewujudkan pembaharuan.

Baru beberapa hari kita bersama-sama meraikan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 dan kini kita masih lagi meraikannya dengan pelbagai acara keraian. Sebenarnya banyak perkara yang signifikan dilakukan oleh kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam melaksanakan pembaharuan dan kemajuan

OLEH H. A. MANAP

bangsa dan negara. Tidak terkecuali dalam proses sedemikian ini generasi muda remaja menjadi perhatian dan tumpuan baginda. Tujuannya untuk mewujudkan landskap remaja belia yang dinamik dan mampu bergerak aktif. Pelbagai kemudahan latihan, pembinaan diri, latihan kemahiran, institusi pengajian tinggi dan banyak lagi diwujudkan untuk melahirkan generasi muda belia yang mampu membantu kesinambungan pembangunan dan kemajuan bangsa.

Bantuan kemudahan di pelbagai bidang, tidak pernah menjadi isu 'secondary' dalam melaksanakannya. Kerana itu sebagai generasi yang menjadi perhatian baginda, kita perlu bersiap sedia dan melangkah dengan berani mengharungi cabaran masa. Penumpuan dalam membina kemampuan bersaing tetap menjadi teras dan utap yang akan menyukut sejauh mana kita mampu bergerak dalam arus kemajuan dan kepantasan yang berlaku

di sekeliling kita ini. Skop pemikiran hendaklah diunjurkan jangkauannya dengan lebih jauh lagi. Lantaran adanya cabaran dan saingan semasa, jangkauan sedemikian ini perlu berjalan serentak agar seimbang dengan kehidupan yang kita inginkan.

Proses pembaharuan itu nantilah yang akan terpenuhi dengan keupayaan dan kemampuan kita dalam menyiapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Jika kita mampu mewujudkan generasi sedemikian yang mempunyai latar landskap yang indah dan lengkap, kita akan berada pada satu tahap bila mana proses melahirkan tenaga manusia yang berwibawa akan terpenuhi. Kewibawaan yang dihasratkan ialah berkualiti tinggi, berkemahiran dan berilmu pengetahuan yang luas. Inilah yang akan mencorakkan landskap remaja itu dan inilah keindahan yang akan terpancar dalam menempuh arus dan gelombang kehidupan yang dilalui.

132 pelajar berjaya memasuki Sekolah Perdagangan

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre Haji Abdullah

GADONG, 7 Julai. - Sekolah Perdagangan telah menerima sebanyak 202 permohonan, tetapi cuma 94 orang pelajar yang berjaya selepas memenuhi syarat dan lulus temu duga.

Di samping jumlah itu, seramai 38 orang pelajar berjaya menamatkan pengajian di peringkat Pra Diploma Kebangsaan dan akan melanjutkan pengajian di peringkat Diploma Kebangsaan dalam jurusan 'Business and Finance'.

Pengetua Sekolah Perdagangan, Cikgu Habib Mohamad bin Haji Wan Junaidi berucap demikian di Majlis Suai Kenal dan Pendaftaran Pelajar-pelajar Baru Pengambilan Pertama Sesi Julai 2005 berlangsung di Dewan Kuliah, Sekolah Perdagangan hari ini.

"Dengan kemasukan tujuh kumpulan pelajar-pelajar baru dengan kera-maiaan 132 pelajar, Sekolah Perdagangan pada hari ini mempunyai kera-maiaan pelajar yang melebihi 230 orang iaitu dari 14 kumpulan termasuk empat kumpulan pelajar yang sedang menjalani 'Industry Attachment' selama tiga bulan," tambah beliau.

Sekolah Perdagangan pada awalnya bermula dengan Jabatan Pengurusan dan Perdagangan yang bernaung di bawah pentadbiran Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara. Kera-maiaan pelajar pada masa itu mencapai 140 orang. Jabatan itu telah dibubarkan menjadi satu entiti tersendiri dan

menjadi Sekolah Perdagangan yang beroperasi dengan sistem dan pentadbirannya sendiri mulai 2 Februari 2005.

Ia merupakan sekolah teknikal dan vokasional yang kelapan yang ditubuhkan bagi menampung keperluan negara yang memerlukan lepasan-lepasan graduan dalam bidang Pengurusan dan Perdagangan serta melahirkan potensi individu yang berminat untuk membuat jurusan keusahawanan (entrepreneurship incubator).

Kursus-kursus yang ditawarkan ialah 'Pra National Diploma In Business and Finance' selama setahun, 'National Dip-

loma In Business and Finance' selama dua tahun, 'Pra National Diploma In Secretarial Studies' selama setahun dan Sijil Keusahawanan secara berperingkat selama sebulan hingga tiga bulan.

Sekolah Perdagangan mula beroperasi pada 14 Februari 2005 dengan kera-maiaan 28 orang kakitangan, manakala sesi suai kenal yang bermula pada hari ini hingga 9 Julai adalah bertujuan bagi memperkenalkan organisasi. Sekolah Perdagangan dan sesi suai kenal kepada pelajar-pelajar baru dan juga masa bagi penyesuaian diri pelajar-pelajar yang telah pun diterima masuk bagi sesi tahun ini.



SEBAGIAN 132 pelajar diterima bagi mengikuti pengajian Pengambilan Pertama Sesi Julai 2005 Sekolah Perdagangan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramal di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 6 Julai 2005

Masjid Kampong Kiudang, Tutong.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 680

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 680,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 680

1. Apakah nama bangunan itu?
2. Di manakah letaknya?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 6 Julai 2005

Md. Mughniy bin Haji Abdul Razak,
Sekolah Arab Jerudong,
Umur : 11 tahun

Siti Khadijah Mariah binti Imam,
Haji Abdul Samah Shukri,
Umur : 6 tahun

Nor Ain binti Monir,
Sekolah Menengah Sayyidina Hassan,
Umur : 14 tahun



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تیلیفیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 20 JUL	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.38	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - 'Misteri Di Balik Tabir'
			10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	SINAR		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN			4.20	KONG THE ANIMATED SERIES		MALAM	9.30	TRADISI
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.50	GADGET AND GIZMOS					10.00	NEWS AT 10
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20	LIPUTAN SEMASA	5.05	GILLETTE WORLD OF SPORT	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	BRUNEI LEAGUE 2005
		BERITA	11.35	DRIVE			7.30	H & S (REMAJA TALK SHOW)	11.00	COSBY SHOW
21 JUL	9.00	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.30	DRAMA (MEDIA CORP TV) - 'Senja Berbunga'	7.52	AZAN ISYAK	11.30	THE PRACTICE YR. 8
			PETANG				8.00	BERITA NASIONAL	12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA				

K H A M I S 21 JUL	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.38	AZAN MAGHRIB	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
			10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.20	ANIMATION HOUR - 'Kid and Kaboodle/ Teletubbies'	6.45	FIQHUL MIRATHS		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	MASAK APA SR. 2				MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan					10.30	DRAMA - 'Mimpi Di Garis Pelangi'
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	SIARAN TAMAT	5.10	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN		
		BERITA	PETANG		5.30	AROUND THE WORLD IN EIGHTY DAYS	7.25	WARTA ISLAM	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Diamond Hunters'
22 JUL	9.00	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.00	LAGU KEBANGSAAN			7.52	AZAN ISYAK		
			4.02	TILAWAH AL-QURAN	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 22 JUL	PAGI		10.25	WHAT DO YOU THINK ABOUT THAT SR. 2	PETANG			HINDI - Sambungan	8.00	BERITA NASIONAL
					1.30	VISI SUCI	5.45	BERITA	9.00	FIKIR-FIKIR
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.50	BEING EVE	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	6.10	SYIAR MASJID	9.30	DOKUMENTARI MOU RTB/CHANNEL 11
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.15	EHSAN			6.38	AZAN MAGHRIB		THAILAND
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA	2.30	DINAMIK	6.45	SUTERA HATI		NEWS AT 10
		BERITA	11.45	JEJAK RASUL	3.00	TAYANGAN GAMBAR		MALAM	10.00	KHUTBAH JUMAAT
23 JUL	9.00	RANCANGAN HARI INI	12.15	CHILDREN ASIA - 'Fragile Promise'		HINDI - 'Devdas'	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.55	TELEDRAMA - 'Insaf Di Hujung Jalan'
	9.15	GLADIATOR ACADEMY	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.51	AZAN ASAR	7.20	DEKOR		
	10.02			JUMAAT- Siaran Langsung	4.00	TAYANGAN GAMBAR	7.52	AZAN ISYAK	12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 23 JUL	PAGI			'Bug Alert/The Lost World' CONTROL FREAKS	12.15	'Day of The Roses' SIMPOSIUM INTERGRITI	5.45	'Book of Nature' BERITA	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.50	DRAMA CO PRODUCTION - 'Sambat Malam Hari' - Ulangan		DALAM PERKHIDMATAN AWAM - 'Integriti Dasar Perkhidmatan Awam - Daerah Temburong'	6.05	LATITUDES		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.20	BERITA		AWAM - 'Integriti Dasar Perkhidmatan Awam - Daerah Temburong'	6.38	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	DOKUMENTARI - Ulangan	2.45	EXPERIENCE BRUNEI	6.45	PEDOMAN AKIDAH	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Shake Zulu'
	9.00	BERITA	12.00	AZAN ZUHUR	3.15	CHICAGO HOPE		MALAM		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.28		3.51	AZAN ASAR	7.00	DUNIA ASIA	12.00	ARE YOU BEING SERVED SR.1
24 JUL	10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		4.10	ROUTES OF ISLAM	7.52	TREASURE HUNTER		
	10.05	KIDS HOUR -	12.45	PANGGUNG PETANG SABTU -	5.00	KIDS HOUR - 'The Great	8.00	AZAN ISYAK	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
								BERITA NASIONAL		

A H A D 24 JUL	PAGI		10.05	ANIMATION HOUR - 'We All Live Here Sr. 2 / 'Even Stevens'	PETANG			5.30	WILDLIFE DIARY		TANAH AIRKU	
					1.15	SPORT	5.45	BERITA	7.52	AZAN ISYAK		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	LENS SR.1	2.40	JUARA - Siaran Langsung	6.15	SIGNS OF ISLAM - 'The Colour of Islam - Sudan'	8.00	BERITA NASIONAL		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.15	SUNDAY MATINEE - 'Olsen Twins: Billboard Dad'	3.51	JUST KIDDING			8.50	TIRAI KELUARGA - 'Jangan Biarkan Bumi Menangis'		
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			4.10	AZAN ASAR	6.38	AZAN MAGHRIB		NEWS AT 10		
	9.00	BERITA	11.30	BERITA		PERTUKARAN RANCANGAN MOU	6.45	PENGAJARAN DARI AL-QURAN	10.00	PERTANDINGAN RHYTHM FIESTA 2005 - (Siaran Tertunda)		
25 JUL	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.45	SUNDAY MATINEE - Sambungan	4.40	KAUNSELING MASYARAKAT		MALAM	10.30			
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.28	AZAN ZUHUR	5.05	ANIMATION - 'Maple Town'	7.00	KUIZ KENALI	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT		

I S N I N 25 JUL	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	5.55	ANIMALIA	8.50	DRAMA - 'Liku-liku Ke Puncak'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.38	AZAN MAGHRIB			
	6.02	TILAWAH AL-QURAN			4.20	ANIMATION - 'Nanook's Great Hunt / Super Little Fanta Heroes'	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	9.30	INFO SIHAT	
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	SELERA ASEAN				MALAM			
	9.00	BERITA	11.30	BODY AND SOUL			7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10	
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.15	SPORT PAGES	7.20	SAJIAN ORIENTAL SR. 3	10.30	SUKAN GLOBAL	
26 JUL			PETANG				7.51	AZAN ISYAK	11.00	NAKED PLANET	
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	

S E L A S A 26 JUL	PAGI		10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.45	AL ISLAM	9.30	DOKUMENTARI
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN			4.15	RANCANGAN HARI INI			10.00	NEWS AT 10
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.45	MUTIARA HUTAN SR. 1 - Ulangan	4.20	ANIMATION: 'Carland Cross'		MALAM	10.30	ASEAN-EC
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	4.40	NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRL	7.00	DRAMA - 'Klinik'		INTERNATIONAL HRD CONVENTION & EXHIBITION
	9.00	BERITA	12.00	SIARAN TAMAT	5.00	THE WHOLE STORY	7.30	DOKUMENTARI		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			5.45	BERITA	7.51	AZAN ISYAK		
27 JUL	10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		6.05	KID SINAR	8.00	BERITA NASIONAL		
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.37	AZAN MAGHRIB	8.50	SIMPOSIUM: - 'National Business Forum Asia Inc Forum'	11.15	WITHOUT TRACE
									12.15	PRETENDER
									01.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

Konsep perkembangan sains seiring dengan Islam amat perlu

Oleh Noor Khadijah Tengah

RIMBA, 30 Jun. - Konsep perkembangan sains seiring dengan agama Islam amat perlu agar apa jua kreativiti atau penemuan-penemuan saintifik itu tidak akan disalahgunakan sehingga membawa akibat yang mendatangkan keburukan atau kerosakan.

Pada masa yang sama, dalam usaha menerokai ilmu pengetahuan, kreativiti saintifik merupakan sebahagian daripada ejen kepada percambahan kemajuan hidup manusia.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyatakan demikian di Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Mengenai Sains Dari Perspektif Islam dengan tema 'Towards Understanding of Islam and Science' berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, sebagai sesuatu yang bermanfaat dan mendatangkan kebajikan, Islam tidak menolak hakikat dan kewujudan elemen-elemen tersebut. Walau bagaimanapun aplikasi tertentu dan natijah negatif yang terbit darinya adalah disangkal oleh Islam.

Menyentuh seminar yang diadakan buat julung-julung kalinya itu, Yang Berhormat menyifatkan sebagai langkah yang signifikan bukan sahaja dalam usaha negara untuk meluaskan lagi skop universiti selaku gudang pembelajaran dan penyelidikan, tetapi juga bagi membawa para peserta dan ahli fikir untuk berkongsi dan meluaskan peluang secara berterusan bagi mencari kenyataan sebenar ke arah membawa Islam dan ilmu sains ke satu senergi yang tersendiri.

Menurut Yang Berhormat, sejarah sains dan Islam khususnya perubatan bermula dari bangsa Arab yang telah banyak mendapat manfaat daripada bidang ini dan kita dapat mengetahui bukti-buktinya daripada kemajuan dan perkembangan di kota-kota seperti Baghdad, Damascus, Kaherah dan Cordoba.

Yang Berhormat berkatanya, Baghdad pula pernah menjadi ibu negara bagi dunia saintifik di mana orang-orang Islam menjadi perintis dengan 'originality' dan produktiviti yang nyata dan banyak cabang ilmu sains yang telah diketengahkan oleh orang Arab Islam



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman hadir merasmikan Seminar Kebangsaan Mengenai Sains Dari Perspektif Islam. Majlis berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

seperti prinsip pendulum (batu ladang) yang digunakan bagi mengukur masa, bacteriology, anaesthesia, ilmu pembedahan, ophthalmology, pharmacology, psychotherapy dan ajaran ilmu kimia alchemy di mana banyak perkataan Arab masih digunakan sehingga kini.

Yang Berhormat menambah, selain mendapatkan ilmu baru, orang-orang Arab Islam 1,000 tahun dulu juga mengambil serius mengenai latihan dan penyebaran pendidikan perubatan di mana sesi klinikal dan pengajaran dan bidang ini diadakan berdasarkan sistem apprenticeship.

Dalam bidang Sains Perubatan, Yang Berhormat menjelaskan ba-

hawa orang-orang Arab Islam ketika ini juga mengambil kira latihan antara pelajar dan pakar, mereka bentuk kurikulum bagi pelbagai sekolah perubatan, memberikan lesen kepada pengamal perubatan iaitu doktor serta menubuhkan hospital yang mempunyai wad-wad berasingan untuk merawat penyakit-penyakit yang berbeza kerana mereka mengetahui mengenai penjangkitan penyakit.

Katanya, kegemilangan umat Islam dalam menguasai ilmu sains ini akhirnya berpindah ke Eropah yang menurut ahli sejarah betapa struktur sistem perubatan di Eropah diperolehi daripada orang-orang Arab Islam.

"Kini tidak banyak

'referral' yang diketengahkan dalam sains yang kita ketahui bersumberkan kepada Al-Quran sekalipun saintis-saintis Islam," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, semakin tinggi dan banyak penemuan yang dicapai akan menjadi ukuran tahap keagungan Allah Al-Khaliq yang mencipta alam dan memiliki segala cabang ilmu.

Semasa berucap Menteri Pendidikan juga berharap agar UBD akan terus mensejajarkan fokusnya dengan lebih dinamik dan meneruskan usaha untuk memperjelaskan kedudukan dan persepsi mengenai Islam dan

Tentera Darat Diraja Brunei dipimpin pemerintah baru

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS KEM, 1 Julai.

Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) dipimpin oleh Pemerintah TDDDB yang baru. Upacara Perbarisan Serah Terima Tugas Pemerintah TDDDB yang lama dan baru berlangsung hari ini di Padang Kawad, Batalion Pertama TDDDB di sini.

Upacara menandatangani Sijil Serah Terima Tugas antara Pemerintah TDDDB, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani (pemerintah lama) dan Kolonel Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu (pemerintah baru) sebelumnya memegang jawatan Timbalan Pemerintah TDDDB.

Terdahulu dari itu upa-

cara bermula dengan Pemerintah TDDDB, Yang Dimulikan menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan daripada anggota-anggota TDDDB.

Selepas itu diikuti dengan tabik hormat dan memeriksa perbarisan oleh Pemerintah TDDDB yang baru, Kolonel Pengiran Haji Rosli.

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani memerintah TDDDB yang mengandungi tiga batalion itu Batalion Pertama, Kedua dan Ketiga. Di samping itu para anggotanya juga terlibat bersama-sama para anggota negara-negara luar dalam misi pemantauan di Republik Filipina.



SERAH Terima Tugas Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani dan Pemerintah TDDDB yang baru, Kolonel Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu. - Gambar oleh Ramli Tengah.

'Learning Organisation' sebahagian strategi Jabatan Penerangan

BERAKAS, 2 Julai. - Lebih 127 pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di keempat-empat daerah yang mengikuti Kursus Laman Web Jabatan Perdana Menteri (PMONet), Kursus Komputer, Kursus Menulis Laporan dan Kertas Kerja, Kursus Pengendalian Mesyuarat Berkesan, Kursus Pengucapan Awam dan Kursus Induksi bagi pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat, diraikan dengan Majlis Penyampaian Sijil berlangsung di Bilik Pehin Udana Khatib, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, di sini.

Penyampaian sijil-sijil disempurnakan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut yang antara lain berkata, jabatannya mengambil berat mengenai latihan dalam perkhidmatan dan juga perkembangan kakitangan setiap jabatan yang mempunyai hubungan kait dengan LO ((learning organisation).

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah
Zohre Haji Abdullah

LO, katanya, sebahagian strategi Jabatan Penerangan dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan menjadikannya satu budaya untuk pegawai dan kakitangan menimba ilmu secara berterusan melalui kaedah ataupun konsep pembelajaran seumur hidup.

"Jabatan Penerangan nampaknya pada tahun ini telah mengambil kira maklum balas yang diberikan oleh para Pegawai Luar, Pembantu Pegawai Luar, dan Pegawai Penerangan akan lebih penting setelah mengadakan beberapa retreat yang menghubungkan kait dengan perancangan strategi dan salah satunya yang dirumuskan daripada fikiran dan cadangan-cadangan iaitu memerlukan latihan pendedahan kepada beberapa kemahiran yang diperlukan sebagai Pegawai Penerangan, Pegawai Luar dan Pembantu

Pegawai Luar," tambahnya.

Sebelum mengakhiri ucapan, Pengarah Penerangan berharap ilmu yang diperolehi melalui kursus-kursus tersebut akan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin untuk menambah

kemahiran dan juga perkembangan perancangan jabatan tersebut.

Di majlis itu, Pengarah Penerangan selaku tetamu kehormat juga menyampaikan cenderamata kepada tenaga pengajar kursus yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan Institut Teknologi Brunei (ITB).



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyampaikan sijil kepada seorang pegawai Jabatan Penerangan yang mengikuti pelbagai kursus. - Gambar oleh Pengiran Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Jaga identiti kebruneian

BERAKAS, 9 Julai. -

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut hari ini menerima kunjungan muhibah tiga orang penuntut tempatan yang mendapat Anugerah Biasiswa Kerajaan Singapura 2005 yang akan melanjutkan pelajaran ke National University of Singapore.

Semasa kunjungan tersebut, para penuntut diberikan taklimat dan nasihat serta dorongan yang disampaikan oleh

Oleh Refa'ah
Ali Osman

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

Dalam kunjungan muhibah tersebut, Pengarah Penerangan menyeru para penuntut agar menjaga tatasusila dan mengekalkan identiti kebruneian di mana saja mereka berada dalam sama-sama menjaga imej Negara Brunei

Darussalam.

Setakat ini, seramai 18 orang penuntut telah menerima biasiswa tersebut. Penerima biasiswa pada tahun ini terdiri daripada Dayangku Arditta binti Pengiran Mohammad Zaidi yang mengambil jurusan Kejuruteraan Mekanikal, sementara Dayang Lim Xin Yi mengambil jurusan Farmasi dan Awang Billy Lim Jin Hoe mengambil jurusan Kejuruteraan Kimia.